



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



JABATAN
KEMAJUAN MASYARAKAT



2022

LAPORAN TAHUNAN



2022

LAPORAN TAHUNAN





Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

01

**PERUTUSAN
KETUA PENGARAH KEMAS**

5

02

PROFIL KORPORAT

9

03

CARTA ORGANISASI

14

04

**MAKLUMAT
KORPORAT**

18

05

CARTA FUNGSI

26

06

MAKLUMAT BAHAGIAN/UNIT

25

Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran	48
Bahagian Kewangan & Perolehan	64
Bahagian Pembangunan	70
Bahagian Latihan & Pembangunan Profesional	82
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik	108
Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak	134
Bahagian Pendidikan Kemahiran	160
Bahagian Pembangunan Komuniti	186
Unit Teknologi Maklumat	210
Unit Komunikasi Korporat	218
Unit Integriti	226
Direktori Pejabat Kemas	232

Lagu KEMAS

Kemajuan masyarakat
Itulah teras utama kita
Membela bangsa membangun Negara
Agar maju dan jaya

Berinisiatif, berdikari membentuk jiwa hati nubari
Bersih, cekap, amanah diri
Semoga hidup bererti

Ayuh bangsaku bangunlah bersama
Tampilkan diri ke muka
Turuti segala rancangan kita
Dengan azam semangat waja

Pelbagai usaha dilaksana
KEMAS wujud di merata-rata
Menggerak, mendorong masyarakat kita
Mencapai hidup sejahtera

Diilhamkan oleh:
Dato' Haji Ibrahim Bin Haji Narek

01

PERUTUSAN KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

A portrait of a middle-aged man with short black hair and glasses, wearing a dark grey suit, a blue and white striped shirt, and a red tie with a geometric pattern. He has a name tag that says "KAMAL" on his left lapel. His hands are clasped in front of him. The background is a solid orange color. A white rectangular frame is partially visible behind him.

Perutusan Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

Datuk Ahmad Kamal Idris Bin Mohd Nawawi

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Malaysia

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas limpahan rahmat dan 'inayah-Nya memungkinkan pertemuan kita dalam Buku Laporan Tahunan KEMAS 2022 ini. Saya mewakili pihak pengurusan tertinggi KEMAS dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah menzahirkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga kerja KEMAS di semua peringkat yang telah bersatu hati dalam merealisasikan misi dan visi Jabatan ini serta memastikan segala perancangan dan agenda sepanjang tahun 2022 dapat dilaksanakan dengan begitu baik sekali.

KEMAS DIKTIRAF JENAMA PALING DIPERCAYAI OLEH READER'S DIGEST BUAT KALI KE -3

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) terus menerima pengiktirafan sebagai jenama yang dipercayai oleh Reader's Digest dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di negara ini. Transformasi yang diperkenalkan oleh KEMAS dalam pendidikan awal kanak-kanak termasuk memperkenalkan pendigitalan dalam pembelajaran membuktikan pendidikan awal kanak-kanak di bawah KEMAS seiring dengan peredaran semasa.

Semasa pandemik Covid-19 menyaksikan pelbagai transformasi dilaksanakan oleh KEMAS dalam memastikan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian membolehkan pelajar-pelajar KEMAS mengikuti PdPR dengan lebih tersusun dan sistematik. PdPR secara dalam talian juga mampu memastikan pelajar KEMAS tidak ketinggalan dalam pembelajaran sekaligus memberikan keyakinan kepada ibu bapa dalam memilih dan dipercayai KEMAS sebagai pendidikan awal kanak-kanak.

Penilaian Reader's Digest berteraskan kepada 7 aspek iaitu kualiti, inovasi, mutu dan tanggungjawab sosial, kebolehpercayaan, kredibiliti dan memahami kehendak pengguna. Kaedah pengukuran kualiti dan penilaian persepsi ke atas pengguna yang dilaksanakan oleh Reader's Digest

berbentuk subjektif ini membuktikan penilaian yang telus serta tiada unsur-unsur paksaan kepada pengguna untuk meletakkan jenama tertentu dalam soal selidik yang dibuat.

Sesi Libat Urus KEMAS, Ibu bapa dan masyarakat setempat secara berterusan dalam program dan aktiviti melibatkan pendidikan awal kanak-kanak akan diteruskan dan ditingkatkan demi memastikan kepercayaan ini terus kekal sekaligus memartabatkan institusi pendidikan awal kanak-kanak di bawah KEMAS terus unggul di persada pendidikan negara.

PROGRAM PINTAR BOTANI SEBAGAI TEMPAT PEMBELAJARAN YANG MENARIK

Tuan-tuan dan puan-puan.

Belajar di TABIKA KEMAS bukan sahaja akan mendedahkan anak-anak dengan dunia pembelajaran di dalam kelas sahaja. Namun sebenarnya KEMAS merupakan satu-satunya TABIKA yang menjadikan alam sekitar sebagai alat atau proses pengajaran dan pembelajaran yang sempurna.

Guru-guru, pihak pengurusan KEMAS dan Jawatankuasa aktiviti sama-sama berganding bahu berusaha meningkatkan mutu pembelajaran dan merangsang perkembangan emosi kanak-kanak secara semulajadi melalui pelbagai aktiviti yang dinamakan program pintar botani.

Pintar Botani dahulunya dikenali sebagai program kebun dapur yang merupakan aktiviti penanaman sayur-sayuran yang biasa seperti halia, daun kari, tomato, dan sebagainya. Mulai tahun 2018, kebun dapur telah dijenamakan semula kepada nama Pintar Botani dengan mengintegrasikan komponen pemakanan ke dalam program ini, seiring dengan matlamat RMK-11. Di mana kebun dapur atau Pintar Botani berfungsi sebagai platform ruang pembelajaran yang berkesan dan terbaik.

Ini merupakan proses pembelajaran yang paling berkesan kerana ia dapat memupuk sifat ingin tahu dalam diri kanak-kanak dan menjana kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sebagaimana yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Program di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak, KEMAS Ibu Pejabat ini dijadikan sebagai pertandingan tahunan yang bermula dengan pertandingan TABIKA KEMAS yang mempunyai kebun atau taman botani yang terbaik dari setiap KEMAS Negeri dan seterusnya akan mewakili negeri masing-masing untuk bertanding ke peringkat kebangsaan. Penilaian yang dilakukan tidak hanya tertumpu kepada Kreativiti Hiasan, Kesesuaian Susunatur, Keselamatan dan Kebersihan sahaja, malah Aktiviti Pengajaran & Pemudahcaraan (PdPc) Kanak-Kanak, Penglibatan, Penjimatan Kos/Peningkatan Pendapatan, Pendidikan Pemakanan dan Amalan Kebersihan di TABIKA KEMAS juga sangat dititikberatkan.

Melalui pertandingan ini diharapkan ianya dapat menggalakkan TABIKA KEMAS melaksanakan aktiviti pintar botani sepanjang tahun, menggalakkan TABIKA KEMAS melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar kelas dengan menggunakan kebun atau taman botani dan menggalakkan kanak-kanak di setiap TABIKA KEMAS untuk mengamalkan cara pemakanan yang sihat sejak dari kecil.

Akhir bicara, harapan saya agar melalui penerbitan Buku Laporan Tahunan KEMAS 2022 ini dapat dijadikan sebagai neraca untuk memperbaiki atau melakukan sesuatu yang lebih baik di masa-masa akan datang. Segala data dan maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah bukti kepada segala usaha dan kerja yang telah pun anda semua lakukan demi mencapai visi dan misi KEMAS. Saya amat bersyukur kerana mendapat mandat dan tanggungjawab untuk menerajui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi menggerakkan kesejahteraan masyarakat luar bandar ke arah lebih berdaya saing, progresif dan mampan.

“SATU SEMANGAT, SATU PASUKAN, SATU KEMENANGAN”.

Datuk Ahmad Kamal Idris Bin Mohd Nawawi

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Malaysia



02

PROFIL KORPORAT



VISI

Penggerak Kesejahteraan
Masyarakat Luar Bandar



MISI

Memperkasa Masyarakat
Luar Bandar Ke Arah
Pembangunan Holistik

OBJEKTIF

-  Memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak melalui perkembangan sosio emosi, fizikal, intelek dan rohani berdasarkan piawaian/standard yang telah ditetapkan selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Kurikulum PERMATA Negara
-  Memberi latihan kemahiran yang berkualiti dan diiktiraf bagi mengupayakan ekonomi keluarga luar bandar
-  Memperkasa sosio ekonomi masyarakat luar bandar yang harmoni, berjaya dan sejahtera
-  Meningkatkan pembangunan modal insan yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang berteraskan pembangunan kompetensi dan kemajuan kerjaya (*Attitude, Skills & Knowledge*)

STRATEGI

-  Menumpukan Pembangunan Manusia sebagai teras dalam Pembangunan Masyarakat Luar Bandar.
-  Memperlengkapkan minda melalui pendidikan dan kemahiran mengikut tuntutan semasa.
-  Penglibatan secara langsung dan bersepadu dengan lain-lain Agensi Kerajaan, Swasta, Institusi Masyarakat dan orang perseorangan dalam usaha membangun Masyarakat Luar Bandar.
-  Merangsang kumpulan sasaran mencetus idea untuk merancang program-program pembangunan.

PIAGAM PELANGGAN


1. Keputusan permohonan kemasukan ke TABIKA/TASKA KEMAS diketahui dalam tempoh 14 hari selepas tarikh tutup permohonan.
2. Memastikan sesi perjumpaan ibubapa diadakan 2 kali setahun membincangkan perkembangan kanak-kanak di TABIKA/TASKA.
3. Memproses dan memaklumkan status permohonan kemasukan pelatih ke Pusat Bertauliah Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar dan Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh permohonan ditutup.
4. Memastikan 70% usahawan *Quick Win* yang berpotensi menghadiri kursus lanjutan sekurang-kurangnya 1 kali dalam setahun.
5. 70% peserta LEADS dapat menguasai 3M (Membaca, Menulis, Mengira) dalam tempoh 3 bulan.
6. Memastikan bayaran bil dibuat tidak melebihi 14 hari dari tarikh penerimaan (bagi dokumen yang lengkap).
7. Memastikan akuan penerimaan aduan dimaklumkan kepada pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja dan status tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja.

03

CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)





KETUA PENGARAH
DATUK AHMAD KAMAL IDRIS
BIN MOHD NAWAWI

PENGARAH BAHAGIAN
PENDIDIKAN AWAL
KANAK-KANAK

ANISAH BINTI SAIDIN



PENGARAH
PEMBANGUNAN KOMUNITI

YUHANY BINTI
KAMAROL ZAMAN



PENGARAH PENDIDIKAN
KEMAHIRAN

ZAINAL ABDIN BIN ALI



PENGARAH LATIHAN &
PEMBANGUNAN
PROFESIONAL

NORE'IN BINTI MOHD
SHUKOR



PENGETUA PLK MELAKA

NORFAZLINDA BINTI
ABDUL MAJID



PENGETUA PLK
KUALA TERENGANU,
TERENGGANU

ROSMAN BIN SHAARI



PENGETUA ILK
KUANTAN, PAHANG

KAMARUZAMAN BIN ISMAIL



PENGETUA KUALA LUMPUR

SHARIFAH BEGUM
BINTI ARABIAN



PENGETUA PLK KEPALA
BATAS, PULAU PINANG

ENCIK MOHD HANAFI
BIN ABD MUTALIB



**TIMBALAN KETUA PENGARAH
OPERASI**

KOSONG



PENGETUA AKK SERI
ISKANDAR, PERAK


WAN NORLEE BINTI
WAN ISMAIL



PENGETUA AKK
GOPENG, PERAK

PUAN NORMALINA BINTI
ABD MANAP @ABD MANAF







04

MAKLUMAT KORPORAT

Pengurusan Tertinggi



DATUK AHMAD KAMAL IDRIS
BIN MOHD NAWAWI

KETUA PENGARAH



RAFEA'AH
BINTI HAJI NAHAR

**TIMBALAN KETUA PENGARAH
PENGURUSAN & PEMBANGUNAN**

Pengarah Bahagian / Ketua Unit



Zairuddin Bin Mat Zuini
**Dasar & Perancangan
Strategik**



Jamaluddin Bin Jamari
**Sumber Manusia &
Pentadbiran**



Syakirah Binti Md Nor
**Pengarah Kewangan &
Perolehan**



Nor Azhar Bin Manap
Pengarah Pembangunan



Mohd Khairi Bin Mansur
**Ketua Unit Pengurusan
Maklumat**



Anisah Binti Saidin
**Pengarah Pendidikan Awal
Kanak-Kanak**

Pengarah Bahagian / Ketua Unit



Yuhany Binti
Kamarol Zaman

**Pengarah Pembangunan
Komuniti**



Zainal Abidin Bin Ali

**Pengarah Pendidikan
Kemahiran**



Nore'in Binti Mohd
Shukor

**Pengarah Latihan &
Pembangunan Profesional**



Shariffah Binti Mohd

Ketua Unit Integriti



Mohamad Shah Bin
Zainal Abidin

**Ketua Unit Komunikasi
Korporat**

Pengarah KEMAS Negeri



Taufik Bin Mohd Yusop
Pengarah Perak



Khairuddin Bin Md Nasir
Pengarah Sarawak



Zamri Bin Muhammad
Pengarah Johor



Ahmad Fakrul Azman
Bin Muhammad Radzi
Pengarah Sabah



Mohd Ali Hanafiah Bin Abu
Hassan
Pengarah Selangor



Noor Azman Bin
Abd Rahman
Pengarah Kedah

Pengarah KEMAS Negeri



Rokhzaidi Bin
Othman

Pengarah Melaka



Zulkifli Bin
Ahmad Nazri

Pengarah Pahang



Kamarul Bahari bin
Mohd Salleh

**Pengarah
Pulau Pinang**



Mohd Zaki Bin
Ismail

Pengarah Perlis



Hashim Bin Alang
Abdul Hamid

Pengarah Kelantan



Dr. Faridah Binti
Mat

**Pengarah
Terengganu**



Asri Bin Saleh

**Pengarah Wilayah
Persekutuan**



Darnawati Binti
Dahlan

**Pengarah
Negeri Sembilan**

Pengetua KEMAS Negeri



Norfazlinda Binti
Abdul Majid

**Pengetua
PLK Melaka**



Kamarulzaman
Bin Ismail

**Pengetua
ILK Kuantan, Pahang**



Rosman
Bin Shaari

**Pengetua PLK
Kuala Terengganu,
Terengganu**



Sharifah Begum
Binti Arabjan

**Pengetua
ILK Kuala Lumpur**



Mohd Hanafi Bin
Abd Mutalib

**PLK Kepala Batas,
Pulau Pinang**



Wan Norlee Binti
Wan Ismail

**Pengetua AKK
Seri Iskandar, Perak**



Normalina Binti Abd
Manap @ Abd Manaf

**Pengetua
AKK Gopeng, Perak**

Falsafah Pembangunan Luar Bandar

Falsafah Pembangunan Luar Bandar ialah peningkatan kualiti hidup penduduk luar bandar melalui program-program dan usaha menjadikan kawasan luar bandar satu kawasan yang produktif, menarik, maju dan menguntungkan.

Ianya harus seimbang dengan pembangunan insan yang dinamis, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan kumpulan sasaran untuk menggunakan faktor masa, sumber alam dan pengetahuan ke tahap optima.

Dengan demikian, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup keluarga sentiasa cemerlang dan dalam keredhaan Tuhan. Dari dimensi ini falsafah pembangunan luar bandar akan memberi fokus kepada pembangunan manusia oleh manusia. Instrumen pembangunan manusia adalah pendidikan seumur hidup.

Teras Falsafah


Berasaskan pembangunan manusia itu sendiri, kerana manusia akan dapat menggunakan faktor masa dan sumber ke tahap paling optima supaya kadar pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup keluarganya sentiasa dalam tahap kecemerlangan.

05

CARTA FUNGSI
BAHAGIAN / UNIT

CARTA FUNGSI

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN



BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN

PENTADBIRAN

KUALITI

Kualiti

- Program kualiti, produktiviti
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) di KEMAS Ibu Pejabat dan KEMAS Negeri
- Pasukan Petugas Kualiti KEMAS
- Pelaksanaan EKSA
- Pelaksanaan, pemantauan, penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S
- Manual Prosedur Kerja / fail meja
- Sambutan Hari Inovasi KEMAS
- Penyelaras program inovasi
- Penyelaras KIK peringkat KEMAS

KAUNSELING/ AKRAB

Kaunseling/Akrab

- Penyelaras AKRAB Peringkat Jabatan dan Negeri
- Menyelaras program-program kaunseling
- Hari Psikologi
- Menyelaras program-program AKRAB Jabatan

PENTADBIRAN, NAZIRAN & KEURUSETIAAN

Pentadbiran Am

- Pentadbiran dan kewangan
- Urusan surat-menyurat
- Penyediaan Kad Perakam Waktu
- Menyelaras petugas Perhimpunan Bulanan
- Pentadbir cuti
- Urusan penyelenggaraan, kenderaan jabatan dan kelengkapan pejabat.
- Khidmat Pelanggan (Kaunter)

Pengurusan Sewa Ruang Pejabat

- Urusan sewaan ruang pejabat pejabat Ibu Pejabat, Negeri, Daerah
- Urusan penyelenggaraan pejabat-pejabat di Ibu Pejabat, Negeri, Daerah

Keselamatan

- Penyelenggaraan semula pejabat
- Urusan penerimaan, pengendalian, pemeringkatan, penyimpanan selamat & penghantaran dokumen
- Urusan keselamatan fizikal
- Mesyuarat Pegawai Keselamatan peringkat Jabatan & Kementerian
- Urusan keselamatan peribadi

Urusan Rekod

- Urusan *coding fail – teasaurus fail*
- Urusan pelupusan fail
- Pelantikan Pegawai Rekod
- Mesyuarat berkala Pegawai Rekod Jabatan
- Latihan & kursus rekod
- Unit Pendaftaran Rahsia

Keurusetiaan


- Mengendalikan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan (Mesyuarat Pengurusan KEMAS dan Mesyuarat Pengarah-Pengarah)
- Menyelaras maklum balas berkaitan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan dan KKDW.
- Urusetia majlis Jabatan
- Sambutan Kemerdekaan
- Perhimpunan Bulanan

Naziran

- Naziran pematuhan peraturan
- Naziran dan audit pengurusan KEMAS

CARTA FUNGSI

BAHAGIAN KEWANGAN & PEROLEHAN



CARTA FUNGSI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN



CARTA FUNGSI

BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

UNIT PENGURUSAN, PENTADBIRAN & PENYELIDIKAN

1. Pengurusan & Pentadbiran Latihan

- a. Mengurus dan merancang **Pelan Operasi Latihan (POL) KEMAS** bagi struktur dan peringkat latihan yang sesuai dengan kompetensi warga KEMAS seperti *Program Assessment Centre (PAC)*, bagi warga kerja baru
- b. **Melestarikan kemudahan Institut dan Pusat Latihan KEMAS:**
 - Menyediakan kemudahan latihan ILK/PLK yang lebih kondusif dan mesra pelanggan
 - Mempraktikkan *Standard Operational Procedure (SOP)* kemudahan latihan
- c. **Merancang dan melaksanakan pemantauan terhadap:-**
 - Pengendalian perjalanan program/kursus/ bengkel di ILK/PLK mengikut SOP Latihan.
 - Pengurusan dan Pentadbiran ILK/PLK- *SOP* Kemudahan Latihan
- d. **Membina dan menyediakan Pangkalan Data dan Laporan Latihan melalui:-**
 - Pengumpulan data Unit Generik, Unit Fungsional dan Unit Pengurusan, Pentadbiran & Penyelidikan, BLPP
 - Mengendalikan Sistem e-Silk
- e. **Urus tadbir warga Latihan KEMAS**
 - Mengurus sistem sumber manusia – HRMIS jabatan khusus warga Latihan KEMAS.

2. Pengurusan Pembangunan dan Kewangan/ Perolehan Latihan:-

- Peruntukan mengurus latihan/ pesanan kerajaan
- Peruntukan pembangunan fizikal/ non-fizikal latihan
- Pengurusan aset/ inventori/ pelupusan/ hapuskira

3. Penyelidikan terhadap program/ kursus/ bengkel/ seminar latihan:-

- Menganalisa hasil laporan penilaian keberkesanan program/ kursus/ bengkel/ seminar latihan
- Menganalisa dan menyediakan keperluan sebenar latihan (Training Need Analysis -TNA) mengikut faktor yang harus diperbaiki dan dikembangkan/ ditingkatkan bagi kompetensi warga dan meningkatkan perkhidmatan KEMAS.
- Standard Prosedur Latihan/Kursus/Kemudahan Latihan.

BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

UNIT GENERIK


1. **Meningkatkan tahap profesionalisme warga KEMAS melalui kerjasama dengan Agensi awam dan swasta:**
 - a. **Kemajuan Kerjaya**
 - Pengurusan Pembangunan Kerjaya (*Succession Plan*)
 - Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK)
 - Latihan berasaskan latihan terdahulu
 - b. **Perguruan**
 - Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK)
 - Kursus Ikhtisas : Kursus Asuhan PERMATA (KAP)
2. **Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan Jurulatih Utama mengikut bidang kepakaran (SME)**
 - a. Kursus Persijilan *Coaching & Mentoring*
 - b. Sijil Kejurulatihan
 - c. Sijil Penyeliaan
3. **Membangunkan modul pembelajaran bagi Program-Program KEMAS**
4. **Pengurusan Hal Ehwal Pelatih/ Peserta Program Profesionalisme**
 - a. Pelaksanaan Tindakan Disiplin dan Tatatertib
 - b. Hebahhan, Tawaran dan Pengesahan Latihan
 - c. Pengendalian Majlis Konvokesyen – Latihan
5. **Penyediaan pengemaskinian dan pembangunan modul pembelajaran/latihan**
6. **Penilaian keberkesanan kursus**

UNIT FUNGSIONAL

1. **Melaksanakan program latihan bagi pembentukan serta pementapan jati diri dan meningkatkan kompetensi Warga KEMAS**
 - a. **Pembentukan Jati Diri:**
 - Kursus Asas Pengurusan Awam (KAPA) Lantikan Baru – Jawatan Tetap S29-S41 Lantikan Baru
 - Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPU) Lantikan Baru Jawatan Tetap dan Kontrak S19
 - Kursus Pra Perkhidmatan – Calon Pemaju Masyarakat TABIKA TASKA KEMAS S29 - Kontrak
 - b. **Program Pementapan Jati Diri**
 - Smart-PKD/ Pengurusan Daerah (S29-S41)
 - Kursus Kumpulan Pengurusan (S41-S54)
 - Kursus Lulusan DPAK – Perubahan Kendiri Anjuran KEMAS (S/N11-,S19, S29)
 - MENJARO – Pelbagai gred jawatan
2. **Menyelaras kursus-kursus kompetensi Jabatan pelbagai gred jawatan anjuran:**
 - a. Bahagian KEMAS
 - b. KEMAS Negeri
 - c. Institut & Pusat Latihan KEMAS
3. **Menyelaras kursus-kursus umum/ seminar/ Public Program**
4. **Penyediaan pengemaskinian dan pembangunan modul pembelajaran/latihan**
5. **Penilaian keberkesanan kursus**


CARTA FUNGSI

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK (DRS)



CARTA FUNGSI

BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK



CARTA FUNGSI

BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

TVET

- Penyelarasan program di Pusat Bertauliah KEMAS (AKKSI) dan (AKKG)
- Merancang program kemahiran ke arah persijilan dan Diploma yang diiktiraf
- Menggubal dan membangunkan modul berasaskan *National Occupational Standard Skills* (NOSS)
- Menyediakan manual pengguna dan garis panduan kurikulum dan ko-kurikulum
- Mewujudkan jaringan kerjasama strategik bersama agensi teknikal dan vokasional di peringkat nasional dan antarabangsa
- Menguruskan pengambilan pelajar dan pengesanan graduan (*tracer studies*)

AKREDITASI & INDUSTRI

- Pengurusan Pentauliah dan Penarafan Bintang Pusat Bertauliah
- Menetapkan standard piawaian program kemahiran
- Menentukan pembangunan modul, kurikulum dan tenaga pengajar berdasarkan NOSS
- Mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran dalam bidang teknologi, teknikal dan berkaitan
- Merancang dan memantau penggunaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti
- Menubuhkan bank soalan yang standard dan menepati piawaian JPK
- Menentukan penilaian dan peperiksaan yang berkualiti
- Memastikan pusat bertauliah dan ruang pembelajaran berada dalam keadaan kondusif dan selesa
- Pembangunan bagi pelaksanaan kelas/bengkel kemahiran
- Menguruskan hal ehwal pelatih Pusat Bertauliah

BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

1. Menyelaras hal ehwal perjawatan Penyelia dan Pemaju Masyarakat (PM) Pendidikan Kemahiran berkaitan:
 - Keperluan pengisian
 - Permohonan pertukaran jurusan
 - Pertukaran tempat bertugas
2. Merancang, melaksana dan menyelaras keperluan kursus peningkatan, profesionalisme kepada Penyelia dan PM Pendidikan Kemahiran
3. Membuat penilaian program latihan kemahiran berkaitan pembangunan kerjaya bidang Pendidikan Kemahiran
Merancang, menyelia dan menyelaras penyediaan Peruntukan Mengurus Tahunan dan Peruntukan Pembangunan Bahagian
4. Memantau dan menyediakan laporan prestasi perbelanjaan serta mengurus dan menyelaras agihan/ pindah peruntukan Bahagian
5. Merancang, menyediakan dan menyelaras keperluan prasarana yang sesuai dan berkualiti bagi pembelajaran yang kondusif
6. Merancang, mengurus dan menyelaras keperluan perolehan peralatan dan bahan mengajar yang berkualiti
7. Merancang, menyelaras dan membuat naziran terhadap pengisian kelas dari aspek aset dan inventori
8. Merancang, melaksana dan menyelaras penyediaan laporan analisa kajian impak program Pendidikan Kemahiran
9. Memantau dan menyediakan laporan keseluruhan prestasi bahagian
10. Menyelaras dan mengurus setia mesyuarat berkala bahagian

PENDIDIKAN KEMAHIRAN SEPANJANG HAYAT

1. Merancang program Pendidikan Kemahiran sepanjang hayat dalam bidang masakan, jahitan, dandanan diri, komputer dan seni tangan menerusi kaedah Non-Formal selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar Tahun 2018 dan Pekeliling Bahagian Pendidikan Kemahiran Tahun 2008
2. Menetapkan standard piawaian modul program kemahiran
3. Merancang dan membangunkan program kemahiran ke arah persijilan melalui kaedah penilaian pencapaian terdahulu (SKM PPT)
4. Merancang, melaksanakan dan memantau penyediaan dan pematuhan garis panduan pelaksanaan program Pendidikan Kemahiran
5. Merancang, merangka dan menetapkan takwim peruntukan pembangunan bagi program/aktiviti Pendidikan Kemahiran
6. Merancang, menyelaras dan memantau perkembangan prestasi peserta-peserta kelas kemahiran
7. Merancang, merangka dan memantau aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum peserta kelas kemahiran
8. Memastikan penyertaan peserta baharu dalam setiap kelas dan aktiviti kemahiran bagi memastikan kelestarian program Pendidikan Kemahiran
9. Menjalinkan jaringan kerjasama strategik bersama agensi lain dan NGO
10. Menyelaras data dan pelaporan program

CARTA FUNGSI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

UNIT KESEJAHTERAAN DESA DAN PENGURUSAN

1. Merancang, menyelaras, dan memantau pelaksanaan dan pencapaian Sistem Pangkalan Data Komuniti Desa (SPKPN dan JPKK)
2. Menyelaras data dan maklumat PPMK(PD), PM Ekonomi dan Institusi Kepimpinan Kampung
3. Merancang, menyelaras, memantau dan menyediakan laporan program kerjasama strategik Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)
4. Menyediakan latihan peningkatan Kemahiran kakitangan dan komuniti desa
5. Merancang, Menyelaras dan Melaksana program peningkatan kesejahteraan komuniti desa
6. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program peningkatan kesedaran kepimpinan dan kesukarelaan di kalangan komuniti desa.
7. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program berkaitan dengan pengupayaan ekonomi
8. Melatih dan meningkatkan kemahiran usahawan rintis.
9. Merancang, menyelaras dan melaksanakan pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan sokongan pentadbiran yang efisien

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

UNIT PEMBANGUNAN INSAN DAN PENDIDIKAN LITERASI FUNGSIAN

1. Menyelaras sistem pembelajaran dikelas-kelas mengikut kurikulum yang ditetapkan.
2. Menyelaras dan menjawab isu-isu semasa berkaitan dengan ilmu keagamaan yang dibangkitkan oleh masyarakat.
3. Merancang dan melaksana Kursus Pengukuhan Master Trainers.
4. Mengumpul dan mengemaskini serta menganalisa rekod dan data aktiviti
5. Membuat naziran pengajaran dan pembelajaran di kelas
6. Merancang dan melaksana kursus pengukuhan kepada penyelia dan pemaju masyarakat

UNIT PUSAT SUMBER

1. Menyelaras pelaporan, pemantauan, perbelanjaan dan pelaksanaan fizikal dan non fizikal;
2. Merancang, menilai dan menyelaras spesifikasi serta keperluan bahan bacaan, bahan pengajaran dan kemudahan kelengkapan untuk aktiviti kelas;
3. Merancang dan menyediakan peruntukan untuk pemuliharaan Pusat Sumber;
4. Melaksanakan pemantauan prestasi perbelanjaan bagi pemuliharaan pusat sumber dan pemantauan ke premis pusat sumber;
5. Merancang dan menyelaras pembangunan koleksi, program dan perkhidmatan maklumat secara manual dan atas talian di Pusat Sumber
7. Melaksanakan latihan kepada Pemaju Masyarakat Pusat Sumber
8. Mendaftar permohonan keahlian Pusat Sumber dan menyimpan rekod keahlian.

OPERASI & TEKNIKAL

TEKNIKAL

- Memastikan operasi harian menyelenggara peralatan sistem komputer berfungsi dengan baik dan sempurna.
- Mengurus perolehan dan pelupusan peralatan komputer.
- Melaksanakan kerja-kerja naziran dan inspektorat peralatan sistem komputer perolehan.
- Penyelenggaraan berkala.
- Pemeriksaan dan pemantauan ICT di premis-premis KEMAS Negeri.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

KESELAMATAN DAN RANGKAIAN

- Sistem Automasi Pejabat
- Menyelaras penyelenggaraan rangkaian di KEMAS dan semua premis KEMAS Malaysia.
- Penetapan polisi dan peraturan penggunaan internet Jabatan.
- Pemeriksaan dan pemantauan ICT di premis-premis KEMAS Negeri.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

PENGURUSAN PUSAT DATA

- Pelaksanaan Backup Sistem dan Data.
- Server Aplikasi dan Operasi.
- Penyelenggaraan Berkala.
- Menyelia Pengurusan Pusat Data KEMAS.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

- Kewangan.
- Pentadbiran.
- Perkhidmatan.
- Pengurusan Aset.
- Pengurusan Latihan ICT.
- Pengurusan Aduan ICT.
- Pembudayaan ICT
- Pelan Strategik .
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri

PEMBANGUNAN SISTEM & PENGURUSAN EMEL

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

- Penyelidikan terhadap keperluan pembangunan dan perolehan sistem.
- Penyelidikan dan analisis fungsi aplikasi sistem dan pengkalan data.
- Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem Dalam KEMAS.
- Pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik.
- Pembangunan dan penyelenggaraan GIS KEMAS.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

- Pembangunan / penyelenggaraan Laman Web KEMAS.
- Urus Setia Teknikal Jawatankuasa Laman Web.
- Menyelaraskan Laman Web dengan sasaran 5 bintang.
- Memastikan ketersediaan Laman Web.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

PENGURUSAN EMEL

- Menyelaraskan pelaksanaan MyGovUC.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

PERHUBUNGAN KORPORAT DAN KOMUNIKASI STRATEGIK

- Mengurus maklumbalas berhubung isu yang membabitkan imej Jabatan serta publisiti program Jabatan.
- Memantau berita di media elektronik dan Media Cetak setiap hari. Menyediakan keratan akhbar terhadap berita yang berkaitan jabatan dan diarkibkan.
- Menyediakan "Kenyataan Rasmi Jabatan" berkaitan isu yang berkaitan dengan mendapatkan kelulusan dari Ketua Pengarah.
- Menyelaras jemputan pihak media "Note to Editor" untuk tujuan liputan publisiti, Majlis Rasmi di peringkat Ibupejabat dan Negeri.
- Menyediakan "Kenyataan Media" dan "Fact Sheet" untuk edaran kepada pihak Media.
- Menyelaras pelaksanaan Sidang Media yang berkaitan program Jabatan.
- Menyelaras Pelan Media Jabatan bagi memastikan publisti program dan perkhidmatan yang Jabatan tawarkan mendapat hebahan kepada masyarakat.
- Menyelaras Teks Ucapan, Kata-kata Aluan bagi pelaksanaan program mahupun publisiti Jabatan.
- Mengurus maklumbalas atau aduan WargaNet di dalam platform Media Sosial Jabatan.
- Menyelaras komunikasi strategik antara Agensi, Jabatan dan Kementerian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PENGURUSAN KORPORAT DAN PENERBITAN

- Mengurus konsep/imej yang standard dan seragam ke atas program dan aktiviti rasmi Jabatan.
- Mengurus konsep / skrip / story board bagi tujuan siaran dan penerbitan di media elektronik berkaitan program rasmi Jabatan atau bagi tujuan promosi aktiviti yang berkaitan dengan pihak Jabatan.
- Menyediakan Bahan promosi termasuk Montaj Program, Teaser dan Dokumentari Program Jabatan.
- Menyelaras Advertorial, Artikel dan Bahan Penulisan bagi tujuan edaran kepada pihak media.
- Mengurus dokumentasi Rasmi Jabatan Laporan Tahunan, brosur, risalah bagi tujuan edaran ke Pejabat KEMAS Negeri, Daerah dan rujukan pihak awam dan media.
- Pengurusan publisiti, promosi dan kempen bagi setiap program dan aktiviti serta majlis rasmi Jabatan melalui media elektronik dan bahan promosi.
- Menyelaras Perolehan Unit Komunikasi Korporat yang melibatkan sepanjang tahun.
- Menyelaras kursus kompetensi kakitangan yang terlibat dengan media.
- Mengemaskini maklumat di dalam Laman Web Rasmi Jabatan yang diperolehi dari Bahagian-Bahagian dalam Jabatan Menyelaras Hari Bertemu Pelanggan Jabatan.
- Mewujudkan dan Menyelaras informasi seranta bersama rakan Strategik Media di setiap Pejabat KEMAS Negeri.

PENGURUSAN MEDIA DIGITAL

- Menyelaras program Jabatan menerusi Platform Media Elektronik.
- Menguruskan bahan-bahan E-Learning berdasarkan perkhidmatan Teras Jabatan
- Mengurus platform dalam talian secara berkala dan berdasarkan kehendak Pengurusan Jabatan.
- Mengkoordinasi Bahan-bahan Kandungan Digital dalam Media Elektronik
- Mengurus Arkib Digital secara sistematik.
- Mengurus bahan-bahan cetakan ke dalam bentuk digital
- Mengurus Penyelidikan dan Pembangunan Digital
- Mengurus koresponden di Pejabat KEMAS Negeri
- Mengurus Konti Studio Digital Jabatan

PENGUKUHAN INTEGRITI & PENGURUSAN ADUAN

1. Melaksanakan tugas pengurusan aduan awam dari pelbagai sumber seperti BPA, aduan telefon, perjumpaan dengan pengadu, 1MOCC, akhbar tempatan, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) KPLB, emel, surat, faks, laman sosial rasmi dan sebagainya.
2. Merancang dan menyediakan modul yang bersesuaian untuk kursus integriti yang dilaksanakan kepada warga KEMAS.
3. Menyediakan laporan aduan awam yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan KEMAS & Mesyuarat Pengarah-Pengarah KEMAS.
4. Melaksanakan program berkaitan Pembudayaan Integriti berdasarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) di KEMAS
 - a) Seminar
 - b) Kursus
 - c) Bengkel


UNIT INTEGRITI

TADBIR URUS & PEMATUHAN

1. Memantau pematuhan peraturan-peraturan berkuatkuasa di kalangan warga KEMAS dan menyediakan laporan kepada Ketua Bahagian.
2. Mengadakan naziran pematuhan peraturan ke bahagian-bahagian dan KEMAS Negeri.
3. Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) KEMAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) KKDW.
4. Menyediakan Laporan Pelaksanaan Pengurusan Integriti kepada:
 - a. Ketua Pengarah KEMAS
 - b. Ketua Setiausaha Kementerian
 - c. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM
5. Memantau pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP)
 - Menyediakan laporan Pelaksanaan Inisiatif Pelan Antirasuah (OACP) KEMAS Tahun 2022-2026.


PENGESANAN, PENGESAHAN & TATATERTIB

1. Menjalankan siasatan terhadap aduan yang melibatkan salah laku kakitangan.
2. Menyediakan laporan salah laku kepada pihak berkuasa berkaitan:
 - a. Ketua Pengarah KEMAS
 - b. KSU
 - c. SPRM
1. Mengurus penyediaan Cadangan Tindakan Tatatertib kepada Jawatankuasa Tatatertib KKDW bagi Kakitangan Tetap KEMAS.
2. Mengurus penyediaan Cadangan Tindakan Tatatertib kepada Jawatankuasa Tatatertib KEMAS bagi Kakitangan Kontrak.
3. Mengurus Setia Mesyuarat Lembaga Tatatertib peringkat KEMAS bagi Kakitangan Kontrak.
4. Mengurus Setia Mesyuarat Lembaga Tatatertib peringkat KKDW bagi Kakitangan Tetap KEMAS.
5. Membantu merancang pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
6. Merancang program-program integriti dan dalam hal berkaitan pengurusan integriti kepada semua kakitangan KEMAS.
7. Menjalinakan hubungan kerjasama dengan agensi terbabit dalam pelaksanaan integriti.



06

MAKLUMAT
BAHAGIAN/UNIT



BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN



BAHAGIAN

SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN

PENGENALAN

Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran memainkan peranan penting dalam keberhasilan organisasi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan melalui pembentukan struktur organisasi yang optimum, pengurusan personal yang teratur, dan menyediakan peluang untuk kakitangan meningkatkan kualiti produktiviti. Selain itu, Bahagian ini bertanggungjawab dalam menguruskan peruntukan kewangan, mengendalikan pengurusan aset Jabatan, termasuk inventori dan penyelenggaraan aset seperti bangunan, peralatan pejabat, dan kenderaan, keselamatan dan perlindungan serta pengurusan Kualiti Jabatan di peringkat KEMAS Ibu Pejabat dan Negeri.

Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran dibahagikan kepada empat (4) unit utama iaitu Unit Tetap, Unit Kontrak, Unit JSKT (Jawatan Sementara Kontrak ke Tetap) dan Unit Pentadbiran. Setiap unit mempunyai tugas dan tanggungjawab yang tersendiri dalam menyokong pengurusan organisasi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Dalam menjalankan tugas-tugas tersebut, Bahagian ini bekerjasama dengan Bahagian-bahagian lain di dalam Jabatan KEMAS, serta memastikan kepatuhan dengan undang-undang, peraturan dan dasar-dasar yang ditetapkan oleh kerajaan.

UNIT TETAP

Unit ini bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas pengurusan **sumber manusia** seperti urusan emolumen, persaraan, cuti, pengesahan pelantikan, pemberian taraf berpencen, kenaikan pangkat, tuntutan dan kemudahan, HRMIS dan lain-lain yang berkaitan. **Di samping itu, unit ini turut bertanggungjawab dalam pembangunan organisasi melalui pengukuhan perjawatan serta penstrukturan semula organisasi.**

Sepanjang tahun 2022, unit ini telah menguruskan pengisian perjawatan tetap bagi 876 kakitangan pelbagai gred dan skim perkhidmatan daripada 960 waran perjawatan yang diluluskan seperti berikut:

PENGISIAN WARAN PERJAWATAN (MENGIKUT KUMPULAN)	BILANGAN (ORANG)
Pengurusan Tertinggi	2
Pengurusan dan Profesional	116
Pelaksana	758
JUMLAH	876

Perjawatan telah dikemaskini mengikut Waran Perjawatan Bil. E 67 Tahun 2018 di bawah Program 4: Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan berkuatkuasa 13 September 2018 dan Senarai Perjawatan Tahun 2022.

Pada tahun 2022, sebanyak 27 permohonan telah berjaya dilaksanakan dalam urusan pengisian perjawatan baru dan pecahan adalah seperti berikut :

PEGAWAI BAHARU DI KEMAS	BILANGAN (ORANG)
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	1
Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	2
Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19	13
Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19	7
Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19	1
Pemandu Kenderaan Gred H11	2
JUMLAH	27

Bagi urusan kenaikan pangkat/pemangkuan/kenaikan pangkat secara Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK) untuk tahun 2022 pula, jumlah keseluruhan calon yang telah berjaya adalah sebanyak 57 permohonan daripada 93 permohonan yang diterima. Perinciannya adalah seperti berikut:

AGENS PELAKSANA	KENAIKAN PANGKAT		PEMANGKUAN		KENAIKAN PANGKAT SECARA TBK			
	MOHON	BERJAYA	MOHON	BERJAYA	MOHON		BERJAYA	
					TBK1	TBK2	TBK1	TBK2
KKDW	15	3	61	10	86	6	51	6
JPA	4	3	-	-		-		-
KBS	-	-	-	-	-	-	-	-
JKR	1	1	-	-	-	-	-	-
MAMPU	-	-	-	-	-	-	-	-
JANM	-	-	-	-	1	-	-	-
JUMLAH	20	7	61	10	87	6	51	6

TBK1 : Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama

TBK2 : Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Kedua

UNIT KONTRAK

Sebahagian besar kakitangan kontrak yang dilantik oleh KEMAS terdiri daripada kakitangan yang bertugas sebagai Pendidik Masyarakat di TABIKA dan TASKA KEMAS yang terdapat di seluruh Malaysia. Selain itu, KEMAS juga melantik Penyelia dari Pelbagai Jurusan.

Pada tahun 2022, pengisian perjawatan kontrak adalah berjumlah 9,559. Pecahan pengisian jawatan kontrak mengikut negeri adalah seperti berikut :

BIL	NEGERI	JUMLAH KONTRAK
1	Perlis	170
2	Kedah	700
3	Pulau Pinang	325
4	Perak	794
5	Wilayah Persekutuan	376
6	Selangor	845
7	Negeri Sembilan	442
8	Melaka	340

9	Johor	1024
10	Pahang	648
11	Kelantan	612
12	Terengganu	507
13	Sabah	1286
14	Sarawak	1434
15	Ibu Pejabat	40
16	AKK Gopeng	4
17	AKK Seri Iskandar	5
18	ILK Kuala Lumpur	1
19	ILK Kuantan	2
20	PLK Kuala Batas	2
21	PLK Melaka	1
22	PLK Terengganu	1
JUMLAH KESELURUHAN		9559

Pengambilan/ Pengisian Perjawatan Kontrak

Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran terlibat untuk pengisian Jawatan Kontrak sepanjang tahun 2022 bagi jawatan Pendidik Masyarakat TABIKA/TASKA Gred S29 seramai 528 orang manakala seramai 239 orang bagi jawatan pelbagai jurusan.

Pertukaran Pegawai Kontrak

Proses pertukaran Pegawai Kontrak dilakukan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Mac dan Oktober.

Pada tahun 2022, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran telah menerima permohonan pertukaran tempat bertugas bagi jawatan Pemaju Masyarakat pelbagai jurusan dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan sebanyak 268 permohonan.

Jadual dibawah menerangkan pecahan permohonan pertukaran pegawai kontrak yang berjaya dan tidak berjaya, mengambil kira keperluan dan kesesuaian penempatan tersebut.

BIL. PERMOHONAN	BERJAYA	TIDAK BERJAYA
268	120	148

UNIT JAWATAN SEMENTARA KONTRAK KE TETAP (JSKT)

Unit JSKT pula bertanggungjawab untuk menyelenggara pembangunan dan pengurusan personal bagi kakitangan kontrak sedia ada yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dan memenuhi syarat-syarat lantikan JSKT yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pewujudan Perjawatan JSKT ini bermula pada 1 Julai 2016 dengan jumlah pelantikan yang telah dibuat sehingga kini adalah seramai 7,536 orang. Manakala pengisian lantikan JSKT sehingga Disember 2022 adalah seramai 5,513 orang di seluruh Malaysia. Pecahan lantikan JSKT mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	JUMLAH JSKT
1	Perlis	95
2	Kedah	463
3	Pulau Pinang	168
4	Perak	410
5	Wilayah Persekutuan	119
6	Selangor	468
7	Negeri Sembilan	222
8	Melaka	154
9	Johor	443
10	Pahang	508
11	Kelantan	436
12	Terengganu	742
13	Sabah	646
14	Sarawak	624
15	Ibu Pejabat	5
16	AKK Gopeng	0
17	AKK Seri Iskandar	1
18	ILK Kuala Lumpur	2
19	ILK Kuantan	1
20	PLK Kuala Batas	2
21	PLK Melaka	1
22	PLK Terengganu	3
JUMLAH KESELURUHAN		5,513

Lantikan baharu JSKT Fasa 4 tahun 2022 adalah seramai 110 orang dan pecahan adalah seperti berikut:

TARIKH LANTIKAN	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	JUMLAH JSKT
1 Oktober 2022	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat	S29	103
1 Julai 2022	Pembantu Pembangunan Masyarakat	S19	7
JUMLAH LANTIKAN BAHARU			110

UNIT PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran bertanggungjawab untuk melaksana dan menguruskan operasi pentadbiran, peruntukan kewangan, kenderaan jabatan, sewaan pejabat , urus setia Mesyuarat dan perkhidmatan sokongan, termasuk pengurusan keselamatan dan perlindungan serta pengurusan kualiti di peringkat KEMAS Ibu Pejabat dan Negeri.


Pelaksanaan Mesyuarat Berkala KEMAS Tahun 2022





Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran



OBJEK SEBAGAI	PERKARA	PERBELANJAAN (RM)
OS24000	Sewaan Pejabat	4,620,756.99
OS28000	Kontrak Pembersihan Pejabat/ Kawasan	6,210,397.39
	Penyelenggaraan Pejabat/ Bangunan	401,114.00
OS29000	Kawalan Keselamatan	9,943,415.94

Prestasi Perbelanjaan Khusus Emolumen Kakitangan Kontrak



Prestasi Perbelanjaan Khusus Emolumen Kakitangan Kontrak KEMAS ke Lantikan Tetap



Prestasi Perbelanjaan Khusus Bantuan Sara Hidup Bekas Kakitangan Kontrak KEMAS



Anugerah Kualiti Dan Inovasi Jabatan

BIL	KATEGORI	PENYERTAAN
1	Pengurusan Keselamatan Perlindungan	11
2	Pengurusan Sumber Manusia	11
3	Pengurusan Aset	9
4	Pengurusan Pejabat Terbaik	9

Pengurusan Fail Dan Rekod (Pelupusan)

BIL	PERKARA	TAHUN DILIPUTI	JUMLAH FAIL/REKOD
1.	Pemindahan Rekod/Terbitan (Borang Arkib 11/08) Laporan Tahunan & 50 Tahun KEMAS	2003 - 2020	19
2.	Pemindahan Rekod/Terbitan (Borang Arkib 11/08) Majalah Suara KEMAS	1996 - 2021	85
3.	Pelupusan Rekod Awam (Borang 2/08) JPR Am	1999 - 2019	810
4.	Pelupusan Rekod Awam (Borang 2/08) JPR Am	1993 - 2020	299
5.	Pelupusan Rekod Awam (Borang 2/08) JPR Fungsian	1987 - 2010	41
6.	Pelupusan Rekod Awam (Borang 13/08) Rekod Kewangan dan Perakaunan	2009 - 2017	138

Kenderaan Jabatan

BIL	PERKARA	JUMLAH KENDERAAN	KOS BAIKPULIH/ PENYELENGGARAAN 2022 (RM)
1.	Kenderaan Jabatan Berstatus Aset	63 buah	454,035.58
2.	Kenderaan Konsensi SPANCO	33 buah	204,117.54
JUMLAH KESELURUHAN		96 BUAH	658,153.12

Sewaan Pejabat

BIL	NEGERI	JUMLAH PREMIS	JUMLAH SEWAAN SETAHUN (RM)
1.	Kedah	4 buah	79,200.00
2.	Pulau Pinang	4 buah	284,640.00
3.	Perak	5 buah	40,200.00
4.	Selangor	7 buah	795,864.00
5.	Johor	3 buah	129,138.00
6.	Kelantan	7 buah	159,084.00
7.	Terengganu	1 buah	36,000.00
8.	Sabah	10 buah	301,752.00
9.	Sarawak	5 buah	107,400.00
JUMLAH KESELURUHAN		45 BUAH	1,933,278.00

KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA

BIL	NEGERI	JUMLAH PREMIS	JUMLAH SEWAAN SETAHUN (RM)
1.	Kedah	7 buah	912,883.20
2.	Perlis	3 buah	534,960.00
3.	Pulau Pinang	2 buah	228,368.00
4.	Perak	10 buah	1,294,464.00
5.	Pahang	11 buah	1,428,480.00
6.	Terengganu	4 buah	721,824.00
7.	Kelantan	5 buah	289,731.00
8.	Selangor	5 buah	660,509.66
9.	Wilayah Persekutuan	2 buah	331,629.00
10.	Negeri Sembilan	7 buah	778,764.00
11.	Melaka	5 buah	843,880.00
12.	Johor	10 buah	1,359,552.00
13.	Sabah	6 buah	872,496.00
14.	Sarawak	2 buah	219,332.80
JUMLAH KESELURUHAN		79 BUAH	1,933,278.00

KONTRAK PEMBERSIHAN

BIL	NEGERI	JUMLAH PREMIS	JUMLAH SEWAAN SETAHUN (RM)
1.	Kedah	3 buah	656,507.52
2.	Perlis	3 buah	352,907.52
3.	Pulau Pinang	9 buah	332,509.20
4.	Perak	8 buah	1,327,217.00
5.	Pahang	11 buah	724,298.16
6.	Terengganu	6 buah	382,563.60
7.	Kelantan	3 buah	162,811.92
8.	Selangor	5 buah	248,239.00
9.	Wilayah Persekutuan	2 buah	268,799.40
10.	Negeri Sembilan	7 buah	451,393.20
11.	Melaka	3 buah	310,845.36
12.	Johor	12 buah	679,492.80
13.	Sabah	5 buah	497,077.80
14.	Sarawak	2 buah	168,240.00
JUMLAH KESELURUHAN		79 BUAH	6,562,903.39

KURSUS/BENGKEL/AKTIVITI


- Majlis Apresiasi KEMAS Tahun 2022, Januari 2022, 25 Januari 2022
 - Majlis Amanat Tahun Baharu Ketua Pengarah Tahun 2022, 25 Januari 2022
 - Taklimat Pengurusan Kaunseling dan Mesyuarat Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KEMAS Bil 1 Tahun 2022,
 - Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif, 2-3 Mac 2022
 - Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan, April 2022
 - Majlis Ramah Mesra Ketua Pengarah Bersama Kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), 20 Mei 2022
 - Taklimat dan Amali Penggunaan Aplikasi Digital Document Management System (DDMS), 21-23 Jun 2022
 - Bengkel Myportfolio bagi Pentadbir Myportfolio Bahagian, 27 Jun 2022
 - Kursus Pemantapan Profesionalisme Pemandu, 5-7 Oktober 2022
 - Mesyuarat dan Taklimat Pelaksanaan Submodul Myportfolio, 27 Jun 2022
 - Bengkel Pelaksanaan Sub Modul MyPortfolio Dalam Sistem HRMIS Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Tahun 2022, 5-9 Sept 2022
 - Bengkel Pemantapan Peranan Pentadbir HRMIS KEMAS Tahun 2022, 4-6 September 2022
 - Temuduga Pengambilan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred (S19), Lantikan Kontrak (Contract of Service) pada 25 & 26 Januari 2022.
 - Temuduga Pengambilan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred (S29), (Pendidikan Masyarakat TABIKA/TASKA) Lantikan Kontrak pada 8 hingga 10 Februari 2022.
 - Mesyuarat Pertukaran kakitangan kontrak/JSKT (ke luar negeri) Tahun 2022 pada 21 Disember 2022.
-
- i. Zon Tengah
 - ii. Zon Utara
 - iii. Zon Selatan
 - iv. Perak
 - v. Pahang
 - vi. Terengganu
 - vii. Kelantan
 - viii. Sabah
 - ix. Sarawak

1888



Bengkel Pelaksanaan Sub Modul MyPortfolio Dalam Sistem HRMIS pada 4 September hingga 7 September 2022





BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN



BAHAGIAN

KEWANGAN DAN PEROLEHAN

PENGENALAN

Bahagian Kewangan dan Perolehan bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan KEMAS berjalan dengan cekap dan teratur serta selaras mengikut Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan, Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP), Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia dan lain-lain peraturan atau prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.

Selain daripada itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam urusan perolehan iaitu merancang serta mengurus perolehan jabatan bagi bekalan dan perkhidmatan serta mengendalikan urusan yang berkaitan dengan aset dan stor kerajaan.

Bahagian Kewangan dan Perolehan juga menjalankan pengurusan aset KEMAS serta menyelaraskan pengurusan aset di KEMAS Negeri, KEMAS Daerah, Institut Latihan KEMAS, Pusat Latihan KEMAS serta di premis KEMAS yang lain seperti TABIKA, TASKA, Pusat Sumber dan sebagainya.

Bahagian ini terdiri daripada empat (4) unit iaitu:


- a. Unit Belanjawan
- b. Unit Kewangan dan Akaun
- c. Unit Perolehan
- d. Unit Pengurusan Aset dan Stor

PRESTASI PERBELANJAAN DI JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT

Peruntukan Mengurus Tahun 2022 di KEMAS

Pada tahun 2022, KEMAS telah menerima Peruntukan Mengurus sebanyak RM1,130,976,000.00 yang merangkumi peruntukan bagi Dasar Sedia Ada sebanyak RM122,303,100.00. Program Khusus pula telah menerima peruntukan sebanyak RM1,008,672,900.00.

Pecahan peruntukan mengikut program dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:



Jadual 1: Peruntukan Mengurus tahun 2022

Perbandingan Peruntukan Mengurus KEMAS yang diterima dalam tempoh tiga tahun berturut-turut (2020, 2021 dan 2022) adalah seperti berikut:



Jadual 2: Perbandingan Peruntukan Mengurus KEMAS yang diterima bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

PENCAPAIAN PROGRAM / AKTIVITI

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)

Mesyuarat JPKA dan JKPAK pada tahun 2022 telah diadakan berdasarkan ketetapan yang telah digariskan di dalam Portal Pekeliling Pebendaharaan (PPP), PS 5.1-Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan supaya setiap PTJ dapat melaksanakan mesyuarat ini berdasarkan format dan aturcara yang betul.

Mesyuarat JPKA dan JKPAK telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2022 seperti berikut:

TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
14 April 2022	Mesyuarat JPKA Bil 1/2022
15 Julai 2022	Mesyuarat JPKA Bil 2/2022
21 Oktober 2022	Mesyuarat JPKA Bil 3/2022
28 Januari 2023	Mesyuarat JPKA Bil 4/2022

Jadual 3: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
14 April 2022	Mesyuarat JKPAK Bil 1/2022
15 Julai 2022	Mesyuarat JKPAK Bil 2/2022
21 Oktober 2022	Mesyuarat JKPAK Bil 3/2022
11 Januari 2023	Mesyuarat JKPAK Bil 4/2022


Jadual 4: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)

Pengurusan Pembayaran Bil Dalam Tempoh Tidak Melebihi 7 Hari Bagi Tahun 2022

Pengurusan Pembayaran Bil dalam tempoh tidak melebihi 7 hari merupakan **Key Performance Indicator** (KPI) yang telah ditetapkan bagi kesemua Pusat Tanggungjawab Pembayar (PTJ) di Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah.

Dalam usaha mencapai KPI tersebut, KEMAS telah berjaya memastikan KPI pembayaran bil/arahan pembayaran (AP) tidak melebihi 7 hari telah tercapai sebanyak 99.91% iaitu sebanyak 80,365 bil daripada jumlah keseluruhan sebanyak 80,441.

Analisa pencapaian prestasi pembayaran bil bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:



Jadual 4: Analisa pencapaian prestasi pembayaran bil/arahan pembayaran (AP) bagi Tahun 2022.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN



BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PENGENALAN

Bahagian Pembangunan dipertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau bajet pembangunan. Selain itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab merancang projek-projek fizikal KEMAS bagi tempoh lima tahun dan tahunan yang bersesuaian dengan keperluan kumpulan sasar.

Dalam tahun 2022, Bahagian ini terlibat dalam pelbagai aktiviti, antaranya memantau pelaksanaan projek Rolling Plan Pertama (RP2) yang merupakan tahun kedua bagi Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMKe-12).

Disamping itu pada tahun yang sama, Bahagian ini juga membuat persediaan perancangan program/projek yang dicadang untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMKe-12) iaitu dari tahun 2021 sehingga tahun 2025.

Bahagian ini dipecahkan kepada dua (2) unit iaitu :

- Unit Perancangan dan Pengurusan Sumber; dan
- Unit Pembangunan dan Pengurusan Projek

PENCAPAIAN BAHAGIAN

Unit Perancangan dan Pengurusan Sumber

Peruntukan Pembangunan RMKe-12

Jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan untuk KEMAS pada tahun 2022 adalah sebanyak RM82,766,000.00 melibatkan butiran program Pendidikan Kemahiran, Pembangunan Komuniti, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pusat Kegiatan Masyarakat serta Latihan dan Pembangunan Profesional.

Agihan peruntukan bagi butiran program ini adalah seperti berikut:

Pecahan Peruntukan Mengikut Program Dan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2022

Bil	PROGRAM	PERUNTUKAN DILULUSKAN	WARAN DITERIMA	BELANJA DIFLIMS SEHINGGA 31.12.2022	%
1	Pendidikan Kemahiran	13,517,000.00	13,117,000.00	12,983,167.26	98.98
2	Pembangunan Komuniti	6,500,000.00	6,500,000.00	6,498,714.05	99.98
3	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	21,900,000.00	8,801,336.00	8,669,889.10	98.51
4	Pusat Kegiatan Masyarakat	34,849,000.00	15,368,697.00	15,011,340.55	97.67
5	Latihan & Pembangunan Profesional	6,000,000.00	2,946,340.00	2,946,325.37	100
JUMLAH BESAR		82,766,000.00	46,733,373.00	46,109,436.33	98.66

Pengurusan Tanah

Pihak KEMAS memberi tumpuan khusus terhadap usaha pemutihan tapak yang telah pun didirikan bangunan KEMAS di seluruh negara bagi mengelakkan timbulnya masalah tuntutan semula terhadap tapak yang terlibat pada masa akan datang juga bagi melancarkan proses pembinaan semula bangunan yang tidak kondusif untuk melaksanakan aktiviti KEMAS. Oleh yang demikian, keutamaan diberi kepada permohonan yang melibatkan proses pemutihan tapak yang telah mempunyai bangunan sedia ada berbanding permohonan bagi tapak cadangan bina baru.

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak **497** tapak bangunan telah didaftarkan sebagai milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk kegunaan KEMAS. Sebanyak **80** tapak bangunan telah dirizab dan diwartakan bagi kegunaan KEMAS, manakala **167** tapak lagi merupakan tapak berstatus Temporary Occupational Licence (TOL) di Sarawak yang juga dalam proses untuk didaftarkan atas milik PTP.

Jumlah keseluruhan tapak yang didaftarkan untuk kegunaan KEMAS mengikut negeri adalah seperti berikut:


NEGERI	HAK MILIK			JUMLAH
	PTP / NOTIS 5A	TOL / GERAN DRAF	PERIZABAN / PEWARTAAN	
Johor	3	-	75	78
Kedah	33	-	-	33
Kelantan	15	-	-	15
Melaka	106	-	1	107
Negeri Sembilan	98	-	1	99
Pahang	20	-	1	21
Perak	61	-	1	62
Perlis	4	-	-	4
Pulau Pinang	4	-	-	4
Sarawak	16	167	-	183
Sabah	1	-	-	1
Selangor	34	-	-	34
Terengganu	90	-	1	91
Wilayah Persekutuan	12	-	-	12
JUMLAH	497	167	80	744

Pengurusan Aset Tak Alih Bangunan

Pada tahun 2022, KEMAS meneruskan usaha mengemaskini dan melengkapkan Data Aset Tak Alih Jabatan melalui Pelaporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan yang disediakan oleh Jawatan Kuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) yang diurusetikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sehingga Disember 2022, sejumlah 9,628 premis KEMAS pelbagai status seperti premis persekutuan, tumpang dan sewa telah dilaporkan kepada Urusetia Jawatan Kuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) dengan pecahan seperti berikut:

Status Pendaftaran Aset Tak Alih di Bawah Aplikasi MySPATA Tahun 2022



Bangunan Yang Menjalankan Aktiviti KEMAS Mengikut Negeri

NEGERI	PREMIS PERSEKUTUAN	PREMIS TUMPANG	PREMIS SEWAAN
Ibupejabat	0	1	0
Johor	295	875	73
Kedah	234	525	62
Kelantan	136	512	92
Melaka	143	229	48

NEGERI	PREMIS PERSEKUTUAN	PREMIS TUMPANG	PREMIS SEWAAN
Negeri Sembilan	194	205	49
Pahang	344	405	9
Perak	318	441	95
Perlis	58	38	7
Pulau Pinang	159	161	20
Sarawak	364	637	70
Sabah	321	667	78
Selangor	270	524	77
Terengganu	263	412	42
Wilayah Persekutuan	30	135	10
JUMLAH	3129	5767	732

Unit Pembangunan dan Pengurusan Projek

Projek Fizikal Bina Baru

Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi pelaksanaan 44 projek bina baru premis KEMAS bagi tahun 2022 merangkumi projek bina baru TABIKA/ KOMTA dan Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) melibatkan peruntukan tahunan berjumlah RM11,768,000.00 dan peruntukan keseluruhan berjumlah RM63,810,905.00.

Ringkasan Bilangan Projek Bina Baru Premis KEMAS adalah seperti jadual berikut :

TABIKA/ KOMTA	BIL PROJEK 42	NILAI PROJEK (RM) 59,960,000	PERUNTUKAN TAHUN 2022 (RM) 10,500,000
PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT (PKM)	BIL PROJEK 2	NILAI PROJEK (RM) 3,850,905	PERUNTUKAN TAHUN 2022 (RM) 1,268,000
JUMLAH	BILANGAN PROJEK 44	NILAI PROJEK (RM) 63,810,905	PERUNTUKAN TAHUN 2022 (RM) 11,768,000

Tambahan 44 projek baru ini menjadikan jumlah projek fizikal bina baru KEMAS bagi tahun 2022 adalah sebanyak 74 buah projek. Sehingga Disember 2022, 41 projek di peringkat pra pelaksanaan, 25 projek di peringkat dalam pelaksanaan dan 8 projek fizikal telah siap sepenuhnya.



TABIKA KEMAS Berkembar Pekan Telupid, Beluran, Sabah



TABIKA KEMAS Bukit Setiu



TABIKA KEMAS Kampung Lubuk Periuk



TABIKA KEMAS Kampung Tondulu Tambunan

Ringkasan Status Kemajuan Projek Fizikal Bina Baru Premis KEMAS adalah seperti jadual berikut :

Ringkasan Status Kemajuan Projek Bina Baru Premis KEMAS

41

PRA
PELAKSANAAN

25

DALAM
PELAKSANAAN

8

PASCA
PELAKSANAAN

74

JUMLAH PROJEK

Projek Fizikal Naik Taraf dan Pemuliharaan

Perancangan pada tahun 2022 telah melibatkan pelaksanaan sejumlah 157 projek naik taraf dan pemuliharaan premis KEMAS di seluruh Malaysia dengan peruntukan berjumlah RM12,739,627.70.

Projek naik taraf dan pemuliharaan premis KEMAS ini merangkumi Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM), Pejabat KEMAS Daerah/ Negeri, Kompleks Komuniti Desa, TABIKA, TASKA, PPAK, KOMTA, premis Pendidikan Kemahiran KEMAS, Institut/ Pusat Latihan KEMAS (ILK/ PLK), Pusat Sumber dan *Local Area Network* (LAN). Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 157 projek telah berjaya disiapkan.

Senarai projek mengikut negeri adalah seperti jadual berikut :

NEGERI	PERUNTUKAN (RM)	PKM / PKD/ PKMN / KKD	PENDIDIKAN KEMAHIRAN	TABIKA/ TASKA/ PPAK/ KOMTA	PUSAT SUMBER	INSTITUT/ PUSAT LATIHAN	LOCAL AREA NETWORK (LAN)	JUMLAH
KEDAH	1,809,308.20	7	8	2	3			20
KELANTAN	760,500.00	1	1					2
MELAKA	954,661.90	2		4				6
PAHANG	1,000,000.00	6		2				8
PULAU PINANG	999,283.26	2	5	2				9
PERAK	199,999.45	2						2
PERLIS	949,995.58	5	2	36	2			45
SELANGOR	754,381.76	2	2	11			1	16
SABAH	1,436,783.48	8		10				18
SARAWAK	366,798.08	1	1	1				3
WILAYAH PERSEKUTUAN	721,373.00	2				1		3
JOHOR	786,571.71	3	3	6				12
NEGERI SEMBILAN	1,999,971.28	5	3	5				13
TERENGGANU	0.00							0
JUMLAH	12,739,627.70	46	25	79	5		1	157

Ringkasan Bilangan Projek Naik Taraf dan Pemuliharaan Premis KEMAS Tahun 2022

Kursus / Bengkel yang dilaksanakan

BIL	TAJUK KURSUS/ BENGKEL	PESERTA	PENGISIAN
1	Bengkel Pemurnian Data dan User Requirement Specification (URS) bagi Sistem Maklumat Premis KEMAS (SPKEM) Tarikh : 24 hingga 28 Januari 2022 Tempat : Agensi Angkasa Malaysia, Kuala Lumpur	Pegawai KEMAS Negeri Kelantan, Terengganu, Wilayah Persekutuan, Johor dan Pahang Pegawai dari Agensi Angkasa Malaysia sebagai Fasilitator	Memurnikan data maklumat premis negeri terlibat dan semakan ketepatan premis mengikut lokasi berdasarkan data spatial
2	Kursus Pengurusan Fasiliti Aset KEMAS bagi Negeri Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Kelantan Tahun 2022	Pegawai KEMAS peringkat Negeri dan Daerah	Penerangan mengenai tatacara Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset (Premis KEMAS) bagi melengkapkan Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)
3	Bengkel Penggunaan Modul Pemantauan MyProjek Bagi Kakitangan KEMAS Tarikh : 22 Ogos 2022 Tempat : Makmal Komputer, KEMAS Putrajaya	Pegawai dari setiap Pengurus Program Peruntukan Pembangunan Pegawai dari Bahagian Pembangunan KEMAS Ibu Pejabat	Penerangan berkenaan kaedah pengisian dan penggunaan modul pemantauan dalam Sistem MyProjek
4	Bengkel Penyediaan Garis Panduan Bina Baru, Naiktaraf, Baikpulih dan Pembelian Bangunan bagi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Tarikh : 5 hingga 7 Oktober 2022 Tempat : Hatten Hotel, Melaka	Pegawai dari setiap bahagian KEMAS Ibu Pejabat Pegawai Unit Pembangunan di KEMAS Negeri	Menyediakan Garis Panduan Bina Baru, Naiktaraf, Baikpulih dan Pembelian Bangunan untuk dijadikan rujukan kepada KEMAS Negeri

BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL



BAHAGIAN

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL


PENGENALAN

Visi dan Misi Latihan



VISI

Membentuk warga KEMAS yang kompeten dan cemerlang dalam perkhidmatan Awam.



MISI

Melahirkan modal insan KEMAS yang sentiasa mendukung hasrat dan aspirasi Jabatan serta mempunyai kepakaran dalam bidang tugas.

Objektif Latihan



Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional telah membangunkan pengupayaan warga KEMAS melalui program latihan dan pembangunan kerjaya.

Ia bagi memastikan setiap anggota KEMAS melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pembentukan nilai yang positif serta peningkatan peluang kerjaya sejajar dengan objektif dan matlamat iaitu mewujudkan modal insan yang cemerlang.

Latihan KEMAS berfokuskan kepada Latihan Dalam Perkhidmatan dan Latihan Pra-Perkhidmatan dan Latihan Pra-Persaraan. Ia dibahagikan kepada tiga (3) inisiatif yang bertujuan memperkasakan program latihan bagi meningkatkan kompetensi dan tahap profesionalisme anggota KEMAS selari dengan hala tuju KEMAS.

Tiga (3) inisiatif latihan adalah seperti berikut:



Tiga (3) Inisiatif Latihan

Kursus Dalam Perkhidmatan merupakan kursus-kursus yang dianjurkan oleh KEMAS sepanjang tahun kepada semua kakitangan tetap dan kontrak yang sedang dalam perkhidmatan di mana bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Fungsi utama Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional ialah:-

- 1 **Latihan**
 - Menyediakan program / bengkel / kursus
- 2 **Pembangunan Latihan**
 - Training Needs Analysis (TNA)
 - Kurikulum dan Modul Latihan
 - Penyelidikan
- 3 **Urus Tadbir**
 - Menyediakan kemudahan akses latihan
 - Menyelia urus tadbir ILK/PLK

PRESTASI PERBELANJAAN BAHAGIAN/ UNIT

Perbelanjaan Mengurus/ Pembangunan	Terima (RM)	Jumlah Selepas Serahan & Sekatan (RM)	Belanja (RM)	% Perbelanjaan
Mengurus	7,223,100.00	5,899,596.16	5,886,042.03	99.77%
Pembangunan	2,946,340.00	-	2,946,325.37	99.99%

Prestasi Perbelanjaan Latihan

PENCAPAIAN PROGRAM

Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional merupakan Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program-program latihan dan kemajuan kerjaya kepada seluruh warga KEMAS sama ada tetap atau kontrak.

Latihan Pra-Perkhidmatan

Latihan Pra-Perkhidmatan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2009 Dasar Dan Prosedur Mengikuti Kursus Pra Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Sedang Berkhidmat.

“Kursus Pra-Perkhidmatan” merupakan kursus bagi memperoleh kelayakan ikhtisas yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan tertentu. Ia dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan atau institusi yang mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian/Jabatan.

Latihan Pra-Perkhidmatan merupakan latihan yang diberikan kepada kakitangan tetap dan kontrak yang baru dilantik sebagai pra-syarat dalam pelantikan ke jawatan yang dipohon.

Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK)

Kursus menjurus kepada pengenalan dan pembinaan jati diri terhadap jabatan serta peranan tugas dan tanggungjawab seorang Pendidik Masyarakat (PM) TABIKA dan TASKA KEMAS.

Ia dilaksanakan kepada semua calon Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA yang akan dilantik oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Semua peserta adalah wajib mengikuti kursus selama 13 minggu (3 bulan, 1 minggu) secara sepenuh masa.

Calon dikehendaki menjalani sesi orientasi Jabatan KEMAS, melalui penilaian, menduduki peperiksaan dan latihan praktikum Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebelum layak dilantik. Kelulusan pelantikan adalah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pelantikan PM TABIKA dan TASKA KEMAS ialah pada gred jawatan S29 secara kontrak.

Untuk tahun 2022, Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) TABIKA dan TASKA telah dilaksanakan sebanyak dua (2) siri. Pelaksanaan siri 1 adalah serentak di 5 lokasi pada 21 Mac hingga 22 Jun 2022. Para pelatih SPAK TASKA KEMAS telah dikendalikan oleh Institut Latihan KEMAS (ILK) Kuala Lumpur. Bagi pelatih SPAK TABIKA KEMAS pula kendalikan oleh Institut Latihan KEMAS (ILK) Kuantan, Pusat Latihan KEMAS (PLK) Kepala Batas serta Melaka. Kursus SPAK di Pusat Kegiatan Masyarakat Setiu di kendalikan oleh PLK Kuala Terengganu.

Manakala bagi Kursus SPAK Siri 2 telah dilaksanakan pada 1 Ogos hingga 2 November 2022 bertempat di ILK Kuala Lumpur, PLK Kepala Batas serta PLK Melaka.

Kesemua pelatih ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan akademik Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Bilangan Pelatih SPAK 2022 – Siri 1

Bil	ILK/PLK	TABIKA				TASKA				JK
		K	T	B	J	K	T	B	J	
1.	Kuala Lumpur	-	-	-	-	50	-	-	50	50
2.	Melaka	61	-	-	61	-	-	-	-	61
3.	Kepala Batas	70	-	-	70	-	-	-	-	70
4.	Kuantan	100	-	-	100	-	-	-	-	100
5.	Terengganu (PKM Setiu)	70	-	1	69	-	-	-	-	69
JUMLAH		301	-	1	300	50	-	-	50	350

Bilangan Pelatih SPAK 2022 – Siri 2

Bil	ILK/PLK	TABIKA				TASKA				JK
		K	T	B	J	K	T	B	J	
1.	Kuala Lumpur	70	1	2	67	-	-	-	-	67
2.	Melaka	60	-	-	60	-	-	-	-	60
3.	Kepala Batas	70	4	1	65	-	-	-	-	65
JUMLAH		200	5	3	192	-	-	-	-	192

Petunjuk: K- Kuota T-Tangguh B-Berhenti J-Jumlah JK-Jumlah Keseluruhan



Latihan Dalam Perkhidmatan

Kursus Dalam Perkhidmatan merupakan kursus-kursus yang dianjurkan oleh KEMAS sepanjang tahun kepada semua kakitangan tetap dan kontrak. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Kursus dalam perkhidmatan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

Kursus Induksi

Kursus Induksi terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Induksi Khusus (Kursus Pembinaan Jati Diri) dan Induksi Umum. Kursus Induksi Khusus menjurus kepada pengisian dan pengenalan jabatan dan dilaksanakan oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional, KEMAS.

Kursus Induksi Umum dilaksanakan oleh Bahagian Latihan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Induksi Umum ini menjurus kepada pengisian kementerian dan perkhidmatan awam. Kumpulan sasar bagi kursus ini adalah kakitangan tetap lantikan baharu dan belum disahkan jawatan. Kumpulan gred jawatan terdiri daripada gred 11 hingga 41.

Kursus Orientasi

Kursus Orientasi dilaksanakan oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional kepada kakitangan kontrak dan tetap. Kakitangan kontrak terdiri daripada Pemaju/Pendidik Masyarakat dan Penyelia program-program Jabatan KEMAS.

Manakala kakitangan tetap terdiri daripada Pembantu Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pegawai Pembangunan Masyarakat Jabatan KEMAS gred jawatan S19 hingga S41.

Kursus Pembinaan Jati Diri

Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPO) khusus bagi pelantikan baharu untuk kakitangan gred jawatan S19 (kontrak). Pengisian kursus dibentuk merangkumi semua program Jabatan KEMAS secara umum. Tempoh orientasi adalah selama 7 (tujuh) hari. Selepas orientasi tamat, peserta telah mengikuti kursus berdasarkan jurusan masing-masing selama sebulan.

Kursus Asas Pengurusan Awam (KAPA) adalah untuk pegawai lantikan baharu dan yang bertukar ke KEMAS bagi skim jawatan N/M/W/E/F/C/S dengan gred jawatan 11 hingga 38 (Tetap). Pengisian kursus mengandungi semua program Jabatan. Tempoh orientasi adalah selama tujuh (7) hari.

Kursus Pemantapan Jati Diri

Kursus Pemantapan Jati Diri (Orientasi) adalah untuk Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA bergred S19 dan S29 yang telah tamat pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak di IPTA dan IPTS anjuran Jabatan KEMAS. Kursus dilaksanakan dalam **mode** Kursus Dalam Cuti (KDC) secara dalam talian selama dua (2) hari. Pengisian kursus menjurus kepada pengurusan organisasi dan bidang tugas pendidikan awal kanak-kanak disamping memahami peranan dan hala tuju KEMAS, Kementerian dan perkhidmatan awam.

Tiga (3) Kategori Kursus Dalam Perkhidmatan



LATIHAN DAN PEMBANGUNAN

Pelbagai kursus yang dianjurkan di bawah Latihan dan Pembangunan menjurus kepada pemantapan kompetensi warga KEMAS mengikut hasil analisa keperluan latihan atau program pembangunan potensi sumber daya manusia dalam organisasi.

Pelaksanaannya ialah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pembentukan peribadi pekerja cemerlang yang mampu meningkatkan prestasi persembahan kerja individu dan jabatan.

Kursus-kursus yang dianjurkan oleh unit/ bahagian/ Negeri/ ILK/ PLK dalam KEMAS atau anjuran agensi lain adalah mengikut kompetensi bahagian-bahagian dalam KEMAS khususnya dan khidmat awam umumnya.

Penganjuran kursus ini bagi melengkapkan keperluan tujuh (7) hari berkursus kepada kakitangan khususnya kakitangan tetap selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

Walau bagaimanapun, melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Februari 2016, telah menyatakan mengenai “Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus 7 Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

Tujuan penangguhan adalah bagi memberi ruang kepada semua agensi kerajaan menyusun semula kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) mengikut keutamaan dan keperluan anggota berdasarkan kepada keupayaan kewangan agensi-agensi kerajaan.

Kesinambungan daripada arahan tersebut, pencapaian pelaksanaan jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh semua agensi juga tidak akan diambil kira sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua jabatan.

PENCAPAIAN MENGIKUT FUNGSI BAHAGIAN:

UNIT PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN PENYELIDIKAN

PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	PENCAPAIAN %
INISIATIF 1 : Memantapkan Attitude, Skill & Knowledge :-			
Mesyuarat Pengurusan Bahagian Latihan & Pembangunan Profesional	95% Peserta hadir 11 Orang 3 Siri	99% Peserta hadir 10 Orang 3 Siri	100 99
Mesyuarat Pengurusan Latihan Bersama Institut/Pusat Latihan KEMAS	95% Peserta hadir 30 Orang 2 Siri	100% Peserta hadir 30 Orang 1 Siri	100 50
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Latihan	95% Peserta hadir kursus 45 Orang 2 Siri	100% Peserta hadir 37 Orang 1 Siri	100 82
Bengkel Akademi Kecemerlangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (AKPAK)	95% Peserta hadir 120 Orang 3 Siri	95% Peserta hadir 23 Orang 1 Siri	100 19

PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	PENCAPAIAN %
INISIATIF 1 : Memantapkan <i>Attitude, Skill & Knowledge</i> :-			
• Kursus Kompetensi KEMAS Negeri	• 95% Peserta hadir kursus • 2,312 Orang • 55 siri	• 98% Peserta hadir kursus • 2,271 Orang • 55 siri	• 98 • 100
• Kursus Kompetensi ILK/PLK	• 95% Peserta hadir kursus • 711 Orang • 20 Siri	• 98% Peserta hadir kursus • 696 Orang • 20 Siri	• 98 • 100
• Program Transformasi Minda	• 95% Peserta hadir kursus • 48 Orang • 1 Siri	• 100% Peserta hadir kursus • 48 Orang • 1 Siri	• 100 • 100
• Bengkel Kajian Tindakan ILK/PLK	• 95% Peserta hadir kursus • 37 Orang • 1 Siri	• 100% Peserta hadir kursus • 37 Orang • 1 Siri	• 100 • 100
• Pembelian Beg Galas	• 100% menepati spesifikasi • 55 unit • RM2,750.00	• 100% menepati spesifikasi • 55 Unit • RM2,722.50	• 100 • 99
INISIATIF 2 : Meningkatkan Tahap Profesionalisme			
INISIATIF 3 : Merakyatkan Institut/ Pusat Latihan KEMAS :-			
• Penggunaan ILK/PLK Untuk KEMAS / Agensi Luar / Orang Awam	• Peserta : 2,000 orang • Pengguna KEMAS : 40 kali • Pengguna Luar / Swasta : 20 kali	• Peserta : 13,656 orang • Pengguna KEMAS : 246 kali • Pengguna Luar / Swasta : 83 kali	• 683 • 615 • 415
• Menaiktaraf Pusat Latihan KEMAS Kepala Batas	• Peruntukan RM 1,478,640	• Perbelanjaan RM1,478,628.77	• 99
• Menaiktaraf Pusat Latihan KEMAS Terengganu	• Peruntukan RM1,467,700	• Perbelanjaan RM1,467,696.60	• 99

UNIT GENERIK

PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	PENCAPAIAN %
INISIATIF 1 : Memantapkan Attitude, Skill & Knowledge :-			
Bengkel Pengemaskinian Kurikulum SPAK	95% Peserta hadir 1,500 Orang 21 Siri	95% Peserta hadir 2,472 Orang 21 Siri	165 100
Bengkel Penyediaan Soalan Soalan Peperiksaan	95 % Peserta hadir 40 Orang 1 Siri	100 % Peserta hadir 40 Orang 1 Siri	100 100
Bengkel Bahan Bantu Mengajar	95 % Peserta hadir 40 Orang 1 Siri	100 % Peserta hadir 40 Orang 1 Siri	100 100
Bengkel Pelaksanaan Pemantauan TABIKA dan TASKA (Kawasan Pendalaman)	95% Peserta hadir 30 Orang 1 Siri	100% Peserta hadir 30 Orang 1 Siri	100 100
Mobile Training – Bengkel Mentor Mentee Bekas Pelatih SPAK	95% Peserta hadir 1,428 Orang 29 Siri	95% Peserta hadir 1,428 Orang 29 Siri	100 100
Kursus Dalam Talian ILK/PLK (Mini Karnival)	95% Peserta hadir 1,500 Orang 21 Siri	95% Peserta hadir 2,472 Orang 21 Siri	165 100
Mini Forum ILK/PLK	95% Peserta hadir 544 Orang 6 Siri	100% Peserta hadir 544 Orang 6 Siri	100 100
Kursus Coaching dan Mentoring	95% Peserta hadir 40 Orang 1 Siri	100% Peserta hadir 40 Orang 1 Siri	100 100
Kursus Transformasi Minda Kakitangan KEMAS	95% Peserta hadir 800 Orang 1 Siri	100% Peserta hadir 800 Orang 1 Siri	100 100

PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	PENCAPAIAN %
INISIATIF 2 : Meningkatkan Tahap Profesionalisme:-			
Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK)	95% Peserta hadir 550 Orang 2 Siri	99% Peserta hadir 542 Orang 2 Siri	99 100
Kursus Asuhan Didikan PERMATA (KAP)	95% Peserta hadir 37 Orang 1 Siri	100% Peserta hadir 37 Orang 1 Siri	100 100
Majlis Penyampaian Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK)	95% Peserta hadir 350 Orang 1 Siri	100% Peserta hadir 350 Orang 1 Siri	100 100
Kursus Persediaan Pendidikan Awal Kanak-kanak Bagi Pendidik Masyarakat	95% Peserta hadir 200 Orang 1 Siri	95% Peserta hadir 200 Orang 1 Siri	100 100
Kursus Persediaan Pendidikan Awal Kanak-kanak Bagi Pendidik Masyarakat	95% Peserta hadir 200 Orang 1 Siri	95% Peserta hadir 200 Orang 1 Siri	100 100
Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK)	95% Peserta hadir 100 Orang 1 Siri	95% Peserta hadir 105 Orang 1 Siri	105 100

UNIT FUNGSIONAL

PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2022	PENCAPAIAN 2022	PENCAPAIAN %
INISIATIF 1 : Memantapkan Attitude, Skill & Knowledge :-			
Kursus Orientasi Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) Bil. 1 dan Bil. 2	95% Peserta hadir kursus 597 Orang 5 Siri	100% Peserta hadir kursus 597 Orang 5 Siri	100 100
Kursus Asas Pengurusan Awam (KAPA)	95% Peserta hadir kursus 138 Orang 1 Siri	83% Peserta hadir kursus 114 Orang 1 Siri	83 100
Executive Talk KEMAS	95% Peserta hadir kursus 5,000 Orang 3 Siri	98% Peserta hadir kursus 4,900 Orang 1 Siri	98 33
Kursus Orientasi KDC	95% Peserta hadir kursus 250 Orang 1 Siri	92% Peserta hadir kursus 230 Orang 1 Siri	92 100
Orientasi Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPO) - PKEM	95% Peserta hadir kursus 187 Orang 1 Siri	80% Peserta hadir kursus 149 Orang 1 Siri	80 100
Orientasi Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPO) PKOM	95% Peserta hadir kursus 62 Orang 1 Siri	81% Peserta hadir kursus 50 Orang 1 Siri	81 100
Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPO) - PKOM	95% Peserta hadir kursus 62 Orang 1 Siri	85% Peserta hadir kursus 53 Orang 1 Siri	85 100
INISIATIF 2 : Meningkatkan Tahap Profesionalisme :-			
Kursus Peningkatan Fasilitator KEMAS	95% Peserta hadir kursus 55 Orang 1 Siri	93% Peserta hadir kursus 51 Orang 1 Siri	93 100
Kursus SMART Pegawai KEMAS Daerah (PKD)	95% Peserta hadir kursus 89 Orang 1 Siri	84% Peserta hadir kursus 75 Orang 1 Siri	84 100

PROGRAM KEMAJUAN KERJAYA

PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISME PENDIDIK MASYARAKAT (PM) TABIKA DAN TASKA

Beberapa punca kuasa mengenai meningkatkan taraf kelayakan akademik PM TABIKA dan TASKA PERMATA KEMAS seperti di bawah:-

- Keputusan perbincangan Pengarah Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan dengan pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Kementerian Kewangan pada 20 Mac 2006 rujukan KKLW.K.(s).400-14.Klt.6(48) bertarikh 11 Mei 2006, mengenai Program Meningkatkan Taraf Kelayakan Akademik Pemaju-Pemaju Masyarakat (Guru TABIKA) ke Peringkat Diploma serta Program Pengiktirafan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Malaya.
- Kementerian Kewangan dengan rujukan B(14.00)202-49.Jld.2(4) bertarikh 03 Januari 2007 telah meluluskan:
 - i. Cadangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk melaksanakan program meningkatkan Taraf Akademik Guru-guru TABIKA KEMAS ke peringkat Diploma Perguruan Malaysia; dan
 - ii. Keperluan kewangan melaksanakan Program Meningkatkan Taraf Akademik Guru-Guru TABIKA KEMAS di peringkat Diploma Perguruan Malaysia menggunakan peruntukan sedia ada manakala peruntukan bagi tahun-tahun berikutnya hendaklah dipohon secara berasingan.
- Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan rujukan UPSI/CAN/NC/PA/535.15() bertarikh 22 Jun 2009 telah bersetuju dengan cadangan pihak KEMAS berujukan KEMAS.L.500-12(54) untuk memperluaskan lagi program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak kepada guru-guru TASKA KEMAS yang layak.
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia dengan rujukan JPA.BPO(S)253/2/18-23. Jld.11(34) bertarikh 20 Januari 2012 memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 6 Januari 2012 telah bersetuju dengan Penarafan Semula Guru TASKA/TABIKA KEMAS di bawah NKRA Pendidikan.
- Minit mesyuarat Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 28 Jun 2016 telah membincangkan kemajuan inisiatif Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) berkaitan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan prasekolah. Catatan minit mesyuarat antaranya mengenai pembentangan pelaksanaan dan penguatkuasaan penetapan

kelayakan akademik minimum guru prasekolah di Malaysia oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).

- i. Penetapan dasar, guru prasekolah di Malaysia perlu mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya di tahap diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pengambilan guru baharu prasekolah perlu mempunyai kelayakan akademik minimum diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak mulai tahun 2017.
- ii. Penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan pada tahun 2020 dan satu kajian bagi melihat status semasa perlu dilaksanakan sebelum penguatkuasaan dilaksanakan.

Ringkasan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2016:

- Memberi keutamaan untuk mendiplomakan guru prasekolah yang mempunyai kelayakan akademik di tahap SPM;
- Menyediakan mekanisme dan kaedah bersesuaian untuk membolehkan guru prasekolah mengikuti pengajian di tahap diploma sesuai dengan situasi semasa; dan
- Mempertingkatkan kebajikan guru prasekolah sedia ada.
- Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 27 November 2016 telah mengumumkan bahawa pengambilan baharu tenaga pengajar TABIKA KEMAS diwajibkan memiliki diploma.
- Penetapan ini bertujuan untuk memperkasakan TABIKA dan TASKA supaya lebih berkualiti dan menjadi pilihan ibubapa menghantar anak-anak mereka di TABIKA dan TASKA PERMATA KEMAS, berbanding dengan pusat pendidikan awal kanak-kanak milik swasta. Perkara ini selaras dengan Program Transformasi Tabika KEMAS yang telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 22 Ogos 2016.
- Kesenambungan daripada beberapa punca kuasa tersebut, KEMAS telah membuat kolaborasi strategik dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kelayakan akademik kepada PM TABIKA dan TASKA lantikan KEMAS melalui:
 - Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM);
 - Kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK); dan
 - Kursus Sijil Perguruan Prasekolah (SPP).

Mulai tahun 2017 sehingga kini, tiada lagi pengambilan bagi Kursus SPP ini disebabkan Jabatan hanya memberi fokus kepada program kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) sahaja.

Di antara IPTA dan IPTS yang terlibat bagi program DPAK, ialah :

- Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), bermula tahun 2006 sehingga kini.
- Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), bermula tahun 2008 sehingga kini.
- Kolej KETENGAH, bermula tahun 2012 sehingga kini.
- Kolej Pendidikan Perdana (KOPEDA), bermula tahun 2014 sehingga 2018.

Bilangan PM TABIKA dan TASKA KEMAS yang terlibat dengan Program Peningkatan Profesionalisma adalah seperti berikut:

TAMAT PENGAJIAN

Bilangan Peserta Program Peningkatan Profesionalisma Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA Tamat Pengajian

PERKARA	PROGRAM	AMBILAN (KEMASUKAN)	TAMAT PENGAJIAN		
			TABIKA	TASKA	JUMLAH
IPGM (KDC)	Diploma	2006-2022	3,648	4	3,652
IPGM (KSM)	Diploma	2006-2008	761	-	761
UPSI (TABIKA)	Diploma	2008-2010	290	-	290
UPSI (TASKA)	Diploma	2012-2019	-	408	408
KOLEJ KETENGAH	Diploma	2012-2021	226	-	226
KOPEDA	SIJIL	2014-2016	236	18	254
JUMLAH			5,161	430	5,591

MASIH DALAM PENGAJIAN

Bilangan Peserta Program Peningkatan Profesionalisma Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA Masih Dalam Pengajian

PERKARA	PROGRAM	AMBILAN (KEMASUKAN)	MASIH DALAM PENGAJIAN		
			TABIKA	TASKA	JUMLAH
IPGM (KDC)	Diploma	2006-2022	80	25	105
UPSI (KDC)	Diploma	2012-2019	-	33	33
KOLEJ KETENGAH	Diploma	2012-2021	3	-	3
JUMLAH			83	58	141

BILANGAN KESELURUHAN PENDIDIK MASYARAKAT YANG MENGIKUTI PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Bilangan Keseluruhan Peserta Program Peningkatan Profesionalisma Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA Kemasukan Tahun 2006-2022

PERKARA	PROGRAM	AMBILAN (KEMASUKAN)	JUMLAH
IPGM (KDC)	Diploma	2006-2022	3757
IPGM (KSM)	Diploma	2006-2008	761
UPSI (TABIKA)	Diploma	2008-2010	290
UPSI (TASKA)	Diploma	2012-2019	441
KOLEJ KETENGAH	Diploma	2012-2021	229
JUMLAH			5,478

BILANGAN KESELURUHAN PENDIDIK MASYARAKAT YANG MENGIKUTI PROGRAM SIJIL PERGURUAN PRASEKOLAH

Bilangan Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA Mengikuti Program Sijil Perguruan Prasekolah

IPT	PROGRAM	AMBILAN	JUMLAH PM TABIKA & TASKA MENGIKUTI PROGRAM SIJIL
KOPEDA	Sijil	2014-2016	254

AMBILAN BARU

Pada tahun 2022, seramai 105 orang Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS telah ditawarkan untuk mengikuti Program Peningkatan Profesionalisma; Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) anjuran Jabatan KEMAS di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Bilangan Pendidik Masyarakat TABIKA yang berdaftar pada 30 September dan 1 Oktober 2022 di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah seperti berikut:

Permohonan Program Peningkatan Profesionalisma - Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat 2022

NEGERI	INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)		
	JURUSAN		JUMLAH (ORANG)
	TABIKA	TASKA	
Perlis	-	2	2
Kedah	3	3	6
Pulau Pinang	2	1	3
Perak	-	2	2

NEGERI	INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)		
	JURUSAN		JUMLAH (ORANG)
	TABIKA	TASKA	
WP Persekutuan	6	-	6
Selangor	4	-	4
Melaka	1	-	1
Negeri Sembilan	2	2	4
Johor	4	2	6
Pahang	6	-	6
Terengganu	7	7	14
Kelantan	9	1	10
Sabah	18	5	23
Sarawak	18	6	24
JUMLAH	80	31	111

PESERTA KEMAS YANG TELAH TAMAT PENGAJIAN

Pada tahun 2022, seramai 75 orang Pendidik Masyarakat telah tamat pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) anjuran Jabatan KEMAS di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Kolej KETENGAH.

Pecahan bilangan Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA yang telah tamat pengajian pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

Peserta Kemas Yang Telah Tamat Pengajian Tahun 2022

IPT	PROGRAM	AMBILAN (KEMASUKAN)	TAMAT PENGAJIAN		
			TABIKA	TASKA	JUMLAH
IPGM	Diploma	2020-2022	57	-	57
UPSI	Diploma	2019-2022	-	-	-
KOLEJ KETENGAH	Diploma	2019-2022	18	-	18
JUMLAH			75	-	75

KURSUS ASUHAN PERMATA NEGARA

Objektif perlaksanaan kursus ini kepada Pendidik Masyarakat TASKA PERMATA KEMAS ialah:

- Mendapatkan pengiktirafan Pendidik Masyarakat (PM) TASKA PERMATA KEMAS dalam pengendalian kanak-kanak berumur 2 hingga 4 tahun; dan
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidik TASKA ke arah asuhan kanak-kanak yang lebih professional.

Kumpulan sasar bagi program ini terdiri daripada:

- PM TASKA yang sedang berkhidmat; dan
- Calon PM TASKA KEMAS.

Bagi tahun 2022, seramai 37 orang calon PM TASKA telah mengikuti Kursus Asuhan Permata ini di Institut Latihan KEMAS (ILK) Kuala Lumpur. Perlaksanaan kursus ialah selama lima (5) minggu.

**Status Bilangan Kehadiran Kursus Asuhan Permata (KAP)
Pendidik Masyarakat TASKA Tahun 2009-2022**

TAHUN	JURULATIH	PENYELIA PRASEKOLAH	PM TASKA	JUMLAH
Kursus Pendidik PERMATA Negara (KPPN)				
2009	17	27	235	279
2010	16	19	345	380
2011	1	29	478	508
2012	6	46	58	110
2013	2	0	75	77
Jumlah	42	121	1191	1354
Kursus Asuhan dan Didikan PERMATA (KAP)				
2014	0	0	136	136
2015	0	0	37	37
2016	0	0	59	59
2017	0	0	120	120
2018	0	0	109	109
2019	0	0	120	120
2020	0	0	183	183
2021	0	0	43	43
2022	0	0	37	37
JUMLAH	0	0	844	844

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

Pada tahun 2022, Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional telah menetapkan sebanyak tiga (3) Key Performance Indicator (KPI) utama yang juga menjadi antara KPI Jabatan iaitu Kursus Peningkatan Kompetensi Kakitangan KEMAS dengan mensasarkan sebanyak 2,000 orang peserta, Kursus Dalam Talian ILK/PLK mensasarkan seramai 1,500 orang dan Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak mensasarkan seramai 100 orang yang dilaksanakan secara Kursus Dalam Cuti (KDC).

Kursus Peningkatan Kompetensi Kakitangan KEMAS merupakan kursus yang disediakan bagi melahirkan kakitangan yang lebih cekap serta berpengetahuan dalam menjalankan tugas-tugas jawatan yang disandang. Ianya meliputi aspek pengetahuan (knowledge), kemahiran (skill) dan sikap (attitude) serta ciri-ciri peribadi seseorang penjawat awam. serta ciri-ciri peribadi seseorang penjawat awam. Kursus ini dilaksanakan oleh Bahagian/Unit di KEMAS Ibu Pejabat, KEMAS Negeri serta Institut dan Pusat Latihan KEMAS (ILK/PLK).

Kursus dalam talian adalah kursus yang memberi peluang kepada kakitangan KEMAS, agensi luar dan masyarakat untuk sama-sama mengikuti kursus secara dalam talian yang ditawarkan oleh pihak KEMAS. Kursus ini dilaksanakan melalui Program Mini Karnival Latihan ILK/PLK secara virtual dan diadakan secara berkala setiap tahun oleh ILK/PLK KEMAS.

Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) pula telah mula diperkenalkan di KEMAS pada tahun 2006 dengan kerjasama tiga (3) institusi iaitu Institut Pendidikan Perguruan Malaysia (IPGM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kolej KETENGAH kepada Pendidik Masyarakat KEMAS TABIKA dan TASKA KEMAS.

Pencapaian KPI tahun 2022 adalah seperti berikut :

PROGRAM	SASAR		PENCAPAIAN	
	BIL. PESERTA	KOS (RM)	BIL. PESERTA	KOS (RM)
Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK)	100	100,000.00	105	-
Kursus Atas Talian ILK/PLK	1,500	25,000	2,921	7,040.00
Kursus Peningkatan Kompetensi Kakitangan KEMAS	2,000	926,000.00	11,282	693,621.16
JUMLAH	3,600	1,051,000.00	14,308	700,661.16

Catatan : Pendaftaran Pelajar DPAK di IPGM pada awal Oktober 2022 dan bayaran yuran bermula pada tahun 2023.

KEMUDAHAN LATIHAN INSTITUT DAN PUSAT LATIHAN KEMAS

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) melalui Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional ada menyediakan kemudahan latihan di lima (5) lokasi iaitu:

INSTITUT LATIHAN KEMAS KUANTAN

Jalan Tok Sira, Alor Akar, 25050 Kuantan

- 1991 – bina
- 1993 – siap

1991

PUSAT LATIHAN KEMAS KUALA TERENGGANU

Seberang Takir, 21300 Kuala Terengganu

- 1967 – Bina
- 1969 – Rasmi/4 November
- 2021 – Naik taraf

1967

PUSAT LATIHAN KEMAS KEPALA BATAS

13200 Kepala Batas, Seberang Perai,
Pulau Pinang

- Dikenali Taman Asuhan RIDA
- 1963 – Rasmi
- 2021 – Naik taraf

1963

PUSAT LATIHAN KEMAS MELAKA

Jalan Melor, Bukit Baru, 75150 Melaka

- 1961 – Bina
- 1963 – Rasmi

1961

INSTITUT LATIHAN KEMAS KUALA LUMPUR

Jalan Syed Putra, 50460 Kuala Lumpur

- Dikenali sebagai Taman Asuhan RIDA, 4 Jun 1956 (buka)
- 1963 – Taman Asuhan Wanita
- 1965 – Taman Latihan Wanita
- 1975 – Pusat Latihan Wanita & Pembangunan Keluarga
- 1981 – Pusat Latihan KEMAS, Kuala Lumpur
- 2010 – Institut Latihan KEMAS, Kuala Lumpur

1956

TAHUN PEMBINAAN
ILK/PLK


Kekerapan Penggunaan ILK/PLK Tahun 2022

ILK/ PLK	Bilangan Peserta	Jabatan KEMAS	Peratusan (%)	Agensi Luar	Peratusan (%)	Kekerapan Penggunaan
Kuala Lumpur	3,587	77	23.4	12	3.7	89 (27.1%)
Kuantan	3,437	63	19.2	6	1.8	69 (21.0%)
Terengganu	0	0	0	0	0	0 (0%)
Melaka	3,824	25	7.6	55	16.7	80 (24.3%)
Kepala Batas	2,708	81	24.6	10	3.0	91 (27.6%)
Jumlah	13,656 orang	246 kali	74.8	83 kali	25.2	329 kali (100%)

Susulan fasa peralihan ke endemik di Malaysia mulai April 2022, terdapat beberapa aktiviti harian dan di tempat kerja dapat dijalankan secara bersemuka termasuklah program latihan dan kursus di premis latihan awam. Kesinambungan itu, banyak perancangan latihan atau kursus yang dicadangkan telah dapat dilaksanakan di Institut dan Pusat Latihan KEMAS (ILK/PLK), Malaysia. Bahkan terdapat beberapa buah agensi luar dan swasta telah menggunakan premis dan kemudahan di ILK/PLK untuk melaksanakan program dan kursus. Jadual di bawah menunjukkan sambutan yang sangat menggalakkan di mana peratusan peningkatan penggunaan tinggi di ILK/PLK dalam kalangan KEMAS, Agensi Kerajaan dan Swasta:

Kekerapan Penggunaan ILK/PLK Tahun 2022

ILK/ PLK	Jabatan KEMAS			Agensi Luar			Jumlah Penggunaan		
	2021	2022	Jumlah Perbezaan (Peningkatan)	2021	2022	Jumlah Perbezaan (Peningkatan)	2021	2022	Jumlah Perbezaan (Peningkatan)
Kuala Lumpur	12	77	65	2	12	10	14	89	75 (535%)
Kuantan	16	63	47	3	6	3	19	69	50 (263%)
Terengganu (dalam proses naik taraf)	0	0	0	0	0	0	0	0	0 (0%)
Melaka	5	25	20	8	55	47	13	80	67 (515%)
Kepala Batas	5	81	76	2	10	8	7	91	84 (1,200%)
JUMLAH	38	246	208	15	83	68	53	329	276 (520%)



BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK



BAHAGIAN

DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) berperanan untuk memantapkan sistem pengumpulan dan penyaluran data serta maklumat dari peringkat akar umbi kepada pihak Kerajaan secara berkala dan sistematik. Selari dengan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pengurusan atasan memberi petunjuk bahawa pencapaian matlamat perancangan strategik adalah penting dan ini perlu difahami oleh semua peringkat kakitangan dalam Jabatan.

Kesungguhan dan komitmen dalam proses anjakan perubahan sosio politik negara ditunjukkan oleh pengurusan atasan melalui dalam aspek untuk menyusun, memperkemas serta mengukuhkan pelan perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti pembangunan KEMAS. Secara keseluruhannya, ia selari dengan kehendak pihak berkepentingan (stakeholder), keperluan semasa negara dan kumpulan sasar.

Berpaksikan momentum ini, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) dipertanggungjawabkan bersama-sama Bahagian dan Unit di KEMAS untuk merealisasikan membantu mencorak masa depan negara demi mencapai status negara maju pada tahun 2025.

Di bawah adalah Carta Visi dan Misi Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS).

Visi BDRS ialah Pemangkin Pembangunan Modal Insan yang holistik. Manakala Misi Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) adalah mengintegrasikan program dan aktiviti Jabatan melalui 4 dimensi iaitu berfokus, sistematik, berimpak dan berstrategik.



FUNGSI BAHAGIAN

6 Fungsi Utama Bahagian

Enam (6) fungsi utama Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) yang digariskan untuk merancang dan melaksanakan kerja-kerja pengumpulan data maklumat asas di peringkat akar umbi. Dalam membangunkan penetapan agenda transformasi Jabatan yang berpaksikan 'Memperkasakan Masyarakat Luar Bandar Ke Arah Pembangunan Holistik', enam (6) fungsi utama Bahagian adalah :

1. Menyediakan rangka dasar dan strategi makro bagi Jabatan Kemajuan Masyarakat yang melibatkan hubungkait dengan penyediaan rangka rancangan jangka panjang dan rancangan lima tahun Malaysia oleh Agensi Pusat.
2. Merancang, menilai dan meningkatkan keberkesanan program-program Jabatan samada kajian secara dalaman atau out sourcing.
3. Memastikan segala perancangan dan pelaksanaan program dan projek Jabatan dilaksanakan mengikut matlamat dan dasar yang ditetapkan.
4. Memastikan penjelasan dasar dan strategi KEMAS dan KKDW difahami oleh pelaksana, kumpulan sasar dan lain-lain pihak berkepentingan (*stakeholder*) program.
5. Mempromosi dan meningkatkan penglibatan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam program dan projek KEMAS.
6. Menyediakan pangkalan data Jabatan yang lengkap, meliputi data-data program dan projek untuk tujuan kajian, perancangan dan penilaian.

Carta 2 : Di bawah adalah Enam (6) Carta Fungsi Bahagian/Unit Utama Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) berpaksikan “Memperkasakan Masyarakat Luar Bandar Ke Arah Pembangunan Holistik”



Fungsi Seksyen

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) telah dibahagikan kepada (3) Seksyen utama iaitu:

- Seksyen Perancangan Strategik
- Seksyen Kajian & Data
- Seksyen Pembangunan Sosial

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS BAHAGIAN

Jadual 1 : Unjuran Perbelanjaan Mengurus OS29000 Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) 2022 :

NEGERI	TERIMA (RM)	JUMLAH BELANJA		BAKI PERUNTUKAN	
		(RM)	%	(RM)	%
PERLIS	15,500.00	15,500.00	100.0	-	0.0
KEDAH	63,500.00	63,500.00	100.0	-	0.0
PULAU PINANG	47,500.00	47,500.00	100.0	-	0.0
PERAK	49,000.00	49,000.00	100.0	-	0.0
WILAYAH PERSEKUTUAN	21,000.00	21,000.00	100.0	-	0.0
SELANGOR	49,000.00	49,000.00	100.0	-	0.0
NEGERI SEMBILAN	38,500.00	38,500.00	100.0	-	0.0
MELAKA	25,500.00	25,500.00	100.0	-	0.0
JOHOR	176,500.00	176,500.00	100.0	-	0.0
PAHANG	109,080.00	109,080.00	100.0	-	0.0
KELANTAN	47,500.00	47,500.00	100.0	-	0.0
TERENGGANU	46,000.00	46,000.00	100.0	-	0.0
SABAH	99,000.00	99,000.00	100.0	-	0.0
SARAWAK	70,000.00	70,000.00	100.0	-	0.0
Jumlah Kecil	857,580.00	857,580.00	100.0	-	0.0
Ibu Pejabat	142,420.00	142,420.00	100.0	-	0.0
Jumlah Besar	1,000,000.00	1,000,000.00	100.0	-	0.0

Gambarajah 1 : Di bawah merupakan laporan pelaksanaan Bengkel/ Mesyuarat dan Perjumpaan YBM KPLB/ Ketua Pengarah/Pengarah.



PENCAPAIAN PROGRAM/AKTIVITI

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) telah melaksanakan program/aktiviti yang melibatkan pegawai KEMAS di semua negeri, dari pelbagai agensi Kementerian Kemajuan Pembangunan Luar Bandar dan juga aktiviti bersama badan-badan NGO iaitu :

- A. Penyediaan Buku Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Masyarakat 2022 - 2026;
- B. Kajian Lapangan Jabatan;
- C. Kajian dibawah Jawatankuasa Kajian Induk Kementerian (JKIK);
- D. Penyelarasan Penilaian Outcome Program Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- E. Penyelarasan dan Pengumpulan Data Jabatan secara kolaborasi Jabatan/ agensi atau Kementerian luar;
- F. Menyelarass program/aktiviti Jabatan.

Penyediaan Buku Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Masyarakat 2022- 2026

Pada tahun 2022, Seksyen Kajian dan Data telah merangka dan menyediakan Buku Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Masyarakat 2022 - 2026 hasil daripada mesyuarat dan perbincangan Penyelarasan Buku Pelan Strategik yang telah diadakan sebanyak 4 kali bersama 8 Bahagian dan 4 Unit iaitu pada 16/3/2022, 13/4/2022, 15/4/2022 dan 3/8/2022. Kandungan Buku Pelan Strategik adalah :

- i. 6 Fungsi KEMAS
- ii. 5 Teras
- iii. 67 Program
- iv. 73 KPI



1 Mendayaupaya Kepimpinan

- S1 :**
Memantapkan jati diri dan kefahaman mengenai peranan serta fungsi jabatan
- S2 :**
Memantapkan kompetensi kakitangan
- S3 :**
Menyediakan platform peningkatan kerjaya kepada kakitangan
- S4 :**
Meningkatkan keberkesanan organisasi melalui pemberian pengiktirafan kepada kakitangan

19
Program

19
KPI



2 Pencapaian Keberhasilan

- S1:**
Memastikan infrastruktur KEMAS berada dalam keadaan kondusif mengikut keperluan masyarakat
- S2:**
Menyediakan peluang peningkatan persijilan kemahiran yang diiktiraf
- S3:**
Memperkasakan tadbir urus pengurusan data dan penyampaian maklumat
- S4:**
Pemeriksaan modul pengajaran dan pembelajaran pendidikan
- S5:**
Menyediakan makanan dan menu yang seimbang serta meningkatkan kesedaran kepada ibu bapa

22
Program

24
KPI



3 Kapasiti Organisasi

S1:


Memperkuhukh tadbir urus KEMAS dan meningkatkan tahap akauntabiliti serta integriti kakitangan

S2:

Meningkatkan kolaborasi dengan pengamal media bagi memastikan maklumat yang disalurkan adalah tepat dan berkesan

7
Program

7
KPI



4 Penglibatan Rakyat

S1:

Meluaskan akses pendidikan awal yang berkualiti dan berkemampuan

S2:

Menyediakan latihan dan menggalakkan peserta menjana pendapatan

S3:

Menyediakan program dan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat

S4:

Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program/ aktiviti jabatan

16
Program

19
KPI



5 Penerapan Nilai-Nilai Murni

S1 :

Melahirkan sukarelawan komuniti bagi mewujudkan masyarakat yang sihat, selamat dan sejahtera

3
Program

4
KPI

Kajian Lapangan Jabatan

Seksyen Kajian dan Data dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Kajian Lapangan terhadap maklumbalas rakyat. Pada tahun 2022 terdapat 3 (tiga) maklumbalas rakyat yang telah dilaksanakan iaitu :

A. Kajian Lapangan 1 : Maklumbalas Rakyat Berkaitan Kenaikan Harga Barang.

i. Objektif Kajian

- a. Mendapatkan maklumbalas daripada rakyat berkaitan isu kenaikan harga barang.
- b. Mengukur tahap kesedaran rakyat berkaitan isu kenaikan harga barang.
- c. Mengenalpasti faktor-faktor berlakunya isu kenaikan harga barang
- d. Mengenalpasti kesan isu kenaikan harga barang kepada rakyat
- e. Mengenalpasti bantuan / bahan sokongan yang diperlukan oleh rakyat dalam mendepani isu kenaikan harga barang

ii. Dapatan Kajian

- a. Hasil daripada kajian lapangan ini menunjukkan rakyat sangat terkesan dengan isu kenaikan harga barang. Kesan ini bukan hanya dapat dilihat oleh kumpulan B40, malah turut dirasai oleh kumpulan M40 & T20.
- b. Bantuan kewangan daripada pihak kerajaan dapat mengurangkan beban rakyat dan rakyat mengharapkan bantuan seperti subsidi ini akan diteruskan.
- c. Kesan dari kenaikan harga barang ini telah memberi kesan kepada sokongan rakyat kepada kerajaan

Kajian dibawah Jawatankuasa Kajian Induk Kementerian (JKIK)

A. Program Pembangunan Modal Insan : Kajian Keberkesanan Program Quick Win KEMAS

i. Objektif Kajian:

- a. Mengkaji pencapaian keupayaan peningkatan pendapatan peserta
- b. Menilai keberkesanan pelaksanaan Quick Win tahun 2017 – 2020
- c. Menyediakan kerangka Pelan Strategik Quick Win bagi RMKe-12 dan 13 serta bidang-bidang baru bagi peluang peningkatan sosio-ekonomi masyarakat luar Bandar.

ii. Impak Kajian:

- a. Untuk menjayakan Visi dan Misi KEMAS ke tahap lebih berdaya saing
- b. Untuk memberi latihan kemahiran yang berkualiti dan diiktiraf.
- c. Untuk merangka sistem tadbir urus kerja KEMAS yang lebih sistematik fleksibel dan efektif.
- d. Untuk mengenalpasti program yang dilaksanakan mampu memberi manfaat kemahiran dan meningkatkan ekonomi.
- e. Untuk membantu peserta dan pihak pelaksana dalam mengatasi cabaran atau masalah yang dihadapi.
- f. Untuk membantu KEMAS dan KKDW menyediakan kerangka Pelan Strategik Quick Win KEMAS.

B. Program Pembangunan Modal Insan : Kajian Keberkesanan dan Kebolehintegrasian Modul e-Stream Dalam Proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di TABIKA KEMAS.

i. Objektif Kajian:

- a. Mengkaji dan menilai kebolehintegrasian Modul e-Stream semas PdPc di TABIKA KEMAS
- b. Mengkaji dan menilai keberkesanan kandungan penyampaian dan pentaksiran Modul e-Stream kepada kanak-kanak berusia 5 – 6 tahun
- c. Mencadangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Strem Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang komprehensif bagi tempoh 5 tahun untuk perluasan model pendidikan kanak-kanak yang terkini di luar bandar

ii. Impak Kajian:

- a. Meningkatkan modal insan luar bandar yang berkualiti, berdaya maju, mampan dan memenuhi keperluan masa hadapan pendidikan e-STREAM yang berkualiti selaras dengan Teras 3: Modal Insan Berkualiti, Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030.
- b. Meningkatkan kualiti kurikulum Pendidikan Awal Kanak-kanak KEMAS (2020-2030)
- c. Dasar dan Pelan Pembangunan Pendidikan e-STREAM selama 5 tahun dapat disediakan.

Laporan Penyelarasan Penilaian Outcome Program Kementerian Pembangunan Luar Bandar

A. Laporan Kajian Outcome : Perancangan Bantuan Makanan Tambahan di TABIKA KEMAS Orang Asli

i. Objektif Kajian:

- a. Menilai keberkesanan Program Bantuan Makanan Tambahan (PBMT).
- b. Menilai tahap kepuasan ibu bapa/penjaga terhadap Program Bantuan Makanan Tambahan (PBMT).

ii. Impak Kajian:

- a. Mengukuhkan jaringan dan kerjasama strategik antara Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah dengan Kementerian Kesihatan Malaysia - perkongsian data dan pelaksanaan aktiviti berkaitan kesihatan dan pemakanan.
- b. Pemerkasaan Bengkel Kemahiran Keibubapaan - penambahbaikan modul dan penceramah.
- c. Penyediaan menu PBMT - semakan menu sedia ada dan kos BMT untuk seorang kanak-kanak.
- d. Pemerkasaan teknologi terkini - kemudahan capaian internet, komunikasi diperluas ke kawasan pendalaman - perluasan penyebaran info kesihatan lebih pantas.
- e. Pembelian alat penimbang berat badan dan alat pengukuran tinggi yang lebih moden – merujuk kelulusan permohonan KPM.

**Penyelarasan dan Pengumpulan Data Jabatan secara kolaborasi
Jabatan/ agensi atau Kementerian luar**

A. Seksyen Perancangan Strategik

BIL.	PERKARA	AGENSI/KEMENTERIAN
1.	Bengkel Semakan Dasar Kanak-Kanak Negara Dan Pelan Tindakan Bilangan 1 - 3 Tahun 2022	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
2.	Maklumbalas Inisiatif / Program Untuk Wanita yang Dilaksanakan Di Kementerian atau Agensi	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Khas memerangi Masalah Bantut dalam Kalangan Kanak-kanak	Kementerian Kesihatan Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia
4.	Maklumat Berkaitan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD), Bagi Bab 4, Bab 5, Bab 7 Dan Bab 11 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKE-12) Oleh Agensi Pelaksana Tahun 2022	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
5.	Laporan Pemantauan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) Fasa II (2021-2025)	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
6.	Maklumat Awal Bagi Kajian Pengurusan Program Pembangunan Modal Insan Dan Pendidikan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Jabatan Audit Negara
7.	Maklumat Berkaitan Pelaporan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 (PTPN 2021-2030)	Kementerian Perpaduan Negara (KPN)
8.	Maklumbalas Pencapaian Bagi Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Jangka Sederhana (6 Bulan) YB Menteri KPLB Sehingga 30 Jun 2022	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
9.	Program Pemerksaan Agenda Bumiputera Di Bahagian Agensi	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
10.	Senarai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan Pembangunan Luar Bandar untuk Japanes Grant Asisstant Grass-Roots (CGP 2022)	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)

BIL.	PERKARA	AGENSI/KEMENTERIAN
11.	Penyediaan Input Bagi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
12.	Jemputan Menyertai Program Simposium Pemikir Muda - "Ekonomi Belia Pemacu Masa Hadapan Negara" Pada 18 Dan 19 Julai 2022	Kementerian Belia Dan Sukan
13.	Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Perekayasaan Proses Dan Prosedur Kerja (Business Process Reengineering (BPR) Di Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
14.	Mesyuarat Penyediaan Kertas Memorandum Persefahaman Antara KEMAS Dan DBP Berkaitan Buku Aktiviti Kanak-kanak TABIKA KEMAS	Dewan Bahasa Dan Pustaka
15.	Input Bagi Ketersediaan Liputan Rangkaian Internet Kawasan Luar Bandar	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
16.	Maklum Balas Bagi Draf Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana	Bahagian ICT Kementerian Pembangunan Luar Bandar
17.	Perbincangan Berkaitan Pelaksanaan Dan Hala Tuju Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) / Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP)	Bahagian Komuniti Desa, KPLB
18.	Input Agensi Untuk Soalan Temu Bual YBM	Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
19.	Bengkel Semakan Semula serta pengemaskinian Dasar Dan pelan Tindakan Keluarga Negara Tahun 2010-2020	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

B. Seksyen Pembangunan Sosial

BIL.	PERKARA	AGENSI/KEMENTERIAN
20.	Maklumbalas Percalonan Untuk Menganggotai Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan Kesihatan Kanak-Kanak	Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
21.	Maklumat Agensi Di Bawah KPLB Bagi Pembangunan Kertas Perancangan Digitalisasi Sistem Pendidikan Negara	Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
22.	Mengenal Pasti Program Atau Projek Sedia Ada Berkaitan Program Pembasmian Kemiskinan Dan Kemiskinan Tegar Fasa 1 Tahun 2022	Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
23.	Maklumbalas Agenda Nasional Malaysia Sihat. (ANMS)	Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)

C. Seksyen Kajian & Data

BIL.	PERKARA	AGENSI/KEMENTERIAN
24.	Maklumat Bagi Kajian Pengurusan Program Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	Jabatan Audit Negara
25.	Laporan Pelaksanaan Program PSH	Kementerian Pengajian Tinggi
26.	Laporan status Kajian di bawah Jawatankuasa Induk Kajian (JKIK)	Institut Kemajuan Desa (INFRA)
27.	Laporan Pelaksanaan Inisiatif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) Dan Dasar 4ir Negara (D4N)	Kementerian Sumber Manusia
28.	Pengemaskinian Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS)	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

BIL.	PERKARA	AGENSI/KEMENTERIAN
29.	Mesyuarat Program Community Feeding (PCF) Orang Asli Dan Kem Kesihatan Di Pusat Community Feeding (PCF) Orang Asli	Kementerian Kesihatan Malaysia
30.	Sesi Pembentangan Peringkat Nasional Bagi Pemurnian Draf National Statements Of Commitment Untuk Pre-Summit, Transforming Education Summit (TES) 2022	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia
31.	Maklumbalas berkaitan Memorandum Daripada Menteri Pengajian Tinggi Mengenai Pengisytiharan Dan Sambutan Hari TVET Negara	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
32.	Cadangan Penambahbaikan Dan Pemurnian Ke Atas Draf Dasar Kanak-Kanak Negara	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
33.	Expression Of Interest Di Bawah Country Programme Action Plan 2022-2025	United Nations Development Programme (UNDP)
34.	Penghantaran Input Bagi Penyediaan Model Pertumbuhan Ekonomi Baharu Atau Aspirasi Baharu Nasional (NNA)	Kementerian Kewangan (MOF)
35.	Penyediaan maklumat bagi Program Bantuan Pelajar B40 Di Bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW)
36.	Maklum Balas Berkaitan Laporan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
37.	Pencalonan Ahli Tetap Dan Ahli Gantian Tetap Bagi Jawatankuasa Kerja Teknikal Memerangi Masalah Bantut Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Maklum Balas Minit Mesyuarat Jawatankuasa Khas Memerangi Bantut Bil.1/2021	Kementerian Kesihatan Malaysia

PENCAPAIAN KURSUS/BENGKEL/MESYUARAT

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) telah melaksanakan Kursus/Bengkel/Mesyuarat yang melibatkan pegawai KEMAS di seluruh negeri, dari pelbagai agensi Kementerian Kemajuan Pembangunan Luar Bandar dan juga aktiviti bersama badan-badan NGO iaitu :

- A. Mesyuarat Pengurusan Dan Perancangan Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik Bil 1/2022 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pada 11 hingga 13 Februari 2022 di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan, Pahang;
- B. Bengkel Penyediaan SOP Tatacara Penganalisaan Data pada 10 hingga 11 Mac 2022 di Bilik Gerakan, Aras 9, KEMAS Putrajaya;
- C. Bengkel Training Of Trainer (TOT) Tatacara Penganalisaan Data pada 24 Mac 2022 di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 9, KEMAS Putrajaya
- D. Bengkel Pemantapan Pelaporan Maklum Balas Semasa (MBS) Tahun 2022 pada 28 hingga 30 Mac 2022 di Institut Latihan KEMAS, Kuala Lumpur;
- E. Bengkel Perancangan Dan Penyelarasan Kajian Kecenderungan (KC) Bil.1/2022 pada 15 hingga 17 Jun 2022 di Hotel RHR, Kajang, Selangor;
- F. Bengkel Task Force Pembangunan Sosial KEMAS pada 27 hingga 29 September 2022 di Institut Latihan KEMAS Kuala Lumpur (ILKKL);

Mesyuarat Pengurusan Dan Perancangan Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik Bil 1/2022 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik merupakan bahagian penting dalam Jabatan kerana ia memainkan peranan utama dalam melaksana agenda KEMAS. Hakikatnya peranan Bahagian ini perlu sentiasa peka dengan situasi semasa negara dalam memastikan gerak kerja akar umbi KEMAS dapat bergerak dengan baik.

KEMAS juga telah melalui proses rasionalisasi jabatan dan perjawatan bagi menjayakan visi dan misi KEMAS dan KPLB. Secara tidak langsung fungsi utama dalam Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik turut mempunyai beberapa perubahan besar dan melibatkan penambahan tugas utama. Struktur organisasi juga telah dirombak bagi melicinkan aktiviti diperingkat bawah demi menjanjikan matlamat kerajaan khususnya kementerian dapat dicapai seperti yang disasarkan.

Merujuk kepada cabutan minit mesyuarat pengurusan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Bil.3 /2021, Jabatan Kemajuan Masyarakat pada 9 November 2021 mengenai perstrukturkan semula tugas dan carta fungsi Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik yang baru akan dilaksanakan berkuatkuasa tahun 2022 yang terbahagi kepada 3 seksyen iaitu Seksyen Perancangan Strategik, Seksyen Kajian dan Data serta Seksyen Pembangunan Sosial.

Walaupun bagaimanapun, kakitangan BDRS belum mendapat pendedahan secara menyeluruh terhadap perubahan dalam fungsi tugas setiap seksyen. Oleh itu, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu Mesyuarat Pengurusan Dan Perancangan Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik Bil 1/2022 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pada 11 hingga 13 Februari 2022 di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan, Pahang yang melibatkan keseluruhan kakitangan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bagi melicinkan dan melancarkan lagi pelaksanaan kerja tahun 2022 mengikut visi dan misi yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat.

Objektif pelaksanaan Mesyuarat Pengurusan Dan Perancangan Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik Bil 1/2022 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ini ialah :

- a. Memberi penerangan tentang rasionalisasi, peranan dan hala tuju Bahagian serta KEMAS;
- b. Memberi kefahaman kepada pegawai berkenaan bidang tugas merujuk kepada carta fungsi yang terkini;
- c. Memberi penerangan tentang cadangan aktiviti/program sedia ada dan yang terkini.

Impak pelaksanaan mesyuarat ini adalah:

- a. Melahirkan kakitangan yang berpengetahuan dan mahir dalam melaksanakan tugas dan program / aktiviti Jabatan;
- b. Program/aktiviti kemasyarakatan atau pendampingan dengan masyarakat dapat dilaksanakan dengan berjaya dan berkesan;
- c. Imej jabatan di kalangan masyarakat dapat dinaikkan pada tahap yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, dengan pelaksanaan mesyuarat ini akan dapat melahirkan pegawai yang lebih berkualiti, berketrampilan dan memiliki jati diri serta semangat kekitaan ke arah peningkatan kecemerlangan organisasi KEMAS.

Bengkel Penyediaan SOP Tatacara Penganalisaan Data

Pada 10 hingga 11 Mac 2022, Seksyen Pembangunan Sosial telah melaksanakan Bengkel Penyediaan SOP Tatacara Penganalisaan Data di Bilik Gerakan, Aras 9, KEMAS Putrajaya yang melibatkan 6 orang peserta yang terdiri di kalangan Penolong Pegawai Pembangunan Sosial (PPPS) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan (PPMK).

Di antara objektif bengkel adalah untuk memastikan kakitangan di lapangan mahir dalam penyediaan data iaitu :

- a. Mahir menggunakan pelbagai perisian dan aplikasi;
- b. Kebolehan mengekstrak data dari pelbagai sumber;
- c. Mahir menganalisa, merumus data dan menyediakan laporan;
- d. Menyediakan SOP Tatacara Penganalisaan Data yang komprehensif.

Pengisian bengkel seperti ceramah, perbincangan dalam kumpulan, sesi pembentangan serta rumusan dan cadangan telah dilaksanakan bagi memastikan objektif bengkel tercapai.

Di samping itu juga, kaedah pelaksanaan bengkel ini dimantapkan lagi dengan Taklimat daripada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Perbincangan kumpulan diadakan dengan membuat latihan penyediaan format pelaporan dengan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah.

Impak pelaksanaan bengkel ini dapat dilihat dari segi :

- a. Membolehkan peserta menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dalam menjalankan tugas.
- b. Membantu pegawai menjalankan tugas dengan yakin dan mempunyai semangat berpasukan.
- c. Menghayati, memahami dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut peraturan dan undang-undang jabatan.
- d. SOP Tatacara Penganalisaan Data yang boleh digunakan oleh kumpulan sasaran.

Bengkel Training Of Trainer (TOT) Tatacara Penganalisaan Data

Bengkel Training Of Trainer (TOT) Tatacara Penganalisaan Data telah dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan Sosial pada 24 Mac 2022 di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 9, KEMAS Putrajaya yang melibatkan 27 orang peserta yang terdiri daripada Penolong Pegawai pembangunan Sosial (PPPS), Penolong Pegawai Komuniti Dan Kemahiran (PPKK) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan (PPMK).

Di antara pengisian dan kaedah bengkel ialah ceramah dan taklimat oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, perbincangan dan latihan penggunaan format pelaporan dalam kumpulan bagi mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, pembentangan oleh peserta kumpulan serta pembentangan rumusan dan cadangan daripada pihak urusetia.

Objektif Bengkel TOT ini dilaksanakan adalah untuk :

- a. Memastikan pegawai dilapangan agar mahir menggunakan pelbagai perisian dan aplikasi;
- b. Berkebolehan mengekstrak data dari pelbagai sumber;

- c. Meningkatkan kemahiran pemprosesan data;
- d. Mahir menganalisa, merumus data dan menyediakan laporan.

Impak pelaksanaan bengkel TOT ini dapat dilihat dari segi :

- a. Membolehkan peserta menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dalam menjalankan tugas.
- b. Membantu pegawai menjalankan tugas dengan yakin dan mempunyai semangat berpasukan.
- c. Menghayati, memahami dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut peraturan dan undang-undang jabatan.
- d. Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penyediaan laporan supaya maklumat yang disebarkan dipercayai.
- e. Menyediakan pegawai agar bersedia menghadapi segala perubahan dengan sumbangan idea, cadangan yang baru dan menambah baik hala tuju sedia ada selari dengan mission driven jabatan.
- f. Menjadi jabatan yang sentiasa bersedia menjadi penyalur maklumat dan data yang tepat serta boleh dikongsi oleh agensi-agensi yang lain.

Bengkel Pemantapan Pelaporan Maklum Balas Semasa (MBS) Tahun 2022.

Pada tahun 2022, Seksyen Pembangunan sosial telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Bengkel Pemantapan Pelaporan Maklum Balas Semasa (MBS) Tahun 2022 pada 28 hingga 30 Mac 2022 di Institut Latihan KEMAS, Kuala Lumpur. Bengkel ini adalah untuk memantapkan pegawai seramai 38 orang iaitu yang terdiri daripada Penolong Pegawai pembangunan Sosial (PPPS), Penolong Pegawai Komuniti dan Kemahiran (PPKK) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan (PPMK).

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk :

- a. Memastikan semua peserta bengkel mahir menggunakan format pelaporan yang disediakan dan membentangkan format tersebut kepada kakitangan KEMAS Negeri masing-masing.
- b. Memberikan pemahaman dan meningkatkan kemahiran pegawai tersebut tentang penyelesaian masalah yang timbul dalam penyediaan laporan tersebut.
- c. Memastikan peserta dapat menjadi mentor di peringkat Negeri dalam penyediaan maklum balas semasa.

Kaedah pelaksanaan Bengkel MBS ini ialah dengan mengadakan taklimat yang disampaikan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, berkaitan maklum balas semasa dan latihan penyediaan format pelaporan, perbincangan kumpulan bagi mengadakan sesi

latihan dan penyelesaian masalah serta sesi pembentangan oleh setiap kumpulan.

Impak pelaksanaan bengkel TOT ini dapat dilihat dari segi:

- a. Peserta menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dalam menjalankan tugas;
- b. Pegawai KEMAS dapat menjalankan tugas dengan yakin dan mempunyai semangat berpasukan;
- c. Pegawai dapat menghayati, memahami dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut peraturan dan undang-undang jabatan;
- d. Pengetahuan dan kemahiran dipertingkatkan dalam penyediaan laporan supaya maklumat yang disebarkan dipercayai;
- e. Anggota KEMAS sentiasa bersedia menghadapi segala perubahan dengan sumbangan idea, cadangan yang baru dan menambah baik hala tuju sedia ada selari dengan mission driven jabatan; dan
- f. Menjadi penyalur maklumat dan data yang tepat serta boleh dikongsi oleh agensi-agensi yang lain.

Bengkel Perancangan dan Penyelarasan Kajian Kecenderungan (KC) Bil.1/2022

Sesyen Pembangunan Sosial telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Bengkel Perancangan dan Penyelarasan Kajian Kecenderungan (KC) Bil.1/2022 yang telah dilaksanakan pada 15 hingga 17 Jun 2022 di Hotel RHR, Kajang, Selangor.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 44 orang orang peserta yang terdiri daripada Penolong Pegawai Pembangunan Sosial (PP PS) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat dari setiap KEMAS Negeri.

Pengisian bengkel ini ialah dengan memberi ceramah, perbincangan dalam kumpulan dan juga pembentangan oleh kumpulan. Pelaksanaan Bengkel ini adalah melalui 3 (tiga) kaedah iaitu meneliti dan menyemak format sediaada dan kaedah pengisian data, membuat perbincangan keperluan penambahbaikan format kajian mengikut kumpulan serta menyediakan format kajian mengikut keperluan penyediaan kajian kecenderungan.

Di antara objektif pelaksanaan bengkel ini ialah:

- a. Memberi penerangan tentang kaedah dan cara pengumpulan dan penganalisan data di kawasan;
- b. Memberi kefahaman berkaitan dengan cadangan program yang bersesuaian untuk menjalankan aktiviti pengumpulan data; dan

- c. Memberi penerangan berkaitan format penyediaan pelaporan di peringkat lapangan, daerah, negeri seterusnya ibu pejabat.

Pelaksanaan bengkel ini telah memberi impak yang berkesan kepada pegawai berkenaan dari segi :

- a. Memudahkan pelaksanaan tugas pengumpulan data yang lebih tepat berkaitan kajian tersebut semasa di lapangan; dan
- b. Setiap peserta mampu membuat penganalisaan kajian di peringkat negeri secara lebih teratur mengikut format yang telah ditetapkan.

Bengkel Task Force Pembangunan Sosial KEMAS.

Bengkel *Task Force* Pembangunan Sosial KEMAS telah dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan Sosial pada 27 hingga 29 September 2022 di Institut Latihan KEMAS Kuala Lumpur (ILKKL). Bengkel ini telah dihadiri seramai 67 orang yang terdiri daripada Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Bahagian & Negeri, Penolong Pegawai Pembangunan Sosial, Penolong Pegawai Komuniti & Kemahiran, Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan dan Pemaju Masyarakat.

Objektif bengkel ini adalah untuk:

- a. Memurnikan SOP Modul Pembangunan Sosial supaya seiring dengan situasi semasa Jabatan;
- b. Merangka perancangan hala tuju Jabatan bagi memastikan kesiapsiagaan dalam gerak kerja Jabatan; dan
- c. Menyediakan input-input terkini kepada kakitangan supaya mereka sentiasa maklum berkenaan perancangan Jabatan.

Bengkel telah dilaksanakan melalui kaedah perbincangan dalam kumpulan bagi memurnikan SOP Modul Pembangunan Sosial serta perancangan hala tuju Jabatan, pembentangan hasil perbincangan bagi pencambahan idea dan memastikan pelaksanaan SOP tersebut sesuai dilaksanakan diseluruh Negeri dan penyediaan perancangan hala tuju dan modul pembangunan sosial yang komprehensif. Disamping itu juga, Ketua Pengarah telah merasmikan Ucaptama Bengkel dan berkesempatan melihat pembentangan hasil rumusan daripada peserta yang terlibat.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah memberi impak kepada peserta iaitu:

- a. SOP dapat disediakan mengikut situasi semasa dan dapat digunakan oleh semua kakitangan;

- b. Perancangan hala tuju Jabatan yang jelas dan dapat difahami oleh semua kakitangan; dan
- c. Setiap kakitangan menghayati peranan masing-masing dalam memastikan aspek pembangunan masyarakat dapat dicapai.

Kursus/Bengkel Yang Dilaksanakan

BIL.	TAJUK KURSUS / BENGKEL	PESERTA	PENGISIAN KURSUS / BENGKEL
1.	Mesyuarat Pengurusan Dan Perancangan Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik Bil 1/2022 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	• 1 siri • 11 hingga 13 Februari 2022 • Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan, Pahang • 20 orang: • Pegawai Unit Ibu Pejabat • Penolong Pegawai Pembangunan Sosial (PPPS) • Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM)	• Pengisian kursus: • Taklimat • Latihan individu/kumpulan • Pembentangan • Rumusan dan cadangan • Kaedah pelaksanaan: • Taklimat Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. • Pemurnian senarai tugas dan format pelaporan. • Perbincangan kumpulan • Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah. • Pembentangan
2.	Bengkel Penyediaan SOP Tatacara Penganalisaan Data	• 1 Siri • 10 hingga 11 Mac 2022 • Bilik Gerakan, Aras 9, KEMAS Putrajaya • Peserta : 6 orang • Penolong Pegawai pembangunan Sosial (PPPS) • Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan (PPMK)	• Pengisian kursus : • Ceramah • Perbincangan dalam kumpulan • Pembentangan • Rumusan dan cadangan • Kaedah digunapakai : • Taklimat Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. • Latihan penyediaan format pelaporan. • Perbincangan kumpulan • Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah. • Pembentangan

BIL.	TAJUK KURSUS / BENGKEL	PESERTA	PENGISIAN KURSUS / BENGKEL
3.	Bengkel Training Of Trainer (TOT) Tatacara Penganalisaan Data	• 1 Siri • 24 Mac 2022 • Bilik Mesyuarat Delima, Aras 9, KEMAS Putrajaya • 27 orang : • Penolong Pegawai pembangunan Sosial (PPPS) • Penolong Pegawai Komuniti Dan Kemahiran (PPKK) • Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan (PPMK).	• Pengisian kursus : • Ceramah • Perbincangan dan latihan dalam kumpulan • Pembentangan • Rumusan dan cadangan • Kaedah pelaksanaan : • Taklimat bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik. • Latihan penggunaan format pelaporan. • Perbincangan kumpulan. • Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah. • Pembentangan.
4.	Bengkel Pementapan Pelaporan Maklum Balas Semasa (MBS) Tahun 2022	• 1 Siri • 28 hingga 30 Mac 2022 • Institut Latihan KEMAS, Kuala Lumpur • 38 orang: • Penolong Pegawai pembangunan Sosial (PPPS) • Penolong Pegawai Komuniti Dan Kemahiran (PPKK) • Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan (PPMK).	• Pengisian Bengkel : • Ceramah • Latihan Dalam kumpulan (LDK) • Pembentangan • Rumusan dan cadangan • Kaedah pelaksanaan : • Taklimat bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik. • Penerangan apa itu maklum balas semasa dan latihan penyediaan format pelaporan. • Pembahagian kumpulan • Perbincangan kumpulan, mengadakan latihan dan penyelesaian masalah. • Pembentangan oleh setiap kumpulan. • Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah.

BIL.	TAJUK KURSUS / BENGKEL	PESERTA	PENGISIAN KURSUS / BENGKEL
5.	Bengkel Perancangan Dan Penyelarasan Kajian Kecenderungan (KC) Bil.1/2022	• 1 Siri • 15 hingga 17 Jun 2022 • Hotel RHR, Kajang, Selangor • 44 orang : • Penolong Pegawai pembangunan Sosial (PPPS) • Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM).	• Pengisian Kursus: • Ceramah • Perbincangan dalam kumpulan • Pembentangan • Kaedah Pelaksanaan: • Meneliti dan menyemak format sediaada dan kaedah pengisian data. • Membuat perbincangan keperluan penambahbaikan format kajian mengikut kumpulan. • Menyediakan format kajian mengikut keperluan penyediaan kajian kecenderungan.
6.	Bengkel Task Force Pembangunan Sosial KEMAS	• 1 Siri • 27-29 September 2022 • Institut Latihan KEMAS Kuala Lumpur (ILKKL) • Peserta: 67 Orang • Ketua Pengarah • Pengarah Bahagian • Pengarah Negeri • Penolong Pengarah Bahagian & Negeri • Penolong Pegawai Pembangunan Sosial • Penolong Pegawai Komuniti & Kemahiran • Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan • Pemaju Masyarakat	• Pengisian Kursus: • Ucaptama Ketua Pengarah • Taklimat Bengkel • Perbincangan Dalam Kumpulan • Pembentangan • Kaedah Pelaksanaan: • Perbincangan dalam kumpulan • Pembentangan hasil perbincangan • Penyediaan perancangan hala tuju dan modul pembangunan sosial yang komprehensif.



Bengkel Pemantapan Pelaporan Maklum Balas Semasa (MBS) Tahun 2022



Bengkel Perancangan dan Penyelarasan Kajian Kecenderungan (KC) Bil.12022



Bengkel Task Force Pembangunan Sosial KEMAS

BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK



BAHAGIAN

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

PENGENALAN

Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak menyelaraskan dan menguruskan Program Pendidikan Awal Kanak-kanak mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan.

Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak KEMAS terbahagi kepada dua kategori iaitu:

Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)

Kumpulan sasaran

Pendidikan
awal kepada
kanak-kanak
berumur 2 - 4
tahun

Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA)

Kumpulan sasaran

Pendidikan awal
kepada kanak-
kanak berumur
4 - 6 tahun

DATA TABIKA DAN TASKA TAHUN 2022



10,744
TABIKA



208,300
KANAK-KANAK



545
TASKA



9,773
KANAK-KANAK

PRESTASI BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TAHUN 2022

PERUNTUKAN PROGRAM BANTUAN MAKANAN TAMBAHAN	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
051000	RM115,655,000.00	RM115,372,376.02	99.76
PERUNTUKAN PROGRAM GERAN PERKAPITA	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
051200	RM20,000,000.00	RM19,995,424.05	99.98
PERHUBUNGAN DAN UTILITI	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
OS 23000	RM6,321,000.00	RM6,321,000.00	100
SEWAAN	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
OS24000	RM5,956,860.00	RM5,956,860.00	100
BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
OS27000	RM448,500.00	RM448,450.00	99.98
PERKHIDMATAN IKTISAS DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
OS29000	RM3,900,000.00	RM3,900,000.00	100
PERALATAN DAN KELENGKAPAN TABIKA TASKA KEMAS	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
051500	RM1,000,000.00	RM961,982.51	96.20

*Bagi peruntukan Program Bantuan Makanan Tambahan(PBMT), Kementerian Kewangan Malaysia telah menyekat peruntukan sebanyak RM 24,345,000.00

PENCAPAIAN

Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan

Hari POTENSI merupakan aktiviti kokurikulum TABIKA yang dilaksanakan secara tahunan dan melibatkan 3 peringkat iaitu Daerah / Parlimen, Negeri dan Kebangsaan.

Mulai Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9), Hari POTENSI dilaksanakan secara tahunan yang melibatkan acara bakat dan sukan secara giliran pada setiap tahun. Pada tahun 2022, acara yang dipertandingkan adalah acara Sukan . Terdapat lapan (8)) acara yang dipertandingkan iaitu Futsal, Bola Jaring, Gerak Kreatif, Raunders, *Formula One*, *Vortex Throwing*, *Forward Squad Jump* dan *Sprint Hurdle & Sprint Relay*.

Perlaksanaan Hari POTENSI pada tahun 2022 dijalankan bersemuka berbeza dari tahun 2021 di mana ia dilakukan secara virtual melalui media sosial KEMAS iaitu YouTube dan Facebook rasmi KEMAS.

Tarikh dan Tempat Pertandingan

Tarikh : 1-2 Oktober 2022

Tempat : Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak

Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan Edisi ke-17 telah diadakan pada 2 Oktober 2022 di Stadium UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Keputusan Hari Potensi TABIKA Peringkat Kebangsaan Tahun 2022:

Acara			
Futsal			
Bola Jaring			
Rounders			
Gerak Kreatif			
Formula 1			
Vortex Throwing			
Forward Squad Jump			
Sprint Hurdle & Sprint Relay			



Pemain Futsal Terbaik

Muhammad Al Fateh Bin
Mohamad (Kedah)



Penjaring Terbanyak Futsal

Muhammad Amsyar Bin
Saniraimi (Kedah)



Pemain Bola Jaring Terbaik

Naurah Najihah Binti Zul Ambry
(Negeri Sembilan)



Penjaring Terbanyak Bola Jaring

Nur Husna Alisya Binti Hasrul
Hazwan (Terengganu)



JUARA KESELURUHAN



KEMAS Negeri Kedah telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan bagi Hari Potensi KEMAS Peringat Kebangsaan Tahun 2022

Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan



Acara Vortex Throwing



Acara Rounders



Acara Squad Jump



Acara Futsal



Acara Bola Jaring



Acara Sprint Hurdle & Sprint Relay

Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia Peringkat TABIKA/ TASKA KEMAS 2022

Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia turut dilaksanakan di TABIKA/ TASKA KEMAS melalui aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan yang bertemakan Hari Kebangsaan bermula dari 1 Ogos hingga 16 September 2022 melibatkan 179,000 kanak-kanak dan 188,000 ibubapa/ penjaga.

Objektif utama program adalah untuk membentuk jati diri dan semangat patriotisme dikalangan kanak-kanak seawal usia.

Pelbagai aktiviti yang menerapkan konsep belajar melalui bermain dilaksanakan sepanjang bulan kebangsaan seperti:

1. Membaca ikrar Rukun Negara, Bicara Cilik, Pemimpinku Sayang, Peta Malaysia di Mata Dunia dan pelbagai lagi aktiviti yang digariskan dalam Modul Patriotik KEMAS;
2. Aktiviti STREAM seperti pakaian tentera, peralatan ketenteraan, *happy solder, lets go into the jungle*
3. Melaksanakan aktiviti Hari Kebangsaan pada 31 Ogos di TABIKA/TASKA atau peringkat Parlimen seperti perarakan Jalur Gemilang, pertandingan syair atau sajak, sukaneka serta aktiviti-aktiviti berkaitan bulan kebangsaan.
4. Sambutan Hari Malaysia pada 16 September dilaksanakan bersama keluarga di rumah masing-masing seperti aktiviti “Jiranku Sayang” dan membaca buku cerita Modul Integriti Prasekolah, menonton filem patriotik seperti Bukit Kepong, Mat Kilau, Kanang anak Langkau dll.

Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibaran Jalur Gemilang KEMAS Peringkat Kebangsaan 2022

Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibaran Jalur Gemilang KEMAS Peringkat Kebangsaan 2022 dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri (II) Pembangunan Luar Bandar pada 11 Ogos 2022 di Limbang, Sarawak.

Program ini melibatkan 650 orang kanak-kanak, ibubapa/ penjaga, masyarakat serta pemimpin tempatan. Dalam masa yang sama, program ini disaksikan secara virtual melalui Facebook Rasmi KEMAS oleh lebih kurang 200,000 kanak-kanak bersama Pendidik Masyarakat di 11,294 TABIKA dan TASKA KEMAS.

Antara pengisian program adalah:

- Perarakan Semarak Merdeka
- Penyerahan bendera secara virtual kepada Pengarah KEMAS Negeri.
- Persembahan gerak kreatif “Keluarga Malaysia” dan Sajak kanak-kanak bersama ibubapa

Pelaksanaan Majlis Pelancaran Kempen Program Mentor Tangan Bersih LifeBouy, Guardian, Komuniti Pendidikan Hooray dan KEMAS Tahun 2022

“ MARI BERHEALTHY, MALAYSIA!”

Tarikh : 19 Oktober 2022 (Rabu)
Masa : 9.30 pagi - 12.30 tengahari
Tempat : The Grounds KL
Ground Floor, Block B, MAHSA AVENUE Jalan Elmu, Off, Jalan
Profesor Diraja Ungku Aziz, 59100 Kuala Lumpur, Federal Territory of Kuala Lumpur
Dirasmikan : Pengarah KEMAS Negeri Wilayah

Program ini adalah bertujuan meningkatkan kesedaran dan kepentingan kebersihan diri serta mengelakkan diri daripada penyakit berjangkit. Bengkel atas talian disediakan untuk mendidik Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS dengan pengetahuan, cara berstruktur dalam menjaga serta mendidik anak-anak tentang menjaga kebersihan tangan. Pendidik Masyarakat TABIKA melaksanakan Minggu Program Mentor Tangan Bersih bersama kanak-kanak. Program ini melibatkan sembilan (9) buah negeri iaitu :

- I. Selangor
- II. Johor
- III. Kelantan
- IV. Terengganu
- V. Kedah
- VI. Perlis
- VII. Pahang
- VIII. Sabah
- IX. Sarawak

Sebanyak 163,000 buku sabun Lifebouy dan buku aktiviti program Mentor Tangan Bersih diberikan kepada kanak-kanak dan 9,000 sabun tangan cecair untuk TABIKA yang terlibat.

Majlis *Soft-Launch* Platform Pembelajaran Digital *eToyBox*

Tarikh : 30 November 2022
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Latihan Aras 3, Bangunan KKDW
Dirasmikan : Cik Anisah binti Saidin
Pengarah Pendidikan Awal Kanak-kanak

ToyBox Study Malaysia merupakan program pencegahan obesiti peringkat prasekolah yang bertujuan untuk mempromosi gaya hidup sihat kepada kanak-kanak. *ToyBox Study* telah berjaya dilaksanakan di Eropah. Oleh itu, kajian ini telah mengadaptasi program intervensi tersebut supaya sesuai dengan budaya Malaysia untuk mencegah peningkatan prevalens berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak di negara ini. Projek ini telah menerima dana penyelidikan daripada United Kingdom Medical Research Council (UK MRC) / Akademi Sains Malaysia yang dikenali dengan nama Newton-Ungku Omar Fund. *ToyBox Study* Malaysia telah dijalankan pada tahun 2017-2019 dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) melibatkan beberapa buah TABIKA KEMAS di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Sarawak.

Toybox Study memberi fokus kepada empat tingkah laku yang menjadi asas kepada keseimbangan tenaga, iaitu makanan dan snek sihat, pengambilan air, aktiviti fizikal, dan tingkahlaku sedentari dalam kalangan kanak-kanak. Projek ini telah menunjukkan penemuan yang amat memberangsangkan. Pengurangan Skor-Z Indeks Jisim Tubuh atau Body Mass Index (BMI) untuk Umur- ini menunjukkan program *ToyBox* berjaya mengubah tingkahlaku kanak-kanak prasekolah seperti pengurangan dalam pengambilan snek atau minuman manis dan peningkatan dalam aktiviti fizikal seharian. Maklumbalas menunjukkan bahawa projek *ToyBox* bukan sahaja Berjaya untuk mewujudkan persekitaran yang sihat untuk kanak-kanak tetapi juga berfungsi sebagai program peningkatan diri untuk para guru dan ibu bapa.

Hal ini memberikan bukti baharu yang positif yang seterusnya membawa kepada idea kajian lanjutan untuk memperluaskan jangkauan dan impak intervensi *Toybox* di seluruh Malaysia, melalui penggunaan platform pembelajaran dalam talian, iaitu *eToyBox*. Pendekatan latihan profesional disediakan secara dalam talian adalah berkesan untuk menjangkau komuniti yang terpencil, berlainan budaya, dan berpendapatan rendah.

Projek lanjutan ini dibiayai oleh UK Research and Innovation (UKRI) dan Malaysian Industry Government Group for High Technology (MIGHT) di bawah Newton Fund Impact Scheme (NFIS), yang merupakan usaha kerjasama antara UK dan Malaysia. Pasukan penyelidik terdiri daripada penyelidik-penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Malaysia, serta Roehampton University dan Durham University di UK. Ia diketuai oleh Dr Leigh Gibson (Roehampton) sebagai Ketua Penyelidik (PI) dan Prof Poh Bee Koon (UKM) sebagai Ketua Penyelidik Bersama (Co-PI). Penyelidik bersama juga termasuk Prof Ruzita Abd Talib (UKM), Dr Denise Koh (UKM), Prof Madya Dr Cheah Whye Lian (UNIMAS), Prof Madya Dr Julia Lee Ai Cheng (UNIMAS), Prof Cecilia Essau (Roehampton), Prof Caroline Summerbell (Durham) dan Dr Sue Reeves (Roehampton). Projek ini disokong

oleh Prof Yannis Manios dan Dr Odysseas Androutsos (Harakopio, Greece), dan Persatuan Kajian Obesiti Malaysia (MASO).

eToyBox merupakan platform pembelajaran dalam talian yang dibangunkan untuk menyokong guru prasekolah dalam usaha untuk menangani obesiti kanak-kanak. Ia mengandungi modul pendidikan yang memfokuskan kepada empat tingkah laku berkaitan tenaga, seperti minum air, makanan dan snek sihat, meningkatkan aktiviti fizikal dan mengurangkan tingkah laku sedentari.

Setiap modul terdiri daripada maklumat grafik, panduan aktiviti kelas, video animasi dan flipbook interaktif yang boleh membantu guru menyampaikan bahan pelajaran kepada kanak-kanak prasekolah. Selain itu, guru juga boleh berkongsi kad tip dan buletin bersama ibu bapa untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan dan gaya hidup yang sihat di rumah.

Perlaksanaan Program Healthy Bright Kids

Program Healthy Bright Kids dilaksanakan setiap tahun di 14 negeri. Objektif program ini adalah :

1. Meningkatkan pengetahuan mengenai amalan dan gaya hidup sihat dalam diri kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga serta Jawatankuasa TABIKA/TASKA KEMAS.
2. Mempromosikan dan melaksanakan aktiviti kesihatan berkaitan pemakanan bagi memastikan peserta dapat mempraktikan amalan pemakanan dan gaya hidup yang sihat dalam kehidupan seharian.
3. Memahami isu-isu kesihatan seperti penyakit berjangkit dan tidak berjangkit dalam kalangan masyarakat serta cara menangani isu tersebut.
4. Memberi pengetahuan dan kesedaran ibu bapa berkaitan perubahan gaya hidup sihat remaja yang berlaku akibat perubahan teknologi.
5. Mewujudkan kerjasama di antara pihak jabatan, IPTA/IPTS dan agensi kesihatan di dalam mempromosikan amalan gaya hidup sihat di kalangan ibu bapa dan kanak-kanak.

Kaedah / Pengisian program adalah seperti berikut:-

- i. Pameran Jabatan/Agensi /NGO
- ii. Pameran dan tajaan/sumbangan Rakan Strategik KEMAS
- iii. Sesi senaman
- iv. Ceramah/Forum
- v. Kuiz kesihatan
- vi. Aktiviti keluarga

BIL.	NEGERI	TARIKH	LOKASI	JUMLAH PESERTA
1	Perlis	15 Oktober 2022	Pkm Alor Tampang	66
2	Kedah	3 September 2022	UITM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani	280
3	Pulau Pinang	31 Oktober 2022	Route 69, Pantai Robina, Teluk Air Tawar	154
4	Perak	26 Ogos 2022	Kolej Kemahiran Tinggi Mara Lenggong	355
5	Selangor	25 September 2022	Ruang Legar Evo Mall	298
6	W.Persekutuan	3 September 2022	Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya	200
7	N.Sembilan	24 Oktober 2022	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas, Rembau	310
8	Melaka	6 Oktober 2022	Rumah Melaka, Bukit Katil	265
9	Johor	28 September 2022	Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia	300
10	Pahang	2 November 2022	Institut Pendidikan Guru, Tengku Ampuan Afzan	230
11	Kelantan	27 September 2022	Kompleks Yayasan Kemiskinan	299
12	Terengganu	14 September 2022	PKM Merchang	100
13	Sabah	5 September 2022	Auditorium Yayasan Sabah	120
14	Sarawak	29 Oktober 2022	Dataran Bandar Lawas	800
JUMLAH				3,387

Anugerah TABIKA KEMAS Pintar Botani Tahun 2022

Pada tahun 2016, Kebun Dapur telah diperkenalkan sebagai Anugerah Kebun Dapur Terbaik bagi TABIKA dan TASKA PERMATA KEMAS. Setiap Negeri perlu menghantar 3 pencalonan bagi TABIKA dan 1 pencalonan bagi TASKA.

Susulan peredaran masa, Bahagian telah membuat penjenamaan semula kepada Anugerah TABIKA KEMAS Pintar Botani. Objektif program ini adalah seperti berikut;

1. Memperkenalkan sayur-sayuran dan buah-buahan kepada kanak-kanak sejak awal

2. Menggalakkan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di luar kelas dengan menggunakan Taman Pintar Botani
3. Memberi penghargaan kepada Tabika yang telah melaksanakan projek taman pintar botani yang terbaik
4. Menggalakkan pelaksanaan projek taman pintar botani di Tabika KEMAS secara berterusan
5. Menggalakkan kanak-kanak menghasilkan makanan sihat dan organik
6. Menggalakkan penglibatan kanak-kanak dalam penilaian Anugerah Pintar botani

Bagi hadiah kemenangan pula, setiap negeri yang mendapat tempat akan mendapat peruntukan baik pulih (OS28000) seperti ketetapan berikut :

Tempat Pertama	= RM20,000.00
Tempat Kedua	= RM15,000.00
Tempat Ketiga	= RM10,000.00
Tempat Keempat dan Kelima (Saguhati)	= RM5,000.00



TABIKA KEMAS KG LEBAI SAMAN, Alor Setar, Kedah



TABIKA KEMAS ANAKKU B, Kg. Parit Awang, Yong Peng, Johor

Senarai Pemenang bagi Anugerah TABIKA KEMAS Tahun 2022

PEMENANG	NEGERI	NAMA TABIKA
JOHAN	PERAK	TABIKA KEMAS KG.LORONG MASJID, TELUK INTAN, PERAK
NAIB JOHAN	KEDAH	TABIKA KEMAS KG LEBAI SAMAN, ALOR SETAR, KEDAH
KETIGA	PAHANG	TABIKA KEMAS AGROPOLITAN LEPAR, PEKAN, PAHANG
SAGUHATI	TERENGGANU	TABIKA KEMAS JERAM 2, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
SAGUHATI	JOHOR	TABIKA KEMAS ANAKKU B, KG PARIT AWANG, YONG PENG JOHOR
SAGUHATI	PERLIS	TABIKA KEMAS BANGUNAN KHAS TAMAN KEMAJUAN, KANGAR, PERLIS

Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Laporan Status pelaksanaan Bengkel Kemahiran Keibubapaan Tahun 2022

Pada tahun 2001, KEMAS dengan kerjasama UNICEF telah melaksanakan Bengkel Kemahiran Keibubapaan yang melibatkan seramai 1,300 orang ibu bapa/ penjaga melalui 26 siri bengkel. Pelaksanaan bengkel tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan ibu bapa/ penjaga dan dijadikan aktiviti yang berterusan di TABIKA dan TASKA.

Justeru, kejayaan pelaksanaan bengkel berkenaan telah mendorong KEMAS untuk meneruskan bengkel tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) yang dikenali sebagai Pogram Kemahiran Keibubapaan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Program ini akan dijadikan sebagai aktiviti tahunan bagi TABIKA dan TASKA KEMAS.

Susulan daripada penularan wabak COVID-19 di Malaysia, bagi tahun 2021, garis panduan bengkel ini dipinda selaras Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh dengan arahan Kerajaan untuk menjaga penjarakan bagi membendung penularan wabak Covid-19 di Malaysia dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Pada tahun 2022, pelaksanaan bengkel diadakan secara dua (2) kaedah iaitu secara bersemuka dan juga secara atas talian (*online*).

Objektif perlaksanaan Bengkel Kemahiran Keibubapaan ialah seperti berikut:

1. Mewujudkan kesinambungan pendidikan awal kanak-kanak di TABIKA/ TASKA dan di rumah.
2. Memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada ibu bapa/penjaga dalam bidang pendidikan anak-anak.
3. Memberi pengetahuan dan kemahiran kepada ibu bapa/penjaga dalam menyediakan makanan sihat dan berkhasiat serta amalan pemakanan yang baik untuk anak-anak.
4. Memberi kesedaran kepada ibu bapa/penjaga mengenai kepentingan perkembangan kanak-kanak berumur 0 hingga 6 tahun.
5. Meningkatkan kefahaman ibu bapa/ penjaga mengenai peranan dan tanggungjawab ibu bapa/ penjaga terhadap anak-anak.
6. Pendedahan berkenaan isu-isu semasa negara

Pencapaian Pelaksanaan Bengkel Kemahiran Keibupaan Tahun 2022

BIL	NEGERI	BILANGAN SIRI YANG TELAH DILAKSANAKAN			JUMLAH PESERTA
		BERSEMUKA	ONLINE	JUMLAH	
1	PERLIS	5	2	7	553
2	KEDAH	27	0	27	2700
3	PULAU PINANG	15	0	15	4380
4	PERAK	24	21	45	4156
5	SELANGOR	31	1	32	4632
6	W. PERSEKUTUAN	15	1	16	3386
7	N. SEMBILAN	21	1	22	18933
8	MELAKA	15	2	17	3500
9	JOHOR	40	1	41	19458
10	PAHANG	35	1	36	5959
11	KELANTAN	28	1	29	2800
12	TERENGGANU	30	1	31	4068
14	SABAH	33	2	35	7096
14	SARAWAK	40	2	42	6200
	JUMLAH	359	36	395	87821

Status Pemakanan Kanak-Kanak TABIKA dan TASKA KEMAS

Penilaian status pemakanan kanak-kanak dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan pemberian Makanan Tambahan di TABIKA dan TASKA KEMAS. Penilaian ini penting untuk pengesanan awal kanak-kanak yang menunjukkan tanda-tanda kekurangan zat makanan. Penilaian status pemakanan di TABIKA dan TASKA KEMAS dilaksanakan menggunakan penilaian antropometri, iaitu ukuran berat dan tinggi kanak-kanak.

Carta kekerapan mengambil berat badan dan tinggi ini adalah tiga (3) kali setahun iaitu pada April, Jun dan Disember sesi persekolahan bagi TABIKA dan TASKA KEMAS. Bermula tahun 2020, terdapat pindaan berkaitan kekerapan pengukuran Antropometri (ukuran berat dan tinggi) bagi kanak-kanak TASKA daripada tiga (3) kali kepada empat (4) kali iaitu bulan April, Julai, November dan Februari 2023.


Pindaan ini adalah berdasarkan penyelarasan semua agensi untuk menggunakan carta pertumbuhan WHO 2006 iaitu carta berat- untuk umur, panjang/tinggi-untuk umur dan BMI untuk umur dalam buku rekod kesihatan kanak-kanak TASKA dan penyelarasan sistem National Child Development Research Centre (NCDRC) agar selari dengan kandungan buku rekod kesihatan yang digunakan oleh GENIUS.

Sasaran KPI untuk Tinggi Untuk Umur (TUU) bagi TABIKA dan TASKA adalah 85% kanak-kanak mencapai ketinggian normal. Pencapaian tahun 2022 menunjukkan pada 93.9% kanak-kanak TASKA dan 94% kanak-kanak TABIKA mencapai ketinggian normal. Sasaran bagi BMI untuk Umur bagi TABIKA dan TASKA adalah 85% kanak-kanak mencapai BMI normal. Pencapaian tahun 2022 menunjukkan 85.9 % kanak-kanak TABIKA dan 87.2 % kanak-kanak TASKA mencapai BMI normal.


TASKA				
JANTINA	APR	JULAI	NOV	FEB-2023
LELAKI	4706	4959	4736	5268
PEREMPUAN	4409	4657	4505	4991
JUMLAH	9115	9616	9241	10259
TABIKA				
JANTINA	APR	JUN	DIS	
LELAKI	95533	99773	99352	
PEREMPUAN	94,463	99627	98933	

Rumusan Status Pemakanan Kanak-Kanak TABIKA KEMAS Bagi Bulan Disember Tahun 2022


A) Tinggi Untuk Umur TABIKA




B) BMI Untuk Umur TABIKA



C) Tinggi Untuk Umur TASKA



D) BMI Untuk Umur TASKA



Penguasaan Tunjang Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di TABIKA KEMAS

Secara keseluruhannya, pada tahun 2022 sebanyak 93% kanak-kanak TABIKA KEMAS menguasai tunjang KSPK berbanding 85% sasaran yang telah ditetapkan.

PENGUASAAN TUNJANG

KSPK

85%


KPI

93%

MENGUASAAN TUNJANG

Penguasaan Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (3M) di TABIKA KEMAS

Secara keseluruhannya, pada tahun 2022 sebanyak 92 % kanak-kanak TABIKA KEMAS berusia enam (6) tahun menguasai kemahiran 3M sebagai persediaan ke Tahun Satu. Pencapaian kanak-kanak mengikut kemahiran seperti berikut:




BENGKEL/KURSUS

NAMA KURSUS/ BENGKEL/ PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Kursus Pengesanan dan Saringan Awal Kanak-Kanak Berkeperluan Khas	19-22 Februari 2022	31 orang
AIMPAK	13 Mac 2022	250 orang
Kursus Pemantapan dan Penghayatan Tugas kepada Penolong Pegawai Pendidikan Awal Kanak-Kanak Semenanjung Zon Utara Tahun 2022	24-27 Mac 2022	74 orang
Training of Trainers for Malaysian Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) kepada JUK KEMAS	7-10 April 2022	55 orang
Kursus Etika Kerja dan Penampilan Diri (KA-RISMA)	3-6 Jun 2022	35 orang
Kursus Pemantapan dan Penghayatan Tugas kepada Penolong Pegawai Pendidikan Awal Kanak-Kanak Semenanjung Zon Timur Tahun 2022	10-13 Jun 2022	78 orang
Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Program Kajian Tindakan, Kolokium Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dan Knowledge Exchange	15-17 Jun 2022	42 orang
Kursus Asas Pengurusan Awam PPPAK (Orientasi) - PPPAK LAMA & BARU	26 Jun - 3 Julai 2022	45 orang

NAMA KURSUS/ BENGKEL/ PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Kursus Pemantapan dan Penghayatan Tugas kepada Penolong Pegawai Pendidikan Awal Kanak-Kanak Zon Sabah Tahun 2022	20-23 Ogos 2022	29 orang
Bengkel Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak TASKA Secara Dalam Talian	19 – 21 Oktober 2022	201 orang
Bengkel Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak TASKA Secara Dalam Talian	19-21 Disember 2022	483 orang
Bengkel Pendaftaran Kanak-Kanak Secara Atas Talian Siri 1/2022	15-17 Julai 2022	35 orang
Bengkel Pendaftaran Kanak-Kanak Secara Atas Talian Siri 2/2022	20-22 Julai 2022	35 orang
Latihan Kemahiran Pemikiran Komputasional (CT)	22-25 Ogos 2022	90 orang
Kursus Scratch Jr. @ KEMAS	28-31 Mac 2022	277 orang
Bengkel Cikgu Juara Digital @ KEMAS (online)	Februari - April 2022	62 orang
Bengkel Pembangunan Modul TOT TCI & CCI	9-11 Ogos 2022	113 orang
Bengkel Susun Atur Kelas STREAM - Pedalaman Sabah - Pedalaman Sarawak TABIKA OA	15-17 Jun 2022	720 orang
	12-15 September 2022	
	10-14 Oktober 2022	
	2-4 Disember 2022	

NAMA KURSUS/ BENGKEL/ PROGRAM	TARIKH	PESERTA
STREAM @ TASKA	6-8 Ogos 2022	60 orang
	26-28 Ogos 2022	
Kursus Multimedia Kreatif	6-9 September 2022	614 orang
	19-21 September 2022	
Bengkel Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak TASKA Secara Dalam Talian	19-21 Disember 2022	483 orang
Bengkel Pendaftaran Kanak-Kanak Secara Atas Talian Siri 1/2022	15-17 Julai 2022	35 orang
Bengkel Pendaftaran Kanak-Kanak Secara Atas Talian Siri 2/2022	20-22 Julai 2022	35 orang
Latihan Kemahiran Pemikiran Komputasional (CT)	22-25 Ogos 2022	90 orang
Kursus Scratch Jr. @ KEMAS (online)	20-23 Ogos 2022	29 orang
Bengkel Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak TASKA Secara Dalam Talian	19 – 21 Oktober 2022	201 orang
Bengkel Penambahbaikan Anugerah Kanak-kanak Cemerlang	24-26 Mac 2022	46 orang
Bengkel Penambahbaikan GP Pusat Pembelajaran	24-26 Mac 2022	46 orang
Kursus Penulisan Buku Cerita Bergambar Kanak-kanak Tahun 2022	27-29 Mac 2022	112 orang

NAMA KURSUS/ BENGKEL/ PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Bengkel Libat Urus Kesyediaan Pendidikan Digital @ KEMAS Peringkat Negeri	Januari - Mei 2022	420 orang
Bengkel Libat Urus Kesyediaan Pendidikan Digital @ KEMAS Peringkat Kebangsaan	28-30 Ogos 2022	68 orang
Bengkel Pemurnian Manuskrip Buku Aktiviti Kanak-kanak Tabika Kemas Penerbitan Kerjasama Antara Dewan Bahasa Dan Pustaka Dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Tahun 2022	27 Mac – 1 April 2022	43 orang
Bengkel Penyediaan Spesifikasi Teknikal Aktiviti Kanak-kanak 5 Dan 6 Tahun Tabika Kemas Bagi Pembekalan Tahun 2023 Dan 2024	28-30 Julai 2022	31 orang



BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN



BAHAGIAN

PENDIDIKAN KEMAHIRAN

PENGENALAN

Program Kemahiran KEMAS telah dilaksanakan sejak 1969. Dahulunya dikenali sebagai Kelas Latih Kerja. Tujuan program ini diperkenalkan untuk menyediakan latihan-latihan kemahiran kepada masyarakat luar bandar. Program ini memberi fokus kepada aktiviti yang boleh menambah pendapatan keluarga seperti anyaman, gubahan, hantaran perkahwinan, jahitan, masakan serta enjin kenderaan.

Melalui kelas-kelas pendidikan seperti Kelas Ekonomi Rumahtangga (ERT), Rancangan Pedoman Tugas (RPT), Kelas Agama Islam (KAI), Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Khutub Khanah Desa (KKD) dan Rancangan Desa Usaha (RDU); KEMAS telah mengorak langkah dan menyusun strategi demi pembangunan dan kemajuan masyarakat luar bandar.

Penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pada 19 Januari 2015 telah membawa kepada penjenamaan semula Bahagian Pendidikan Masyarakat kepada Bahagian Pendidikan Kemahiran.

Program Pendidikan Kemahiran Sepanjang Hayat

Program Pendidikan Sepanjang Hayat dilaksanakan bertujuan untuk membimbing, meningkatkan kualiti modal insan luar bandar dan melahirkan usahawan yang berdaya saing. Masyarakat telah diberi kesedaran, pendedahan dan peluang melalui kelas kemahiran yang diwujudkan berteraskan bidang-bidang kemahiran seperti Bidang Masakan, Bidang Jahitan, Bidang Dandan Diri, Pendidikan Kesejahteraan Keluarga, Bidang Seni Tangan dan Bidang Literasi Komputer.

Kelas-kelas kemahiran beroperasi di Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS, Pusat Jahitan KEMAS, Pusat Masakan KEMAS, Premis TABIKA KEMAS, Dewan Orang Ramai atau di Premis Persendirian.

Sekitar tahun 1990-an, KEMAS telah memperkenalkan Program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) yang dilaksanakan secara 'Outreach'. Program ini dijalankan di kawasan pedalaman kerana tempoh masanya yang pendek dan menggunakan tenaga pengajar yang terdiri dari kalangan penduduk setempat.

Dalam memastikan penyampaian ilmu kepada masyarakat berkualiti, KEMAS telah menghantar Pemaju Masyarakat (PM) Jurusan Kemahiran Jahitan, Masakan, Kraf, Dandan Diri dan Literasi Komputer mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1,2 dan 3. Hal ini bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

Permohonan Mengikuti Kelas Kemahiran KEMAS

- Mendaftar terus di kelas-kelas kemahiran seperti Kelas Jahitan, Masakan, Dandan diri, Seni Tangan dan Literasi Komputer yang berdekatan;
- Bayaran pendaftaran setiap tahun mengikut kelulusan dan persetujuan daripada Jawatankuasa Aktiviti Kelas Pendidikan Kemahiran dan disahkan oleh Pegawai KEMAS daerah/ Pengarah;
- Kadar sumbangan bulanan juga dipersetujui dalam mesyuarat jawatankuasa Aktiviti dan diminitkan;
- Sesi Kelas/Kuliah: 8.00 pagi - 5.00 petang (hari bekerja); dan
- Kumpulan Sasar: Belia dan Beliawanis, Suri Rumah, Ibu Tunggal dan masyarakat setempat.

Kelebihan Belajar Di Kelas Kemahiran KEMAS

- Menggunakan Kurikulum Standard Kemahiran Kebangsaan (NOSS) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia;
- Layak dipertimbangkan untuk mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 atau Tahap 2 jika memenuhi semua modul dalam pembelajaran di kelas;
- Berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran di Pusat Bertauliah KEMAS; dan
- Peluang menambah kemahiran dan pendapatan.

Individu yang berminat mengikuti Kelas Kemahiran KEMAS boleh mendapatkan maklumat di Pejabat KEMAS Negeri atau Daerah yang berhampiran.

BILANGAN KELAS-KELAS KEMAHIRAN KEMAS SELURUH MALAYSIA

	MASAKAN		JAHITAN		DANDANAN DIRI		PKK		SENI TANGAN		KOMPUTER		JUMLAH KESELURUHAN	
	KELAS	OUTREACH	KELAS	OUTREACH	KELAS	OUTREACH	KELAS	OUTREACH	KELAS	OUTREACH	KELAS	OUTREACH	KELAS	OUTREACH
PERUS	4	13	15	0	1	0	36	5	1	0	2	0	59	18
KEDAH	5	0	32	0	2	0	132	0	2	0	6	0	179	0
PULAU PINANG	5	1	39	1	2	2	67	6	0	0	5	0	118	10
PERAK	9	3	50	4	6	0	241	35	2	0	5	0	313	42
TERENGGANU	8	0	40	0	2	0	67	0	2	0	2	0	121	0
KELANTAN	2	0	30	0	2	0	89	7	3	0	7	0	133	7
NEGERI SEMBILAN	5	0	35	0	2	0	75	0	1	0	5	0	123	0
MELAKA	5	0	32	5	2	1	42	7	9	2	2	0	92	15
JOHOR	9	2	97	7	2	0	142	49	2	0	7	0	259	58
PAHANG	9	0	35	12	3	0	73	25	1	0	4	0	125	37
SELANGOR	9	8	33	11	2	0	34	105	2	3	5	0	85	127
WILAYAH PERSEKUTUAN	2	0	6	1	1	0	14	37	3	0	2	0	28	38
SABAH	6	0	74	0	11	3	157	0	1	0	4	0	253	3
SARAWAK	3	0	7	19	2	0	55	103	1	3	4	0	72	125
JUMLAH	81	27	525	60	40	6	1224	379	30	8	60	0	1960	480

TRANSFORMASI PENDIDIKAN KEMAHIRAN

Transformasi Pendidikan Kemahiran merupakan satu usaha meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar menerusi langkah pemantapan kemahiran modal insan.

Empat (4) strategi utama transformasi untuk meningkatkan kecemerlangan modal insan luar bandar ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi adalah seperti berikut:

Strategi 1: Kursus Kemahiran Jangka Pendek ‘Quick Win’

Kursus Kemahiran ‘Quick Win’ ialah kursus jangka pendek yang bertujuan membantu peserta memulakan perniagaan. Enam (6) bidang kemahiran yang diberi tumpuan adalah jahitan, masakan, dandan diri, Pendidikan Kesejahteraan Keluarga, seni tangan dan literasi komputer. Kursus kemahiran ini dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari dengan memfokuskan kepada kumpulan sasar yang terdiri dari belia, beliawanis, ibu tunggal dan suri rumah di Kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Para peserta akan dibekalkan Kit Peralatan setelah tamat kursus bagi melancarkan usaha peserta memulakan perniagaan atau perusahaan secara kecil-kecilan.

Strategi 2: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai *Technical and Vocational Education and Training* (TVET)

KEMAS telah mengorak langkah ke hadapan dengan menambahbaik Sijil Kemahiran KEMAS sedia ada kepada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM Tahap 1 hingga Tahap 3), Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM Tahap 4) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Tahap 5 (DLKM Tahap 5) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Program-program persijilan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Pembuatan Pakaian Wanita (SKM Tahap 2 hingga Tahap 3)
- Pembuatan Pakaian Lelaki (SKM Tahap 1 hingga Tahap 3)
- Penyediaan Dan Pembuatan Makanan (SKM Tahap 2 hingga Tahap 3)
- Pentadbiran Fesyen Dan Pakaian (DKM Tahap 4)
- Pengurusan Fesyen Dan Pakaian (DLKM Tahap 5)

Modul pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di Pusat Bertauliah KEMAS adalah menepati piawaian *National Occupational Skills Standard* (NOSS) atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.

Strategi 3: Kemahiran Berasaskan Keusahawanan Digital.

Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan teknologi yang sesuai mengikut peredaran zaman di mana pelatih mampu meraih peluang perniagaan melalui perkembangan teknologi dan digital.

Strategi 4: Tenaga Pengajar Yang Diiktiraf

Peningkatan tahap profesionalisme dan pemeraksanaan Tenaga Pengajar Kemahiran KEMAS melalui latihan dan perkhidmatan yang dilaksanakan secara berterusan akan dapat meningkatkan kompetensi dan kerjaya sekaligus dapat melonjakkan usaha kerajaan ke arah kemajuan negara.

Strategi ini amat penting bagi memberi peluang kepada tenaga pengajar sedia ada untuk mempertingkatkan profesionalisme masing-masing. Justeru, strategi ini dapat menjadikan tenaga pengajar kemahiran KEMAS diiktiraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

PRESTASI PERBELANJAAN BAHAGIAN

Terima/Pinda
RM3,916,624.00

Belanja
RM3,904,024.85

99.7%

Mengurus

Terima/Pinda
RM13,117,000.00

Belanja
RM12,983,167.26

98.98%

Pembangunan

PENCAPAIAN

Kursus Kemahiran *Quick Win* KEMAS

Kursus Kemahiran Quick Win merupakan program yang dapat memberi kesan segera kepada peserta memulakan perniagaan bagi menjana pendapatan. Peserta akan dibekalkan Kit Peralatan untuk memulakan perniagaan bagi mengoptimumkan penghasilan produk dan seterusnya meningkatkan pendapatan.

- (i) Tempoh masa
 - Kursus jangka pendek antara 1 hingga 3 hari
- (ii) Kos Kit Peralatan *Quick Win*
 - Kadar bantuan Kit Peralatan adalah berdasarkan kepada perniagaan yang diceburi dengan kadar **maksimum** sebanyak RM4,000.00
- (iii) Kumpulan Sasaran

Kursus Kemahiran *Quick Win* ini mensasarkan kepada golongan berpendapatan rendah (B40) yang terdiri daripada:

1. Belia dan beliawanis
2. Peserta Kelas Kemahiran KEMAS
3. Ibu Tunggal
4. Suri Rumah
5. Golongan Kelainan Upaya (OKU) yang bersesuaian dengan kursus yang ditawarkan

Pelaksanaan kursus ini juga seiring dengan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 melalui Teras 3: Keusahawanan dalam Strategi 2: mewujudkan *Road Map* Usahawan Luar Bandar.

Senarai Kursus Kemahiran *Quick Win* Tahun 2022

Bidang Jahitan	Bidang Masakan	Bidang Dandanan Diri	Bidang Seni Tangan
- Pembuatan Pakaian Lelaki - Pembuatan Pakaian Pengantin (Western & Korset) - Pembuatan Telekung - Pembuatan Baju Korporat	- Bakeri - Pastri <i>Food Stall</i> - Pengurusan Katering	- Jurugaya Rambut - Penjagaan Ibu Bersalin - Solekan Profesional - Bekam Sunnah - Urutan & Penjagaan Ibu Bersalin - Perawatan Wajah Electro-Therapy	- Sulaman Komersial - Gubahan Kreatif - Jahitan Kreatif - Batik (Canting@ Blok) - Air Brush

Pencapaian peserta yang mengikuti kursus *Quick Win* bagi tahun 2022 adalah seperti Jadual 2:

Bil	Negeri	Jahitan	Masakan	Dandanan Diri	Seni Tangan	Jumlah
1	Perlis	10	10	20	20	60
2	Kedah	10	30	20	20	80
3	Kelantan	20	20	20	10	70
4	Terengganu	10	20	20	20	70
5	Pulau Pinang	10	10	20	10	50
6	Perak	10	20	20	20	70
7	Pahang	10	20	20	10	60
8	Selangor	10	10	20	10	50
9	Wilayah Persekutuan	10	10	20	10	50
10	Negeri Sembilan	10	10	20	10	50
11	Melaka	10	10	20	10	50
12	Johor	10	20	20	20	70
13	Sabah	0	30	20	40	90
14	Sarawak	10	30	20	40	100
15	Ibu Pejabat	-	-	-	-	-
Jumlah		140	250	280	250	920

Jadual 2

Perlaksanaan Kursus Kemahiran *Quick Win* mengikut negeri adalah seperti di Jadual 3:

Bil	Negeri	Jahitan	Masakan	Dandanan Diri	Seni Tangan	Jumlah
1	Perlis	1	1	2	2	6
2	Kedah	1	3	2	2	8
3	Kelantan	2	2	2	1	7
4	Terengganu	1	2	2	2	7
5	Pulau Pinang	1	1	2	1	5
6	Perak	1	2	2	2	7
7	Pahang	1	2	2	1	6
8	Selangor	1	1	2	1	5
9	Wilayah Persekutuan	1	1	2	1	5
10	Negeri Sembilan	1	1	2	1	5
11	Melaka	1	1	2	1	5
12	Johor	1	2	2	2	7
13	Sabah	0	3	2	4	9
14	Sarawak	1	3	2	4	10
15	Ibu Pejabat	-	-	-	-	-
Jumlah		14	25	28	25	92

Jadual 3

Pada tahun 2022, KEMAS telah melaksanakan sebanyak 92 siri di seluruh Malaysia dengan bilangan penerima faedah seramai 920 orang peserta. Sehubungan itu, KEMAS mensasarkan sekurang-kurangnya 30% dari peserta Kursus Kemahiran *Quick Win* 2022 dapat meningkatkan pendapatan bulanan RM1,000.00 ke atas dengan pemantauan selama 2 tahun.

Wacana Ilmu, Wanita Inspirasiku (WINS) Tahun 2022

Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku (WINS) telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat pada tahun 2019. Program bual bicara ini diadakan bertujuan untuk memberi manfaat kepada masyarakat amnya dan wanita khususnya bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan, kesejahteraan keluarga, kesihatan serta perundangan dari tokoh-tokoh terkenal di negara ini.

Program wawancara ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat amnya dan wanita khususnya bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan, kesejahteraan keluarga, kesihatan serta perundangan dari tokoh-tokoh terkenal di negara ini.

Pada tahun 2022, sebanyak **14 siri** program WINS telah dilaksanakan di seluruh Malaysia melibatkan 14 buah negeri dengan kos sebanyak **RM840,000.00** dan penerima faedah seramai **2,800** orang.

Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku turut menjadi platform kepada para Usahawan Mikro seperti bekas peserta *Quick Win* untuk mempromosikan produk-produk jualan kepada para pengunjung. Para usahawan berpeluang memaparkan maklumat umum seperti alamat sosial media perniagaan, bantuan Kerajaan yang diterima dan alamat perusahaan/perniagaan tersebut.

Pengisian Program:

Sesi Bual Bicara dikendalikan oleh Moderator dan para Panel yang berkemahiran dan berpengalaman dalam mengupas tajuk berkaitan pembangunan usahawan dan ekonomi seperti berikut:

- Platform Perniagaan Atas Talian dan Konvensional.
- Pembangunan Usahawan
- Ikon KEMAS
- Sesi Motivasi

Aktiviti tarikan pengunjung adalah seperti berikut:

- Gerai jualan hasil produk usahawan dan peserta Quick Win yang berjaya.
- Demonstrasi Aktiviti Kemahiran.
- Pameran Agensi berkaitan usahawan
- Bual Bicara Motivasi Keusahawanan
- Pameran, pertandingan dan jualan serta lain-lain aktiviti yang bersesuaian.

Pengisian Majlis Perasmian:

- Anugerah Ikon Usahawan.

BIL	NEGERI	SIRI	PELAKSANAAN PROGRAM		
			TARIKH	TEMPAT	TETAMU PERASMI / VIP
1	JOHOR	1	27/8/2022	DEWAN KOMUNITI BUKIT GAMBIR, TANGKAK	YB KHAIRIN NISA BINTI ISMAIL PENGURUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR
2	KEDAH	1	2/9/2022	PERKARANGAN STADIUM DARUL AMAN	YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
3	KELANTAN	1	19/9/2022	MYDIN MALL TUNJUNG KOTA BAHARU	DATO JAZLAN (AHLI PARLIMEN)
4	MELAKA	1	6/10/2022	RUMAH MELAKA BUKIT KATIL, MELAKA	YB DATUK ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN EXCO PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
5	NEGERI SEMBILAN	1	7/7/2022	DEWAN FELDA WILAYAH RAJA ALIAS	YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
6	PULAU PINANG	1	22/5/2022	PASARAYA BESAR MYDIN BUKIT MERTA JAM	DATIN SRI ISMALINA BT ISMAIL PRESIDEN MUAFAKAT KELUARGA PRIHATIN MALAYSIA
7	PAHANG	1	22/10/2022	MYDIN MALL, BANDAR TUN ABDUL RAZAK, JENGA, PAHANG	YAB DATO SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA MENTERI MALAYSIA MERANGKAP AHLI PARLIMEN BERA
8	PERAK	1	24/10/2022	MYDIN MERU MALL	YB DATUK DR WAN NORASHIKIN BINTI WAN NOORDIN PENGURUSI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PERAK
9	PERLIS	1	4/7/2022	REGENCY HOTEL PERLIS	EXCO KERAJAAN NEGERI PERLIS

BIL	NEGERI	SIRI	PELAKSANAAN PROGRAM		
			TARIKH	TEMPAT	TETAMU PERASMI / VIP
11	SARAWAK	1	31/7/2022	BOULEVARD SHOPPING MALL, BINTULU, SARAWAK	YB DATUK HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
12	SELANGOR	1	30/7/2022	SACC MALL, SHAH ALAM	TAN SRI HJ NOH BIN OMAR
13	TERENGGANU	1	18/8/2022	PRIMULA BEACH HOTEL KUALA TERENGGANU	YB TIMBALAN MENTERI 1
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	1	15/10/2022	BALAI BUDAYA TUN SYED NASIR, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	DATO' SRI IZUDIN ISHAK

Jadual 4

Pelancaran Pusat Daya Maju Keluarga KEMAS Tahun 2022

Pusat Daya Maju Keluarga KEMAS (PDM), di perkenalkan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat setempat yang terlibat secara aktif dalam perniagaan untuk menggunakan peralatan mesin yang berteknologi tinggi di kelas kemahiran KEMAS agar dapat meningkatkan ekonomi dan pendapatan keluarga.

Program ini bersandarkan kepada Dasar Pembangunan Luar Bandar, Teras 8: Sistem Penyampaian Dan Tadbir Urus Berkesan; Merapatkan jaringan kerjasama antara agensi kerajaan dan sektor swasta/korporat bagi mentransformasi kawasan luar bandar.

Objektif utama Pelancaran Program Pusat Daya Maju adalah seperti berikut:

Merapatkan jaringan kerjasama antara agensi kerajaan dan masyarakat bagi mentransformasikan kawasan luar bandar.

- Menarik minat masyarakat setempat untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan disamping dapat meningkatkan ekonomi dan pendapatan keluarga.
- Memperkenalkan kemudahan baharu kepada masyarakat setempat dengan kelengkapan peralatan di kelas-kelas kemahiran.
- Mewujudkan pusat tumpuan aktiviti kemahiran KEMAS kepada masyarakat setempat bagi menyediakan ruang pembelajaran dan latihan untuk melahirkan masyarakat yang boleh berdikari.

- Mengoptimumkan penggunaan peralatan dan kemudahan mesin berteknologi tinggi.
- Merapatkan jaringan kerjasama antara agensi kerajaan dan masyarakat bagi mentransformasikan kawasan luar bandar.

Kumpulan sasar terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40) iaitu:

- Peserta Kelas Kemahiran KEMAS
- Usahawan Peniaga / Kecil
- Masyarakat setempat

Pada tahun 2022, sebanyak **14** siri Pusat Daya Maju (Jahitan) dilancarkan melibatkan 14 buah negeri di seluruh Malaysia dengan kos sebanyak **RM210,000.00** dan penerima faedah seramai 700 orang peserta yang menyertai pelancaran ini.

Aktiviti Tarikan Pengunjung seperti berikut:

- Pameran / pertandingan dan jualan serta lain-lain aktiviti yang bersesuaian seperti Majlis Pelancaran, Fashion Show / Fashion Talk, Ikon Fesyen / Selebriti, Demontrasi dan Pameran Kemahiran.

Program ini dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar dan mempromosikan bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan.



Pelancaran Pusat Daya Maju Keluarga KEMAS Tahun 2022

Rumusan Pelancaran Program Pusat Daya Maju Keluarga KEMAS Tahun 2022:

BIL.	NEGERI	ALAMAT PREMIS PDM	PERASMI	STATUS
1	Pulau Pinang	Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM), Paya Keladi, 13200, Kepala Batas, Pulau Pinang	YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican	Selesai 14/8/2022
2	Perak	Bengkel Jahitan KEMAS, Bagan Tiang, 34250, Tanjung Perak	YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad	Selesai 14/8/2022
3	Selangor	Kompleks Pusat Sumber KEMAS, Jalan Cempedak, Taman Paya Jaras Permai, Sungai Buloh, Selangor	Ybhg. Datuk Megat Firouz Bin Tan Sri Megat Junid Setiausaha Politik YBM Kesihatan	Selesai 14/8/2022
4	Melaka	Pejabat KEMAS Parlimen Tangga Batu, Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) KEMAS Tangga Batu Tanjung Kiling, Melaka	Yb Senator Dato' Seri Dr Haji Mohamad Ali Bin Mohamad	Selesai 14/8/2022
5	Negeri Sembilan	KEMAS Negeri Sembilan Taman Gunung Mas, Tampin, Negeri Sembilan	Yb Mohd Isam Bin Mohd Isa ADUN Gemencheh	Selesai 14/8/2022
6	Terengganu	Pejabat KEMAS Daerah Marang, Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) Merchang, Marang, Terengganu	Encik Jasmira Bin Othman Ketua Urusetia DUN Pengkalan Berangan	Selesai 14/8/2022
7	Kedah	Pejabat KEMAS Daerah Padang Terap, Pusat Kegiatan Desa, Kuala Nerang, Kedah	Yb Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Selesai 21/8/2022
8	Perlis	Bengkel Jahitan, Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS, Kuala Perlis, Perlis	Yb Asmaiza Binti Ahmad Exco Kerajaan Negeri Perlis	Selesai 21/8/2022
9	Wilayah Persekutuan	Bengkel Jahitan KEMAS, Kampung Layang-Layangan, Wilayah Persekutuan Labuan	Yb Senator Datuk Haji Bashir Bin Haji Alias Merangkap Pengerusi Perbadanan Labuan	Selesai 21/8/2022

BIL.	NEGERI	ALAMAT PREMIS PDM	PERASMI	STATUS
10	Johor	Kompleks Penghulu Mukim Buloh Kasap, Segamat, Johor	Yb Dato' Zahari Bin Sarip Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor	Selesai 21/8/2022
11	Sarawak	Pejabat KEMAS Bahagian Kuching, Unit Pengeluaran Jahitan KEMAS Kampung Paya Mebi, Kuching, Sarawak	Yb Ir Lo Khere Chiang ADUN N.13 Batu Kitang	Selesai 21/8/2022
12	Sabah	Pejabat KEMAS Daerah Sipitang, Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS, Sipitang, Sabah	Tuan Ahmad Fakhrul Azman Bin Muhammad Radzi Pengarah KEMAS Negeri Sabah	Selesai 21/8/2022
13	Pahang	Pejabat KEMAS Daerah Pekan, Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) KEMAS Peramu, Pekan Pahang	Yb Dato' Sri Abdul Rahman Bin Mohamad YBTM 1 Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Selesai 21/8/2022
14	Kelantan	Kelas Kemahiran Jahitan, Felda Chiku 05, 18300, Gua Musang, Kelantan	Yb Haji Amran Bin Ariffin ADUN Paloh, Gua Musang	Selesai 21/8/2022

Jadual 5

Penerbitan Buku Resipi Masakan Tradisional KEMAS

Pada tahun 2022 Bahagian Pendidikan Kemahiran telah menerbitkan 3 kategori Buku Resipi Masakan Tradisional KEMAS yang diadaptasi untuk tatapan masyarakat yang ingin mencuba pelbagai juadah masakan tradisional. Buku Resipi ini merupakan himpunan resipi di Pusat Masakan KEMAS yang mengandungi 327 resipi menarik terdiri daripada hidangan utama, pembuka selera dan pencuci mulut daripada pelbagai negeri. Cadangan terbitan buku ini adalah salah satu inisiatif Jabatan untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran di Pusat Masakan KEMAS yang seragam serta sebagai rujukan untuk kegunaan kelas selain mempromosi menu-menu yang dihasilkan oleh Pemaju Masyarakat.



Penerbitan Buku Manual Pengurusan Pendidikan Kemahiran

Pada tahun 2022 juga Bahagian Pendidikan telah menerbitkan Buku Manual Pengurusan Pendidikan Kemahiran. Tujuan penghasilan buku ini adalah sebagai panduan yang seragam bagi Pengurusan Kelas Kemahiran yang lebih efisien di peringkat Pengurusan Ibu Pejabat, KEMAS Negeri, KEMAS Bahagian/Daerah dan Parlimen.

Majlis Konvokesyen Kemahiran Malaysia Kali Ke-13, Jabatan Kemajuan Masyarakat

Bahagian Pendidikan Kemahiran dengan kerjasama Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar dan Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng telah berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen Kemahiran Malaysia Ke-13. Seramai 493 graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM Tahap 2 dan Tahap 3), Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 (DKM Tahap 4) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Tahap 5 (DLKM Tahap 5) tahun ini telah diraikan di dalam majlis tersebut yang telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir bin Khalid. TVET KEMAS memberi fokus dalam bidang jahitan dan kulinari dengan kos pengajian ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Para pelatih yang terdiri daripada belia dan beliawanis kumpulan B40, berpeluang untuk menguasai kemahiran serta memperolehi Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan Kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.



PROGRAM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA SEPENUH MASA DI AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS SERI ISKANDAR DAN AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS GOPENG.

Program pentauliah sepenuh masa melalui peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan Kemahiran di pusat bertauliah diwujudkan bertujuan bagi meningkatkan kualiti modal insan luar bandar yang mampu berdaya dalam industri.

Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar (AKKSI) Bidang Pakaian Wanita telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada 26 Ogos 2007.

Manakala Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng (AKKGO) Bidang Masakan telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah (JPK) pada Julai 2010 dan Bidang Jahitan Pakaian Lelaki pada April 2011.

Dua bidang utama kemahiran KEMAS bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia adalah bidang jahitan dan masakan. Ia ditawarkan kepada pelatih bermula daripada Tahap 2 sehingga Tahap 4 dan seterusnya Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.

Modul Pengajaran dan Pembelajaran yang digunapakai di Pusat-pusat Bertauliah KEMAS adalah menepati piawaian *National Occupational Skills Standard* (NOSS) atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK).

Program Sepenuh Masa yang ditawarkan di Pusat Bertauliah KEMAS

Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar (AKKSI)

PROGRAM	TAHAP	TEMPOH PENGAJIAN
Pembuatan Pakaian Wanita	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 2)	6 bulan
	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 3)	12 bulan @1 tahun
Pentadbiran Fesyen dan Pakaian	Diploma Kemahiran Malaysia (DKM - Tahap 4)	24 bulan @2 tahun
Pengurusan Fesyen dan Pakaian	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM - Tahap 5)	18 bulan @1 tahun 6 bulan

Jadual 6

Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng (AKKGO)

PROGRAM	TAHAP	TEMPOH PENGAJIAN
Bidang Pembuatan dan Penyediaan Makanan	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 2)	12 bulan @ 1 tahun
	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-Tahap 3)	12 bulan @ 1 tahun
Bidang Pembuatan Pakaian Lelaki	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 2)	12 bulan @ 1 tahun
	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-Tahap 3)	12 bulan @ 1 tahun

Jadual 7

Program-Program Penyertaan Dan Anjuran Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar

Pertandingan *World Skill Malaysia* Belia 2022

Tujuan

- Bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf belia atau pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul.
- Meningkatkan sinergi dan kerjasama di kalangan agensi/institusi TVET@KPLB dengan bertukar-tukar informasi sama ada dalam bidang pengurusan mahupun bidang kemahiran.

Butiran Program

Tarikh : 28 hingga 31 Mei 2022
 Tempat : Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Wakaf Tapai, Terengganu
 Masa : 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Pertandingan ini telah diadakan selama 4 hari pada 28 hingga 31 Mei 2022. Pelaksanaan pertandingan ini bertempat di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Wakaf Tapai, Terengganu. Seramai 5 orang pelatih telah menyertai Pertandingan WSMB Tahun 2022 yang terdiri dari 4 orang pelatih Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar (AKKSI) dan 1 orang dari Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng (AKKGO).

Program EKSPLO TVET@KPLB Tahun 2022

Tujuan

- Mengadakan pameran bagi mempromosi Akademi Kemahiran KEMAS dan program-program yang diadakan di Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar dan Gopeng kepada masyarakat khususnya luar bandar.
- Menarik minat remaja yang berkecenderungan untuk mendalami bidang kemahiran terutamanya bidang yang ditawarkan di Akademi Kemahiran KEMAS.
- Sebagai platform untuk mempamerkan dan mengetengahkan hasil kerja pelatih pada masyarakat umum.
- Meningkatkan sinergi dan kerjasama di kalangan agensi/institusi TVET@KPLB dengan bertukar-tukar informasi sama ada dalam bidang pengurusan mahupun bidang kemahiran.
- Memberi peluang kepada masyarakat khususnya luar bandar untuk berinteraksi terus dengan agensi/institusi TVET@KPLB.

Butiran Program

Tarikh	: 23 Jun 2022 – 25 Jun 2023.
Tempat	: Perkarangan Amanjaya Sentral (Amanjaya Mall), Sungai Petani, Kedah.
Masa	: 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

Bengkel Kesihatan Dan Keselamatan Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar

Tujuan

- Bagi memastikan setiap warga kakitangan dan para pelatih membudayakan nilai-nilai murni dan amalan kesihatan.
- Hari kesihatan dan keselamatan diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesefahaman dan kerjasama diwujudkan antara institusi dan lapisan masyarakat dalam menangani isu kesihatan dan keselamatan.
- Membentuk sikap dan perlakuan positif terhadap kesihatan dan keselamatan, serta melahirkan warga akademi dan persekitaran yang selamat dan sihat.
- Memberi manfaat dan kebaikan kepada semua kakitangan dan juga pelatih di akademi.

Butiran Program

Tarikh : 7 september 2022
Tempat : Dataran Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar.
Masa : 8.00 pagi hingga 1.00 petang

Peragaan Fesyen Muslimah Sempena Majlis Konvokesyen Kemahiran Malaysia Kali Ke-13, Jabatan Kemajuan Masyarakat

Tujuan

- Mengadakan peragaan fesyen bagi mempromosi program-program yang diadakan di Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar kepada masyarakat.
- Menarik minat remaja yang berkecenderungan untuk mendalami bidang kemahiran terutamanya bidang yang ditawarkan di Akademi Kemahiran KEMAS.
- Sebagai platform untuk mempamerkan dan mengetengahkan hasil kerja pelatih pada masyarakat umum.
- Memberi pendedahan kepada para pelatih situasi peragaan fesyen yang sebenar.

Butiran Program

Tarikh : 27 Oktober 2022
Tempat : Hotel Raia, Alor Setar, Kedah.
Masa : 10 .00 Pagi.

Impak program adalah memberi pendedahan kepada para pelatih dalam pengurusan majlis melibatkan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta. Mengasah kemahiran pelatih dalam komunikasi dengan pelbagai peringkat umur dan golongan masyarakat.

Program-Program Penyertaan Dan Anjuran Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng

Program e-EKSPLO TVET@KPLB Tahun 2022

Tujuan

- Mempromosikan program TVET@KPLB bagi meningkatkan pengambilan pelajar tahun 2023.
- Pendigitalan program Ekspo TVET@KPLB secara virtual.
- Pengukuhan institusi TVET@KPLB.



Program e-EKSPLO TVET@KPLB Tahun 2022

Butiran Program

Tarikh : 23 Jun 2022 - 25 Jun 2022.
 Tempat : Dataran Aman Jaya Mall Sungai Petani Kedah.
 Masa : 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Pengisian Program

Pengisian Program

- Pameran dan demonstrasi jahitan dan masakan.
- Khidmat nasihat oleh agensi/FAQ - bidang pengajian / pembiayaan / kerjaya.

Pameran Maskot bagi Program *HEALTHY AND BRIGHT KIDS CARNIVAL* Tahun 2022

Tujuan

- Mempromosikan program jahitan bagi meningkatkan pengambilan pelajar tahun 2022.

Butiran Program

Tarikh : 23 September 2022
 Tempat : Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas, Rembau.
 Masa : 8.30 pagi hingga 3.00 petang.

Pengisian Program

- Pameran dan demonstrasi jahitan.
- Khidmat nasihat oleh agensi / FAQ - bidang pengajian / pembiayaan / kerjaya.

Kursus Kemahiran Bidang Jahitan (Sarung Kerusi dan Skirting) Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng Tahun 2022

Tujuan

- Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada Pelatih Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng untuk mempelajari ilmu pembuatan Jahitan Sarung Kerusi dan *Skirting* yang kebanyakannya diwarisi oleh golongan yang berpengalaman dan berusia.
- Mewujudkan kesinambungan bidang kemahiran yang diperolehi di Akademi kemahiran sedia ada.
- Memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam bidang kemahiran berkaitan.
- Mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulan sasar melalui ilmu kemahiran seterusnya berupaya menambah pendapatan.

Butiran Program

Tarikh	: 15 - 16 Mac 2022
Tempat	: Bengkel Jahitan Tahap 2, AKKGO
Masa	: 8.00 pagi hingga 5.00 petang



Kursus kemahiran Bidang Jahitan (Sarung Kerusi dan Skirting) Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng Tahun 2022

Kursus Kemahiran Bidang Masakan Italian & France Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng Tahun 2022

Tujuan

- Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada Pelatih Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng untuk menguasai dan mempelajari ilmu pembuatan Masakan Italian & France.
- Mewujudkan kesinambungan bidang kemahiran yang diperolehi di Akademi kemahiran sedia ada.
- Memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam bidang kemahiran berkaitan.
- Mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulan sasar melalui ilmu kemahiran seterusnya berupaya menambah pendapatan.

Butiran Program

Tarikh : 22 - 23 Mac 2022
Tempat : Bengkel Masakan Tahap 2, AKKGO
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang



Kursus kemahiran Bidang Masakan Italian & France Akademi
Kemahiran KEMAS Gopeng Tahun 2022

Kursus Kemahiran Bidang Masakan Pastrri Lapis Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng Tahun 2022.

Tujuan

- Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada bekas Pelatih Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng untuk mempelajari ilmu pembuatan Pastrri Lapis yang kebanyakannya diwarisi oleh golongan yang berpengalaman dan berusia.
- Mewujudkan kesinambungan bidang kemahiran yang diperolehi di kelas-kelas kemahiran sedia ada.
- Memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam bidang kemahiran yang berkaitan.
- Mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulan sasar melalui ilmu kemahiran dan seterusnya berupaya menambah pendapatan.

Butiran Program

Tarikh : 11 – 12 Oktober 2022
Tempat : Bengkel Masakan Tahap 2, AKKGO
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang



Kursus kemahiran Bidang Masakan Pastrri Lapis Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng Tahun 2022.

Kursus/ Bengkel Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2022

Bil.	Tajuk Kursus/bengkel	Peserta (org)	Pengisian Kursus/Bengkel
1.	Bengkel Pengemasinian Garis Panduan Pusat Daya Maju	50 orang	Mengemaskini semula garis panduan bagi pelaksanaan Pusat Daya Maju seluruh Malaysia
2.	Kursus Penyelarasan Modul Pendidikan Kemahiran Masakan Mengikut Kurikulum Standard Tahun 2022	50 orang	Menyelaras dan mengemaskini Modul Pendidikan Kemahiran Masakan untuk kegunaan Kemahiran Masakan
3.	Kursus Penyelarasan Modul Pendidikan Kemahiran Dandanan Diri Mengikut Kurikulum Standard Tahun 2022	40 orang	Menyelaras dan mengemaskini Modul Pendidikan Kemahiran Dandanan Diri untuk kegunaan Kelas Kemahiran Dandanan Diri

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI



BAHAGIAN

PEMBANGUNAN KOMUNITI

PENGENALAN

LATAR BELAKANG BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Bahagian Pembangunan Komuniti (BPKom) diwujudkan selepas penyusunan semula organisasi KEMAS diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada bulan Januari 2015.

Bahagian ini menggabungkan fungsi Bahagian Pembangunan Desa, Bahagian Bina Insan dan Unit Pusat Sumber yang sebelum ini menjalankan fungsi yang berlainan.

Asas pewujudan BPKom adalah **memfokuskan kepada program/ aktiviti dan projek untuk membangun dan memperkasakan minda, rohani dan semangat serta soft skills modal insan luar bandar**

MISI



Modal Insan Luar Bandar Yang
Progresif dan Sejahtera

VISI



Beriltizam meningkatkan kualiti sosial, ekonomi keusahawanan dan pembangunan insan komuniti luar bandar melalui penyampaian perkhidmatan, teknologi dan tadbir urus yang berkesan serta komitmen penglibatan semua pihak

OBJEKTIF BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI



Membangun dan memantapkan ekonomi dan keusahawanan komuniti luar bandar yang berdaya saing dan mampan



Mempertingkatkan kualiti pembangunan insan secara seimbang dan holistik dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani melalui kepercayaan kepada Tuhan dan prinsip rukun negara



Membimbing komuniti luar bandar secara berterusan melalui literasi pendidikan sepanjang hayat menerusi pembasmian buta huruf



Menyediakan sumber ilmu dan maklumat kepada komuniti luar bandar



Memperkasa komuniti dan kepimpinan institusi kampung dalam pembangunan desa serta meningkatkan peranan agen pembangunan komuniti luar bandar

FUNGSI UTAMA



1 PEMBANGUNAN MINDA DAN KOMUNITI

- Program Kemasyarakatan
- Pendidikan Komuniti
- Program Kesihatan, Kesejahteraan Hidup & Keceriaan Desa
- Program Kepimpinan Desa & Tempatan
- Program Khidmat Masyarakat & Sukarelawan Desa



2 PEMBANGUNAN INSAN


- Penghayatan Pendidikan Islam
- Program Sebaran/ Dakwah
- Latihan & Bimbingan
- Program Kebesaran & Kesenian Islam




3 PENDIDIKAN LITERASI FUNGSIAN

- Kelas Dewasa - Basmi Buta Huruf
- 3m - Membaca, Menulis & Mengira

4 PENGUPAYAAN EKONOMI



- Program Latihan Pembangunan Usahawan
- Program Insentif & Pembangunan Perniagaan
- Program Sokongan: Promosi Dan Pemasaran
- Keusahawanan Digital
- Projek Peningkatan Ekonomi Komuniti



5 PUSAT SUMBER

- K-Komuniti
- Pusat Aktiviti Dan Sebaran Maklumat
- Program & Latihan Kesedaran Komuniti
- Program Komuniti @ E-Read

Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2022

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus Pembangunan Komuniti Tahun 2022

OBJEK SEBAGAI	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	%
OS24000	16,500	16,500	100.0
OS27000	220,000	214,302	97.41
OS28000	217,500	215,501	99.08
OS29000	1,189,954	1,189,212	99.94
JUMLAH	1,643,954	1,635,515	99.49

Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Program Pembangunan Tahun 2022

BIL	NEGERI	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	%
1	JOHOR	531,000	531,000	100.0
2	KEDAH	487,500	487,495	100.0
3	KELANTAN	390,500	390,480	99.99
4	MELAKA	270,940	270,940	100.0
5	NEGERI SEMBILAN	336,934	336,894	99.99
6	PAHANG	497,490	497,490	100.0
7	PERAK	484,460	484,460	100.0
8	PERLIS	221,000	221,000	100.0
9	PULAU PINANG	262,500	262,500	100.0
10	SABAH	906,802	906,481.80	99.96
11	SARAWAK	1,095,713	1,095,689	100.0
12	SELANGOR	476,066	476,034.25	99.99
13	TERENGGANU	282,000	281,990	100.0
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	219,800	219,720	99.96
15	IBU PEJABAT	37,295	36,540	97.98
JUMLAH		6,500,000	6,498,714.05	99.98

Seksyen Pembangunan Minda dan Komuniti :

Seksyen ini melaksanakan program/ aktiviti yang berteraskan kepada membangun dan memperkasakan aspek minda, semangat dan soft skills modal insan luar bandar khususnya dalam bidang ekonomi dan sosial. Selain itu, ia juga berperanan dalam meningkatkan kerjasama strategik dengan kementerian/ jabatan/ agensi atau pihak luar serta mengupayakan kakitangan. Seksyen ini juga bertanggungjawab untuk membantu dan menyokong hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Bahagian Pembangunan Komuniti.

Program utama Seksyen ini adalah seperti :

Program Jom Masuk Kampung

Program ini dilaksanakan sebagai platform strategik antara pihak kerajaan bersama pemimpin, belia dan komuniti luar bandar dalam memperjelaskan strategi, tindakan dan perancangan pihak kerajaan dalam membangunkan kampung dan komuniti luar bandar serta menyediakan maklumat terkini mengenai isu-isu yang berbangkit serta kerjasama serta dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang semasa dan selepas program.

Program ini mengandungi aktiviti-aktiviti utama yang boleh dilaksanakan secara pilihan mengikut masa dan hari yang ditetapkan seperti berikut. .

Aktiviti Wajib

- Fit kampung
- Kempen Desa Ceria
- Rewang Sekampung
- Malam Sekalung Budi

Aktiviti Pilihan

- Aktiviti Perkhemahan
- Program Berbasikal Belia bersama Pemimpin Tempatan
- Khidmat Klinik, Ceramah dan Informasi Kerajaan
- Tazkirah atau Penerapan Nilai-nilai Murni
- Mentor-Mentee
- Pelan Usahawan dan Ekonomi Desa
- Aktiviti Eksplorasi Kampung

Dalam Tahun 2022, sebanyak **17 siri** telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM709,990** dan disertai oleh seramai **5,701 orang peserta**.

Sahabat Komuniti Desa (SKoD).

Sahabat Komuniti Desa (SKoD) merupakan hasil kerjasama KEMAS dengan Kepimpinan Desa seperti penghulu, Ketua Kampung, MPKK/JKKK, Jawatankuasa Masjid/Surau dan NGO. Penubuhan SKoD ini bertujuan bagi menggalakkan sukarelawan dalam pembangunan luar bandar dengan kerjasama strategik agensi/jabatan, swasta, komuniti desa dan NGO.

Bermula tahun 2019, penubuhan kumpulan SKoD melibatkan 28 buah daerah termiskin di lima (5) buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Kumpulan SKoD akan diberi pendedahan dan kesedaran mengenai kepimpinan sukarelawan di kawasan masing-masing dan ditugaskan menjalani aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- Pemantauan komuniti dan menangani isu berkaitan dengan pengurusan desa ;
- Mengendalikan program kesedaran orang ramai ; dan
- Memastikan kelestarian pertubuhan menerusi aktiviti-aktiviti kesukarelaan yang membina keupayaan masyarakat.

Dibawah komponen kesukarelaan dalam kepimpinan desa, SKoD berperanan menjalankan pelbagai aktiviti dengan melibatkan komuniti desa dalam mengenali kepentingan kesukarelaan sebagai fokus utama. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan melalui;

- Skod Cakna Prihatin
- Skod Kesihatan
- Skod Kerohanian
- Skod Ekonomi

Dalam tahun 2022, sebanyak **181 siri** telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM490,000** dan disertai oleh seramai **8,620 orang peserta**.

Program Komuniti Sejahtera (PKS)

Program Komuniti Sejahtera (PKS) menekankan kepada membudayakan masyarakat dengan kehidupan sihat, selamat dan sejahtera dalam Komuniti Desa.

Objektif program ini ialah :

- i. Memberikan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran kepada masyarakat terhadap kehidupan yang sihat, selamat dan sejahtera.

- ii. Mewujudkan hubungan dikalangan komuniti desa bersama pemimpin tempatan, agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).
- iii. Menggalakkan kelangsungan budaya hidup sihat, aktif dan cergas melalui program dalam komuniti.
- iv. Memperkukuhkan jatidiri dan semangat patriotisme dikalangan komuniti.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **218 siri** telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM970,228** dan disertai oleh seramai **9,201 orang peserta**.

Semarak Desa

Program ini telah dirangka selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) untuk membawa perkhidmatan sosial terus kepeada masyarakat di peringkat akar umbi, meningkatkan hubungan antara kerajaan dan masyarakat menerusi integrasi pelbagai pihak sama ada inter-bahagian (PKOM, PKEM, BPAK) dan intra-jabatan (agensi kerajaan lain, sektor swasta, NGO, pemimpin dan institusi masyarakat tempatan)

Objektif program ini ialah :-

- Meningkatkan platform medium intraksi antara komuniti terhadap penyediaan perkhidmatan/ program agensi kerajaan
- Mendapatkan info dan maklum balas daripada komuniti luar bandar mengenai isu-isu dan perkara berbangkit bagi penambahbaikan pelaksanaan program dan perkhidmatan yang disampaikan.
- Mengukuhkan hubungan pemimpin dan agensi kerajaan dengan masyarakat luar bandar.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **210 siri** telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM375,800** dan disertai oleh seramai **9,201 orang peserta**.



Aktiviti senaman merupakan salah satu pengisian wajib dalam Program Komuniti Sejahtera

8 *Tempatan*

Utusan Sarawak

RABU 26 OKTOBER 2022 29 RABIULAWAL 1444H

SkoD dilaksanakan 182 kawasan Parlimen

LIBMANG: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia (KPLB) melaksanakan program Sahabat Komuniti Desa (SKoD) di 182 kawasan Parlimen di luar bandar tahun ini sebagai tindakan pantas membantu penduduk sekiranya berlaku bencana.

Menurut Timbalan Menteri Datuk Hasbi Habibollah, jumlah keseluruhan SKoD terdiri daripada 196 lokaliti seluruh Malaysia dengan mempunyai seramai 5,910 sukarelawan.

"SKoD merupakan Kumpulan Tindakan Komuniti (Community Action Group) yang ditubuhkan menyasarkan sekurang-kurangnya satu SKoD di semua Parlimen Luar Bandar selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar.

"Secara tidak langsung, penubuhan pasukan SKoD di kampung-kampung juga merupakan inti pati utama dalam mencapai visi dan misi KPLB dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ke arah kesejahteraan masyarakat luar bandar," kata-

nya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pelancaran SKoD Peringkat Negeri Sarawak 2022 dan Jom Masuk Kampung di Dewan Kampung Pabahanan di sini, kelmarin.

Menjelang lanjut, Datuk Hasbi berkata, penubuhan SKoD ini bertujuan bagi menggalakan perkembangan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat desa dalam pembangunan luar bandar dengan kerjasama strategik agensi/jabatan, swasta, komuniti desa dan NGO.

Selain itu katanya, program tersebut merupakan satu jaringan komuniti yang bekerjasama di seluruh Malaysia untuk melahirkan kepimpinan dan semangat kesukarelaan.

Program SKoD di Sarawak melibatkan 31 kawasan Parlimen yang mana antara programnya adalah seperti Program Kesedaran Kesihatan dan Amalan Gaya Hidup Sihat, Program Menangani Isu Keselamatan Kampung, Program Menjaga



HARAP SUDI... Datuk Hasbi Habibollah menyampaikan watak pelantikan kepada salah seorang wakil pada Majlis Pelancaran SKoD Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2022 dan Jom Masuk Kampung di Dewan Kampung Pabahanan di Limbang, kelmarin.

Kebajikan Penduduk Kampung, Program Memupuk Semangat Patriotisme seperti Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Kebesaran Islam.

Manakala Program Masuk Kampung adalah program baru yang mana setiap negeri akan

meneri- ma satu siri untuk dilaksanakan dan seramai 200 orang disasarkan terlibat.

Hadir sama Ketua Pengarah KEMAS Malaysia Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi, wakil Residen Bahagian Limbang Aspaella Mohamad Sahmoni, Pengarah

Bahagian Pembangunan Komuniti Ibu Pejabat KEMAS Putrajaya Yuhany Kamarol Zaman, wakil Pegawai Daerah Limbang Mohd Sobree Damit, Pengarah KEMAS Sarawak Khairuddin Md Nasir, dan Ketua Kampung Pabahanan Latip Sabli.

Pelancaran SKoD Peringkat Negeri Sarawak di Limbang

Unit Pengupayaan Ekonomi

Unit Pengupayaan Ekonomi berperanan penting dalam melahirkan masyarakat luar bandar yang mahir dan mengembangkan bakat usahawan bagi meningkatkan pendapatan yang berupaya mengubah taraf dan kualiti hidup.

Program utama unit ini dalam Tahun 2022 ialah :

Program Latihan dan Pembangunan Usahawan KEMAS

Program ini bertujuan bagi memupuk minda keusahawanan dan membangun serta melahirkan usahawan di bawah bimbingan KEMAS yang berminat menjadi usahawan dengan menumpukan kepada tiga (3) fokus utama kesedaran, penerangan dan bimbingan secara theoretical dan hands-on mengikut jenis kursus, latar belakang peserta dan keperluan secara praktikal dalam perniagaan.

Objektif program ini ialah :

- Memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan peserta dalam bidang keusahawanan serta memhami strategi perniagaan dengan berkesan
- Memantapkan kemahiran usahawan agar lebih berkemampuan dan berdaya saing melalui latihan dan praktikal perniagaan
- Membangun dan mengembangkan perniagaan usahawan bimbingan KEMAS melalui teknologi internet dan e-dagang
- Meningkatkan bilangan usahawan KEMAS mengikut acuan KEMAS yang berkualiti dan kompetitif

Jenis-jenis program latihan dan pembangunan usahawan:

A. Program Perintis Keusahawanan :

- i. Temuduga dan ujian personaliti usahawan
- ii. Kursus Asas Perniagaan dan Motivasi Keusahawanan
- iii. Rancangan Perniagaan
- iv. Asas Pengurusan Operasi Perniagaan
- v. Asas Pengurusan Kewangan dan Percukaian
- vi. Asas Jualan dan Pemasaran
- vii. Praktikal Keusahawan

- Pendaftaran Perniagaan (SSM & PBT)
- Pengurusan dan Penghasilan produk
- Praktikal jualan di lapangan atau atas talian (pemasaran dan jualan produk)

B. Program Pengukuhan Keusahawanan (Coaching and Mentoring)

Bengkel bersama coach:

- Sesi audit, coaching & mentoring
 - Penerangan lanjut mengenai perniagaan
 - Mengenal pasti isu perniagaan peserta
 - Meninjau perkembangan perniagaan peserta
 - Semakan pencapaian kemajuan peserta
 - Perbincangan penambahbaikan perniagaan peserta
 - Menetapkan milestone meningkatkan perniagaan peserta
- i. Pembangunan Produk (Pembungkusan, Pelabelan dan persijilan seperti sijil HALAL, MESTI dan lain-lain yang berkaitan)
 - ii. Pasaran, jualan, kos - Pemasaran digital (media sosial dan e-commerce)
 - iii. Teknikal pengurusan kewangan perniagaan (pengauditan & percukaian:LHDN dan KASTAM)
 - iv. Teknikal Integrasi perbankan digital serta sistem e-wallet

C. Program Insentif dan Pembangunan Perniagaan

- Business Incubator(premis, latihan dan jualan – sasaran jualan minima RM5,000-RM10,000/sebulan dengan pendapatan (keuntungan bersih) RM1,000-RM5,000/sebulan)
- Biz Kabin
- Kerjasama strategik (Business matching program (pemasaran dan sumber dana – TERAJU, JUMPER-PUNB, INSKEN dan lain-lain

D. Program Promosi dan Pemasaran (sokongan) Perniagaan

- Direktori Digital Usahawan KEMAS
- Pengiklanan dan penerbitan
- Media sosial
- Program Pasar Ria Usahawan KEMAS Peringkat Kebangsaan
- Karnival, ekspo dan pameran (kerjasama dengan agensi dan KPLB)

Dalam Tahun 2022, sebanyak **105 siri** telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM1,080,000** dan disertai oleh seramai **6,088 orang peserta**.

Kursus *Quick win* Usahawan Asnaf Berdikari

Kursus ini merupakan usaha murni membantu golongan Asnaf meningkatkan kemajuan diri dan menceburi bidang keusahawanan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Golongan asnaf yang dimaksudkan disini adalah terdiri dari golongan miskin, fakir, mualaf, al-riqab dan al-gharimin.

Kursus ini adalah kerjasama strategik bersama pusat zakat negeri, majlis agama islam seluruh Malaysia, badan baitulmal, pihak berkuasa tempatan dan pihak NGO yang bersesuaian.

Objektif program ini ialah :

- Memberi peluang kepada golongan asnaf yang berminat dan layak menceburi diri dan mempelajari bidang kemahiran asas agar dapat menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran diri ; dan
- melahirkan golongan asnaf yang terlatih dan boleh berdikari serta membantu menambah pendapatan keluarga dengan berniaga.

Kandungan dan Kurikulum kursus

Kursus ini dilaksanakan selama 5 hari dengan mengandungi semua elemen seperti berikut :

i) Kursus Kemahiran

- Modul kemahiran yang diajar kepada peserta adalah modul asas kemahiran yang berasaskan masakan seperti goreng pisang, bakeri dan lain-lain yang bersesuaian yang mempunyai potensi kejayaan dalam perniagaan ; dan
- Modul kursus pengendali makanan yang diiktiraf berserta suntikan Typhoid.

ii) Kursus Asas Keusahawanan

- Kursus keusahawanan yang asas dan perlu diketahui dalam perniagaan seperti pengurusan asas kewangan, taklimat kepentingan dan prosedur mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM, proses memohon lesen PBT dan lain-lain.

iii) Latihan lapangan

- Latihan lapangan yang memberi pengalaman kepada peserta untuk merasai situasi sebenar untuk berniaga ;
- Melaksanakan latihan lapangan bersama usahawan/ peniaga yang berjaya ;
- KEMAS Negeri juga disyorkan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan lot perniagaan yang sah dan lesen perniagaan ;
- Pemantauan peserta dibuat selepas kursus secara berkala oleh Bahagian Pembangunan Komuniti (Unit Pengupayaan Ekonomi Negeri dan Daerah)

iv) Aktiviti Kerohanian

- Aktiviti kerohanian sepanjang kursus yang diberikan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri seperti ceramah agama, ceramah motivasi, perkongsian pengalaman dan lain-lain.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **14 siri** telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM419,765** dan disertai oleh seramai **140 orang** peserta



Peserta Program Asnaf Berdikari yang telah menjalankan perniagaan sendiri

Seksyen Kerohanian dan Pendidikan Literasi Fungsian (PLF)

Seksyen Pembangunan Insan

Seksyen ini berperanan dalam program/ aktiviti kerohanian dan kekeluargaan Program/ aktiviti dibawah Peruntukan Pembangunan yang dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan Insan ialah :

Program Dakwah@Media

Program ini dilaksanakan bagi menyampaikan mesej nilai-nilai murni kehidupan kepada masyarakat serta mencungkil minat dan kreativiti di kalangan peserta kelas bina insan dan kakitangan KEMAS di bawah Pembangunan Insan melalui penciptaan video seterusnya diterbitkan di pelbagai platform media sosial dan dipertandingkan.

Objektif program ini ialah :

- Media sebagai pendidik (Muaddib) kepada masyarakat agar melaksanakan segala perintah yang datang dari Allah dan menjauhi segala laranganNya ;
- Media sebagai agen informasi (Musaddid) yang menyampaikan maklumat mengenai hal-hal kebajikan dan nilai-nilai murni kepada masyarakat ; dan
- Media sebagai penyatu (Muwahhid) yang mana harus mampu menjadi jambatan yang menyatupadukan umat islam.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **14 siri** telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan **RM63,000** dan telah dihadiri oleh seramai **540 orang peserta**.

Street Dakwah

Program ini bertujuan melaksanakan islah kepada ummah dan penambahbaikan dalam masyarakat menerusi golongan muda. Program ini menyediakan ruang dan peluang untuk peserta mendapat ilmu dan berkongsi pandangan serta berbincang sesuatu isu dalam suasana santai dan semangat persaudaraan antara belia muslim.

Objektif program ini ialah :

- Memupuk minat serta rasa cintakan ilmu melalui perbincangan yang santai dalam kalangan para generasi muda ;

- Berkongsi ilmu melalui amalan perbincangan sesama rakan sebaya dan ;
- Meningkatkan keupayaan generasi muda untuk berbincang dan berfikir secara kritis dan kreatif.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **67 siri** telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan RM140,000 dan dihadiri oleh seramai **2,404 orang peserta**.

Hari Kebesaran Islam

Program ini dilaksanakan adalah bagi memastikan masyarakat sedar dan mengambil panduan serta iktibar daripadanya hari-hari kebesaran islam yang disambut seperti Isra' dan Mikraj, Nuzul Al-Quran, Maulidul Rasul dan Hari As-Syura.

Objektif program ini ialah :

- Meningkatkan kesedaran dan penghayatan masyarakat terhadap hari-hari kebesaran islam disamping mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya ; dan
- Memupuk semangat cintakan nabi dan hari kebesaran islam dikalangan kanak-kanak dan orang dewasa.

Pengisian program ini meliputi :

- Ceramah ringkas berdasarkan tajuk yang bersesuaian
- Aktiviti seperti perarakan, khatam Al-Quran, berselawat, solat sunat dan tazkirah.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **16 siri** telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan **RM84,960** dan dihadiri oleh seramai **1,680 orang peserta**

Klinik Audit Solat dan Al-Quran

Program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada peserta berkaitan kepentingan melaksanakan solat dengan sempurna disamping meningkatkan solat dengan sempurna disamping meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran.

Objektif program ini adalah :

- Menyemarakkan motivasi diri ke arah melahirkan insan yang beramal dan bertaqwa ;

- Memberi pengajaran dan kefahaman kepada masyarakat mengenai kewajipan ibadah solat serta melaksanakan rukun solat dengan betul dan tertib dan ;
- Memupuk kesedaran peserta ke arah memahami pengajaran daripada Al-Quran dan seterusnya membudayakan Al-Quran dalam kehidupan

Dalam Tahun 2022, sebanyak **105 siri** telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan **RM158,040** dan dihadiri oleh seramai **3,397 orang peserta**

Usrah Nurani

Program ini merupakan platform yang disediakan untuk membincangkan topik/ tajuk yang diberikan oleh naqib atau naqibah (pembimbing) dan dikembangkan tajuk tersebut melalui idea-idea daripada peserta.

Objektif program ini adalah :

- Memberi pendedahan dan medan percambahan ilmu pengetahuan yang boleh dijadikan amalan dalam kehidupan ;
- Berkongsi idea dan pandangan daripada masyarakat berkaitan topik yang dibincangkan yang diketuai oleh naqib atau naqibah ; dan
- Mempelbagaikan corak perkongsian ilmu kepada masyarakat dengan mewujudkan kemesraan dan tegur menegur selain aktiviti yang dilaksanakan dalam kelas-kelas pembangunan insan yang sedia ada.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **108 siri** telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan **RM114,040** dan dihadiri oleh seramai **3,844 orang peserta**

Pendidikan Literasi Fungsian (PLF)

Program Pendidikan Literasi Fungsian (PLF) di KEMAS telah bermula pada tahun 1961 lagi sempena penubuhan Bahagian Dewasa di Semanjung. Pada tahun 1963, kelas ini telah diperluaskan di Sabah dan Sarawak.

Bermula tahun 2010, Unit Literasi KEMAS telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan program outreach PLF yang dikenali sebagai 'Literacy for Adult Skills' (LEADS) dengan melantik anak tempatan sebagai tenaga pengajar. Tenaga pengajar ini akan dilatih sebelum memulakan kelas bagi memastikan mereka benar-benar bersedia dan memahami penggunaan modul yang akan digunakan di kelas.

Bagi memastikan sasaran KEMAS dalam pembasmian buta huruf pada tahun 2020, kelas Pendidikan Fungsian version 2.0 (PLF2.0) telah diperkenalkan pada tahun 2015. Sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas PLFV2.0 ini akan diambil alih oleh Pemaju Masyarakat Tabika.

Dalam Tahun 2022, terdapat tiga (3) program pembangunan yang dilaksanakan bertujuan bagi pembasmian buta huruf di negeri Sabah dan Sarawak iaitu :

Kursus Kemahiran Literasi Outdoor

Program perkongsian ilmu berdasarkan persekitaran yang dilaksanakan secara santai.

Objektif program ini ialah :

- Melihat penguasaan 3M (Membaca, Mengira dan Menulis) melalui kaedah yang berbeza dan secara santai ;
- Mengenalpasti tahap pemahaman peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 di samping membantu peserta memahami modul-modul yang digunakan berdasarkan kepada pembelajaran perkitaran ; dan
- Mendekati masyarakat setempat khususnya di kawasan pedalaman dengan memperkenalkan program-program yang dijalankan oleh KEMAS

Komponen aktiviti/ pengisian program ini adalah seperti berikut:

Aktiviti Wajib:

- i. Pengajaran asas 3M disampaikan selama 15-30 minit (secara tidak formal)
 - a) Ceramah berkaitan program/ aktiviti KEMAS dan KPLB

Aktiviti Pilihan :

- a) Lawatan sambil belajar
- b) Sukaneka/ Riadah
- c) Pertandingan
- d) Gotong-royong
- e) Demo masakan/ Kraftangan

Dalam Tahun 2022, sebanyak **100 siri** telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan **RM300,000** dan telah dihadiri oleh seramai **2,289 orang peserta**.

Program Graduasi Kelas

Program ini adalah bertujuan bagi meraikan para pelajar kelas LEADS dan PLFV2.0 yang telah berjaya menamatkan kelas. Disamping itu, ia juga bagi membuat penilaian terhadap tahap pemahaman peserta kelas berkaitan 3M (membaca, menulis dan mengira) pada akhir sesi pembelajaran.

Dalam Tahun 2022, sebanyak **120 siri** telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan **RM311,140** dan telah dihadiri oleh seramai **2,289 orang peserta**.



Majlis Graduasi dan penyampaian sijil LEADS di Kota Samarahan

Program Pengukuhan Literasi

Program ini merupakan salah satu program tahunan yang mula diperkenalkan pada tahun 2010. Pada awalnya program ini bertujuan untuk mengumpulkan kembali peserta-peserta kelas LEADS yang telah menamatkan kelas bagi memastikan agar mereka tidak kembali kepada buta huruf.

Pada tahun 2017, Program Pengukuhan Literasi KEMAS diperluaskan lagi dengan mengumpulkan peserta-peserta dari Program Pendidikan Literasi Fungsian iaitu peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0.

Objektif program:

- Melihat penguasaan 3M (Membaca, Mengira, Menulis) bekas peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 setelah selesai mengikuti kelas ;
- Menilai keberkesanan kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 ini beserta impaknya kepada masyarakat pedalaman di Negeri Sabah dan Sarawak ; dan

- Memastikan bekas-bekas peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 tidak kembali menjadi buta huruf selepas tamat sesi pembelajaran.

Pengisian Program :

- Ujian 3M kepada bekas peserta kelas (Membaca, Mengeja, Mengira, Membaca petikan, Suai padan, silang kata)
- Sukaneka kepada masyarakat setempat (dewasa dan kanak-kanak)
- Pertandingan kolaj dan mewarna kepada kanak-kanak Tabika
- Demontrasi makanan sihat
- Pameran agensi dan ujian kesihatan (KOSPEN)

Bagi tahun 2022, Bahagian Pembangunan Komuniti telah berjaya melaksanakan 10 siri dengan peruntukan sebanyak RM271,340 dan jumlah peserta seramai 1,788 orang.

Seksyen Pusat Sumber

Pusat Sumber KEMAS berfungsi sebagai pusat rujukan serta menerapkan budaya membaca dikalangan masyarakat tanpa mengira had umur (Pembelajaran Sepanjang Hayat)

Seksyen Pusat Sumber melaksanakan fungsi Perpustakaan di bawah Bahagian Pembangunan Komuniti. Peranan Pusat Sumber adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan menyediakan maklumat kepada golongan kanak-kanak hingga dewasa.

Penjenamaan semula Pusat Sumber KEMAS kepada E-READ KEMAS



Penubuhan portal Pusat Sumber KEMAS yang berdigital bagi menyediakan perkhidmatan modal insan yang berteknologi dan berkualiti selaras dengan aspirasi YBM KPLB serta mendukung Dasar Pembangunan Luar Bandar dari aspek pendigitalan kemudahan di luar bandar.




Kajian 2015- *Reading Room* dengan konsep *library cafe* menciptakan suasana baru perpustakaan yang lebih fleksibel dan santai dapat menarik perhatian masyarakat untuk berkunjung ke perpustakaan. (Maulana, 2015).



Mengurangkan penutupan premis PS sedia ada disebabkan oleh ketiadaan pengunjung dan PS yang bersifat tradisional serta tidak memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat terutamanya dari segi pengisian aktiviti dan prasarana yang terkini. (DataPS: 283-2010, 196(2022)




Membantu menyumbang ke arah pembangunan ekonomi usahawan yang bersifat sosial dan mampan kerana mampu menjadi pilihan utama komuniti sebagai lokasi santai berilmu dan berpendapatan tinggi melalui latihan jualan di ruang yang disediakan.



PELAN SUSUN ATUR PREMIS

- Lantai 1: Ruang Komputer/Laptop/
Rak Buku
- Lantai 2: Ruang Dan Perbincangan
Komuniti/Makan/Minum
- Lantai 3: Latihan Perniagaan/Ruang
Jualan Produk

PREMIS RINTIS e-READ TAHUN 2022



Bilangan Pusat Sumber KEMAS Tahun 2022

18	17	7	
JOHOR	PERAK	PERLIS	
21	23	13	
KEDAH	PAHANG	SABAH	
11	11	13	5
KELANTAN	PULAU PINANG	SARAWAK	WILAYAH PERSEKUTUAN
6	12	16	10
MELAKA	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR	TERENGGANU

PROGRAM DAN AKTIVITI

- Perkhidmatan pinjaman buku
- Perkhidmatan rujukan dan perujukan
- Perkhidmatan Kesedaran Semasa



Program Literasi Kewangan Komuniti

Dalam tahun 2022, Seksyen Pusat Sumber telah melaksanakan program Literasi Kewangan Komuniti di peringkat Negeri dan Daerah.

Objektif program ialah :

- Memupuk tabiat kewangan yang positif dikalangan kumpulan sasaran
- Meningkatkan akses kepada maklumat alat kewangan serta sumber berkaitan pengurusan kewangan
- Memperkasa amalan perancangan kewangan jangka panjang dan persaraan

BIL.	TAJUK PILIHAN	CADANGAN PENGISIAN PROGRAM
1.	Pengurusan Kewangan	Antara modul - modul yang boleh dilaksanakan: • Pengurusan Kewangan Diri Sendiri • Pengurusan Kewangan Keluarga • Asas menguruskan pembiayaan
2.	Penipuan Kewangan dan Pelaburan	Antara tajuk yang boleh dilaksanakan: • Cara mengenal penipuan kewangan • Cara mengenal penipuan pelaburan • Cara hindari penipuan kewangan dan pelaburan
3.	Asas Pelaburan	Antara tajuk yang boleh dilaksanakan: • Mengenal pelaburan yang sah • Persediaan pendapatan hari tua • Kebaikan menabung dan melabur • Lain-lain yang bersesuaian

Dalam Tahun 2022, sebanyak 174 siri telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan RM302,500 dan telah disertai seramai 6,086 orang peserta

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT



UNIT

TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGENALAN

Unit Teknologi Maklumat merupakan satu perjawatan gunasama bagi Skim Sistem Maklumat (F) di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Unit ini menyediakan keperluan berkaitan teknologi maklumat merangkumi premis- premis KEMAS termasuk KEMAS Ibu Pejabat, KEMAS Negeri, KEMAS Daerah dan Parlimen serta Akademi/Institut/Pusat Latihan KEMAS di seluruh Malaysia.

Unit ini juga turut melaksanakan pemantauan dari segi perkakasan dan perisian ICT agar tahap penggunaan instrumen teknologi maklumat dapat dicapai secara optimum.

PRESTASI PERBELANJAAN UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

BELANJA MENGURUS	TERIMA	BELANJA	% PERBELANJAAN
20000 Perkhidmatan Dan Bekalan	1,905,125.00	1,887,782.32	99.09
30000 Aset	200,000.00	199,670.08	99.84

PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI UTAMA UNIT

BIL	PROGRAM	IMPAK
1	Penyelenggaraan Dan Sokongan Teknikal Portal KEMAS	- Memastikan kestabilan portal jabatan supaya beroperasi dengan lancar dan dapat dicapai oleh orang awam pada bila-bila masa - Melakukan <i>back up</i> Portal dan pangkalan data secara berkala dan memastikan sebarang bugs (sekiranya ada) yang wujud dalam portal akan diperbetulkan dengan cepat
2	Semakan Spesifikasi Rangkaian Dalam (LAN) KEMAS sebanyak satu (1) lokasi: i. PKM Shah Alam, Selangor Naiktaraf Rangkaian Dalam (LAN) KEMAS sebanyak satu (1) lokasi: i. PKM Kampung Bandar, Banting, Selangor	- Menambahbaik rangkaian dalam menggunakan kabel, gentian optik atau WiFi di premis KEMAS - Pegawai di premis KEMAS dapat mengoptimumkan penggunaan talian <i>MyGovNet</i> yang dibekalkan oleh pihak MAMPU dan dapat meningkatkan mutu kerja pegawai seharian
3	Perkhidmatan emel MyGovUC untuk semua kakitangan KEMAS Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah	- Penjimatan kos penyelenggaraan emel, anti-spam dan antivirus untuk menapis kandungan emel - Keselamatan emel MyGovUC adalah terjamin yang mana ia dikawal sepenuhnya oleh kerajaan (Rajah 1)

4	Menyelaras sewaan Peralatan ICT KEMAS	• Menyediakan kemudahan peralatan ICT yang mencukupi dan dapat menampung urusan kerja pegawai dan program rasmi KEMAS di luar pejabat • Menampung keperluan komputer baharu bagi penggantian komputer yang berusia lebih tujuh(7) tahun ke atas di pejabat-pejabat KEMAS merangkumi KEMAS Ibu Pejabat, Pejabat KEMAS Negeri dan Pejabat KEMAS Daerah yang terlibat • Menyediakan kemudahan komputer riba yang terkini dan ringan kepada staf ICT Ibu Pejabat dan Negeri bagi memastikan kerja seharian pegawai dapat dioptimumkan • Menampung keperluan peralatan ICT (komputer riba dan mesin pencetak) bagi tujuan gunasama di setiap bahagian/unit untuk tujuan program/kerja rasmi di luar pejabat. Peralatan sedia ada telah berusia dan tidak mencukupi untuk keperluan semasa
5	Menyelaras sewaan <i>firewall</i> di KEMAS Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri	• Pemasangan <i>firewall</i> dapat melindungi talian internet di KEMAS daripada ancaman pencerobohan luar dan kemudahan internet juga dapat digunakan secara optimum
6	Menyelaras sewaan peralatan <i>video conference</i> Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di KEMAS Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri	• Kegunaan <i>video conference</i> yang merangkumi KEMAS Ibu Pejabat dan Pejabat KEMAS Negeri • Menampung keperluan norma baharu, berikutan berlakunya penularan wabak pandemik Covid 19
7	Menyelaras Lesen Antivirus	• Memastikan keselamatan maklumat pada komputer di KEMAS terpelihara dengan baik • Memastikan maklumat digital dilindungi kerahsiaan, integriti dan ketersediaan

8	Melaksanakan Perolehan Lesen Perisian <i>Microsoft Office Standard</i>	Membantu dalam pengoperasian dan persekitaran bisnes serta menyokong kerja-kerja pegawai di ibu pejabat, KEMAS negeri dan KEMAS daerah
9	Menyelaras alat ganti dan peralatan ICT	- Menampung permintaan yang tinggi daripada Pegawai IT Negeri untuk mendapatkan bekalan alat ganti dan peralatan ICT bagi membaik pulih dan menaik taraf komputer sedia ada serta rangkaian - Mengurangkan kos penyelenggaraan oleh pembekal
10	Memberikan sokongan teknikal untuk permohonan kursus bagi Sistem Latihan KEMAS (eSiLK)	Menyediakan sistem yang berperanan menguruskan proses permohonan kursus oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional kepada kakitangan KEMAS
11	Pengurusan aduan ICT melalui Sistem Helpdesk ICT	- Memudahkan perekodan dan pemantauan penyelesaian masalah berkenaan aduan ICT secara berpusat (Rajah 2)
12	Menyelaras Sistem Pendaftaran Program/Majlis QR Code (EveR)	- Memudahkan pemantauan berkala penganjuran majlis dan menjana laporan setiap majlis anjuran KEMAS mengikut peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah. - Memudahkan Pengurusan Sistem untuk melihat jejak pengguna yang telah hadir/daftar pada setiap majlis yang dihadiri sebelum ini
13	Memberi bantuan teknikal kepada kakitangan KEMAS berkenaan portal, emel dan sistem-sistem aplikasi di KEMAS dari semasa ke semasa	Membantu kakitangan KEMAS dalam melancarkan proses kerja yang melibatkan penggunaan emel, sistem dan lain-lain

14	Memberi bantuan teknikal kepada kakitangan KEMAS berkenaan permasalahan komputer dan rangkaian.	Membantu kakitangan KEMAS dalam melancarkan proses kerja sepanjang masa
----	---	---

Google

Welcome

ictkemas@kemas.gov.my

Enter your password

☐ Show password

[Forgot password?](#) [Next](#)

English (United Kingdom) Help Privacy Terms


Rajah 1

**RINGKASAN BILANGAN ADUAN MENGIKUT STATUS
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT**

Bahagian : SEMUA
Tarikh : 01-01-2022 sehingga 31-12-2022

BIL	STATUS	BIL ADUAN
1	BARU	10
2	DALAM TINDAKAN	6
3	SELESAI	814
4	TUTUP	7
JUMLAH		837
JUMLAH PERATUS KPI KP		98.81

Rajah 2



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



UNIT

KOMUNIKASI KORPORAT

PENGENALAN

Penubuhan Unit Komunikasi Korporat (UKK) di Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) berkuat kuasa mulai 15 Januari 2015 berdasarkan Penstrukturan semula KEMAS pada masa itu.

UKK ditubuhkan dengan objektif untuk memelihara dan meningkatkan imej KEMAS disamping menyelaraskan strategi mempromosikan program dan aktiviti KEMAS melalui rangkaian rakan strategik seperti media massa, agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah mahupun Kementerian dan Swasta secara teratur dan berkesan.

Selain itu, UKK juga berperanan menerbitkan bahan-bahan penerbitan seperti Majalah, Buku Laporan Tahunan dan Video Korporat KEMAS.

VISI, MISI dan OBJEKTIF



VISI

Menjadi peneraju kepada penyampaian maklumat yang tepat dan pantas Jabatan



MISI

Mencipta reputasi positif berdasarkan peranan KEMAS dalam kelompok masyarakat menerusi pengurusan hal ehwal korporat dan perhubungan awam yang efektif.



OBJEKTIF

Berperanan sebagai medium penghubung kepada penyampaian dan penyebaran maklumat yang tepat dan dipercayai berdasarkan pelaksanaan program-program dan dasar yang dilaksanakan oleh KEMAS kepada kakitangan Jabatan dan juga masyarakat

Fungsi

- Mempromosikan program Jabatan agar masyarakat jelas peranan dan fungsi KEMAS.
- Membina, memelihara dan meningkatkan imej KEMAS berdasarkan strategi penyampaian maklumat, perkhidmatan yang berkesan
- Mewujudkan hubungan korporat yang harmoni di kalangan pengamal media, stakeholders dan pelanggan
- Menerbitkan bahan informatif KEMAS secara Bercetak seperti Laporan Tahunan, Majalah Suara KEMAS, Brosur KEMAS dan Video Korporat sebagai rujukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awan dan Swasta serta individu berkepentingan.
- Menyelaras Piagam Pelanggan Jabatan Kemajuan Masyarakat
- Menyelaras aktiviti Seranta Program KEMAS

PELAKSANAAN PROGRAM/AKTIVITI

Penyelarasan Sidang Media/ Wawancara Media

Pada tahun 2022, sebanyak empat (4) sidang media yang diatur melibatkan Unit Komunikasi Korporat KEMAS bagi mempromosi program dan aktiviti Jabatan Kemajuan Masyarakat. Perincian sidang media adalah seperti berikut:

BIL	SIDANG MEDIA/ WAWANCARA	TARIKH
1	Majlis Penyerahan Kompleks TABIKA (KOMTA) KEMAS Kem Syed Sirajuddin, Gemas Negeri Sembilan	27 Januari 2022
2	Majlis Penyampaian Anugerah Desa dan Multimedia Pendidikan Awal Kanak-Kanak (AIMPAK) Peringkat Kebangsaan Tahun 2021	13 Mac 2022
3	Program RIOOH Raya Is Back GM Klang Bersama KEMAS 2022	15 April 2022
4	Majlis Perasmian Quick Win Kiosk (QU KIS) KEMAS	27 April 2022
5	Kursus Pemantapan Pengurusan KEMAS Daerah (SMART PKD)	7 Jun 2022
6	Majlis Penyampaian Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak Siri 1/2022	24 Jun 2022
7	Majlis Bersama YBM Menteri KPLB Bersempena Majlis Penutupan Program Hari Keluarga Malaysia Peringkat KEMAS Negeri Kelantan Tahun 2022	6 Ogos 2022
8	Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2022	11 Ogos 2022
9	Perhimpunan Perdana Sempena Sambutan 60 Tahun Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	28 Ogos 2022
10	Pelancaran Pusat Daya Maju (COME)	21 Ogos 2022
11	Majlis Penutupan Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2022	2 Oktober 2022
12	Majlis Konvokesyen Kemahiran Malaysia Jabatan Kemajuan Masyarakat Ke-13	23 Oktober 2022

Buku Laporan Tahunan KEMAS Tahun 2021

Unit Komunikasi Korporat bertanggungjawab dalam penyediaan dan penerbitan Buku Laporan Tahunan KEMAS pada setiap tahun. Pada tahun ini, Buku Laporan Tahunan KEMAS 2021 diterbitkan pada bulan November 2022.

Majalah Suara KEMAS

Penerbitan Majalah Suara KEMAS pada tahun 2022 telah diterbitkan sebanyak dua (2) edisi. Ia memaparkan rangkuman aktiviti KEMAS seluruh Malaysia bagi tahun 2022.

Pengemaskinian media sosial rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat

Media sosial rasmi KEMAS merupakan platform untuk mempromosikan program dan aktiviti Jabatan Kemajuan Masyarakat sepanjang tahun.

BIL	KEKERAPAN PENGEMASKINIAN		
	BULAN	FACEBOOK	INSTAGRAM
1	Januari	23	11
2	Februari	15	7
3	Mac	40	14
4	April	38	13
5	Mei	44	12
6	Jun	36	3
7	Julai	37	3
8	Ogos	31	5
9	September	40	5
10	Oktober	66	9
11	November	30	5
12	Disember	31	7

Pengurusan video, fotografi dan liputan langsung (live)


UKK juga terlibat secara langsung dengan tugas-tugas seperti pengurusan video, fotografi dan liputan langsung (live) melalui saluran media sosial rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat.



Media Sosial rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

Sepanjang tahun 2022, UKK telah menyelaras siaran langsung (*live*) program di *Facebook* rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat.

BIL	PROGRAM	TARIKH
1	Majlis Amanat Ketua Pengarah Tahun 2022 dan Majlis Apresiasi KEMAS 2021	24 Januari 2022
2	Bidadari Syurga Meraih Syurga	15 April 2022
3	Kursus Persediaan Pendidikan Awal Kanak-Kanak TABIKA KEMAS	18 April 2022
4	Bicara Integriti & Antirasuah KEMAS Siri 1 Reset Minda : “Aku bermotivasi, aku berintegriti”.	15 Jun 2022
5	Majlis Penyampaian Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak Siri 1/2022	24 Jun 2022
6	Program Wacana Ilmu, Wanita Inspirasiku (WINS) KEMAS Negeri Sembilan	7 Julai 2022
7	Bengkel Kemahiran Keibubapaan (Ibu Bapa Cool, Anak Hebat)	19 Julai 2022
8	Ceramah “Kerjaya dan Keluarga” oleh Ustazah Datuk Dr. Norhafizah Musa	4 Ogos 2022
9	Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan & Kibaran Jalur Gemilang KEMAS	11 Ogos 2022
10	Pelancaran Pusat Daya Maju (COME)	21 Ogos 2022
11	Perhimpunan Perdana Sempena Sambutan 60 Tahun Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	28 Ogos 2022
12	Bicara Integriti & Antirasuah KEMAS Siri 2 Tahun 2022- Bila Hadiah Menjadi Rasuah	13 September 2022
13	Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 edisi ke-17	1-2 Oktober 2022
14	Majlis Perasmian Penutupan Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 edisi ke-17	2 Oktober 2022
15	Majlis Konvokesyen Kemahiran Malaysia Jabatan Kemajuan Masyarakat ke-13	27 Oktober 2022



UNIT INTEGRITI



UNIT INTEGRITI

PENGENALAN

Unit Integriti KEMAS telah ditubuhkan pada tahun 2014 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit Integriti KEMAS menjalankan enam (6) fungsi utama iaitu Tadbir Urus, Pengurusan Aduan, Pengukuhan Integriti, Pematuhan, Pengesanan dan Pengesanan dan Tatatertib.

PRESTASI PERBELANJAAN UNIT

Tiada

PENCAPAIAN PROGRAM / AKTIVITI UNIT

Pengurusan Aduan

Sepanjang tahun 2022 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah menerima aduan sebanyak 138 aduan yang melibatkan salah laku serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi. Semua aduan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja.

Pecahan aduan mengikut negeri bagi tahun 2022 adalah seperti berikut :

NEGERI	BIL ADUAN	NEGERI	BIL ADUAN
Ibu Pejabat	35	Terengganu	7
Selangor	19	Kedah	6
N.Sembilan	12	Sarawak	5
Pahang	10	Melaka	5
Perak	8	Kelantan	5
W.Persekutuan	8	P.Pinang	3
Johor	7	Perlis	1
Sabah	7		

Pengukuhan Integriti

Program Bicara Integriti Dan Anti Rasuah KEMAS merupakan program bual bicara yang disiarkan secara dalam talian melalui *Facebook* rasmi KEMAS yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga KEMAS agar dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas seharian.

Penceramah bagi Bicara Integriti dan Anti Rasuah Siri 1 yang bertajuk “Aku Bermotivasi, Aku Berintegriti” telah disampaikan oleh Tuan Haji Zakaria Bin Zawawi, Pegawai Psikologi dari Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Program yang diadakan pada 15 Jun 2022 secara dalam talian menfokuskan budaya etika dan integriti serta komited, jujur serta amanah dalam menjalankan tugas.

Bicara Integriti dan Anti Rasuah Siri 2 pula menfokuskan berkenaan amalan memberi dan menerima hadiah memandangkan warga KEMAS yang sentiasa berdamping dengan masyarakat dalam menjalankan tugas rasmi.

Penstriman langsung program ditonton melalui *Facebook* rasmi KEMAS pada 13 September 2022. Ceramah telah disampaikan oleh Ketua Penolong Kanan Penguatkuasa (KPKPs), Encik Effezul Azran Bin Abd Maulop dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



BICARA INTEGRITI & ANTIRASUAH KEMAS SIRI 1 TAHUN 2022
RESET MINDA:
"AKU BERMOTIVASI, AKU BERINTEGRITI"

10.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI
RABU
15 JUN 2022

bersiaran langsung di:


BERSAMA:
 TUAN HAJI ZAKARIA BIN ZAWAWI,
 KETUA PENOLONG PENGARAH
 BAHAGIAN PENGURUSAN PSIKOLOGI,
 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)



Bicara Integriti _ Antirasuah KEMAS Siri 1 Tahun 2022



BICARA INTEGRITI & ANTIRASUAH KEMAS
SIRI 2 TAHUN 2022
"BILA HADIAH MENJADI RASUAH"

Bersama
EFFEZUL AZRAN BIN ABD MAULOP
KETUA PENOLONG KANAN PENGUASA
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

SELASA | 13 SEPTEMBER 2022
10.00 PAGI - 12.00 TENGAHARI

 **LIVE**
 KEMASOFFICIAL





Bicara Integriti _ Antirasuah KEMAS Siri 2 Tahun 2022

Seminar Pemantapan Integriti

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan bagi memantapkan pembudayaan integriti dalam kalangan kakitangan di peringkat Ibu Pejabat KEMAS dan juga di peringkat KEMAS negeri.

Objektif seminar ini adalah untuk meningkatkan dan memantapkan lagi nilai-nilai integriti kakitangan dalam menegakkan prinsip integriti.



Seminar Pemantapan Integriti 1



Seminar Pemantapan Integriti 2



Seminar Pemantapan Integriti 3



Seminar Pemantapan Integriti 3

Pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 2022 – 2026 dan Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 2022-2026 telah dilancarkan pada 5 Julai 2022 oleh Timbalan Menteri 1 Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Bin Mohamad. Pelancaran Buku Pelan OACP ini dengan visinya “KEMAS Berintegriti Rasuah Diperangi” membuktikan pendirian Jabatan dalam mendukung usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan anti rasuah.

Pelan OACP KEMAS ini menggariskan 5 bidang keutamaan iaitu Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pendidikan Kemahiran, Pembangunan Komuniti, Tadbir Urus dan Perolehan. Daripada lima bidang keutamaan itu, 5 strategi telah dikenal pasti merangkumi 6 objektif dengan 25 inisiatif secara keseluruhannya yang akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun (2022-2026) oleh warga KEMAS di semua peringkat



Pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 1



Pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2

DIREKTORI PEJABAT KEMAS





**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)
MALAYSIA**

Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah,
Aras 5-9 No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, W. Persekutuan Putrajaya

No. Tel : 03-8891 2000/2682

No. Faks : 03-8888 2312

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI PERLIS

Tingkat Bawah, Bangunan Persekutuan Lama,
01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan.

 : 04 – 976 1023 / 977 4860

 : 04 – 976 3772

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) KEDAH

Aras 2, Zon A, Wisma Persekutuan
Pusat Pentadbiran Kerajaan
06550 Bandar Muadzam Shah
Anak Bukit, Kedah Darul Aman

 : 04 – 732 2966 / 6891

 : 04 – 732 4075

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PULAU PINANG

Aras 2, Anjung A,
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara
Jalan Bertam
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

 : 04 – 575 5781 / 575 5762

 : 04 – 575 5760

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PERAK

Block C, Tingkat 2-3
Bangunan Persekutuan Guna Sama
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

 : 05 – 2535322

 : 05 – 25587003

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) SELANGOR

Lot 03-04, Tingkat 3,
Kompleks PKNS, Persiaran Tasik
40505 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

 : 03 – 5519 3044

 : 03 – 5519 9533

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI SEMBILAN

Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban
Negeri Sembilan

 : 06-763 8114

 : 06-764 0844

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) MELAKA

Tingkat 2, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka

 : 06-234 5000

 : 06-234 5010

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) JOHOR

Tingkat 6, Blok A, Wisma Persekutuan,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim

 : 07-2278941

 : 07-2241579

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI PAHANG

Tingkat 12 Wisma Persekutuan,
Jalan Gambut 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

 : 09-516 1636

 : 09-515 8177

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) TERENGGANU

Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

 : 09-622 1321

 : 09-622 6422

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) KELANTAN

Tingkat 9, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam, 15517 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim

 : 09 – 744 1051

 : 09 – 744 7723

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) SABAH

Aras 5, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS – Sulaman Likas
Peti Surat 11281
88800 Kota Kinabalu, Sabah

 : 088 – 488 407

 : 088 – 488 411

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) SARAWAK

Tingkat 6 & 7, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga,
93300 Kuching, Sarawak

 : 082 – 251 420

 : 082 – 244 460

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) WILAYAH PERSEKUTUAN

Lot 48565, Jalan 2/12 Kampung Sri Batu Muda
51100 Kuala Lumpur

 : 03 6250 0484/0485

 : 03 – 6250 0258

AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS (AKK) SERI ISKANDAR

32600 Bandar Baru Seri Iskandar
Bota, Perak Darul Ridzuan

 : 05 371 2102

 : 05 371 2102

AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS (AKK) GOPENG

Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS
Lot 133080, Laluan Persekutuan Gopeng
31600 Perak Darul Ridzuan

 : 05 357 7981

 : 05 357 7981

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) MELAKA

Tingkat 2, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka

 : 06-234 5000

 : 06-234 5010

INSTITUT LATIHAN KEMAS (ILK) KUANTAN

Jalan Tok Sira, Alor Akar
25050 Kuantan,
Pahang Darul Makmur

 : 09 568 4790

 : 09 567 6469

INSTITUT LATIHAN KEMAS (ILK) KUALA LUMPUR

Jalan Syed Putra
50460 Kuala Lumpur

 : 03 2274 3117

 : 03 227 3253

PUSAT LATIHAN KEMAS (PLK) KEPALA BATAS

13200 Kepala Batas
Seberang Perai,
Pulau Pinang

 : 04 575 1228

 : 04 575 8834

PUSAT LATIHAN KEMAS (PLK) MELAKA

Jalan Melor
75150 Bukit Baru,
Melaka

 : 06 282 4514

 : 06 281 6827

PUSAT LATIHAN KEMAS (PLK) TERENGGANU

Seberang Takir
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

 : 09 666 4298

 : 09 666 3103



JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

Aras 5-9, No 47,
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya.

☎ 03-8891 2682

☎ 03- 888 2312

✉ info@kemas.gov.my

🌐 www.kemas.gov.my